116-119 Sumber dan Kegunaan Dana Sistem Kewangan
119-140 Pengurusan Sistem Perbankan
141-146 Kemajuan Pelaksanaan Pelan Induk Sektor Kewangan
147-147 Aktiviti Penyeliaan
147-150 Pencapaian Penstrukturan Semula Sektor Perbankan
150-164 Prestasi Sistem Perbankan
164-171 Perbankan Islam
171-172 Institusi-institusi Kewangan Pembangunan (IKP)
172-178 Institusi-institusi Kewangan yang Lain
178-197 Pasaran Kewangan
197-201 Perkembangan Sistem Pembayaran

Sektor Kewangan

Sektor Kewangan

SUMBER DAN KEGUNAAN DANA SISTEM KEWANGAN

Aset sistem kewangan meningkat pada kadar yang lebih perlahan pada tahun 2001, selaras dengan pertumbuhan ekonomi yang lebih sederhana. Sebahagian besar daripada dana sistem kewangan diperolehi daripada deposit yang disimpan dengan institusi kewangan dan caruman kepada dana kumpulan wang simpanan, pencen dan insurans. Seperti tahun-tahun yang lepas, sumber-sumber ini sebahagian besarnya dilaburkan dalam pinjaman dan pendahuluan dan sekuriti.

Peningkatan jumlah aset sistem kewangan yang sederhana sebanyak 3.5% kepada RM1,295.2 bilion adalah disebabkan oleh peningkatan dalam aset sistem perbankan dan institusi perantaraan kewangan bukan bank (NBFI). Sebagai peratusan kepada KDNK, jumlah aset sistem kewangan meningkat kepada 389.4% daripada 367.1% pada tahun 2000. Memandangkan pertumbuhan aset NBFI yang lebih tinggi (6.7%) berbanding dengan sistem perbankan (2.1%), bahagian aset sistem perbankan daripada jumlah aset sistem kewangan Malaysia menurun daripada 67.8% pada akhir tahun 2000 kepada 66.9% pada akhir tahun 2001.

Bagi sistem perbankan, sebahagian besar daripada peningkatan aset adalah disebabkan oleh kenaikan aset bank perdagangan (termasuk bank-bank Islam), syarikat kewangan dan bank saudagar. Ini mencerminkan terutamanya peningkatan pinjaman dan pendahuluan dan pelaburan dalam sekuriti serta deposit dengan institusi kewangan yang lain. Aset NBFI mencakupi bahagian yang lebih besar sebanyak 33.1% daripada jumlah aset sistem kewangan pada akhir tahun 2001 (32.2% pada tahun 2000). Peningkatan dalam aset NBFI disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam aset kumpulan wang simpanan, pencen dan insurans (+RM25 bilion), yang mencakupi 92.7% daripada peningkatan dalam jumlah aset kumpulan ini.

Pada tahun ini, sebahagian besar sumber-sumber baru disumbangkan oleh deposit yang disimpan dengan institusi kewangan dan caruman kepada kumpulan wang simpanan, pencen dan insurans. Walaupun ia mencatatkan pertumbuhan yang lebih perlahan sebanyak 2.9% pada tahun 2001 (4.3% pada tahun 2000), deposit yang disimpan dengan institusi kewangan terus mencakupi bahagian yang terbesar (45.8%) daripada jumlah sumber dana pada akhir tahun 2001 (46% pada tahun 2000). Institusi perbankan (yang terdiri daripada bank perdagangan,

Graf 4.1
Aset Sistem Kewangan pada akhir tahun 2001*a* (% bahagian)



a Awalan

Jadual 4.1
Aset Sistem Kewangan

	Perubahan tahunan		Pada akhir tahun 2001*a*
	2000	2001*a*	
	RM bilion		
Sistem perbankan	**27.5**	**17.5**	**865.9**
Bank Negara Malaysia	1.9	0.8	149.7
Bank perdagangan[1]	29.8	5.6	529.5
Syarikat kewangan	-4.4	4.2	121.7
Bank saudagar	-2.3	4.2	41.1
Syarikat diskaun	2.6	2.7	23.8
Badan perantaraan kewangan bukan bank	**42.6**	**26.9**	**429.3**
Kumpulan wang simpanan pekerja, pencen dan insurans	27.8	25.0	294.3
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	*18.1*	*6.0*	*191.1*
Kumpulan wang simpanan & pencen lain	*3.1*	*8.6*	*40.3*
Kumpulan wang insurans nyawa	*6.1*	*9.2*	*47.6*
Kumpulan wang insurans am	*0.6*	*1.2*	*15.3*
Institusi kewangan pembangunan[2]	3.4	2.8	27.9
Institusi tabungan[3]	7.0	-1.5	30.7
Institusi kewangan lain[4]	4.4	0.7	76.3
Jumlah	**70.1**	**44.4**	**1295.2**

[1] Termasuk Bank Islam Malaysia Berhad dan Bank Muamalat Malaysia Berhad (sejak 1999).
[2] Termasuk Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad (MIDF), Bank Pertanian Malaysia, Perbadanan Kemajuan Borneo, Bank Pembangunan Sabah Berhad, Perbadanan Kredit Sabah, Eksport-Import Bank Malaysia Berhad, Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad dan Bank Industri dan Teknologi Malaysia Berhad.
[3] Termasuk Bank Simpanan Nasional, Bank Kerjasama Rakyat dan syarikat koperasi.
[4] Termasuk unit amanah (ASN, ASB, ASW2020, ASN2, ASM (Malaysia) dan ASM Mara), syarikat perumahan, Syarikat Jaminan Kredit Malaysia Berhad, Cagamas Berhad, syarikat pemajakan, syarikat pemfaktoran dan syarikat modal usaha niaga.
a Awalan

Jadual 4.2
Sumber dan Kegunaan Dana Sistem Kewangan

	Perubahan tahunan		Pada akhir tahun 2001*a*
	2000	2001*a*	
	RM bilion		
Sumber:			
Modal dan rizab	7.1	4.7	126.7
Mata wang	-3.8	-1.3	25.4
Deposit[1]	23.9	16.8	592.6
Peminjaman	-0.4	-0.2	7.3
Dana dari institusi kewangan lain[1]	-3.3	0.5	68.9
Kumpulan wang insurans dan simpanan	23.1	20.0	257.1
Liabiliti lain	23.5	3.9	217.2
Jumlah	**70.1**	**44.4**	**1295.2**
Kegunaan:			
Mata wang	-2.4	-2.1	4.5
Deposit dengan institusi kewangan lain	5.3	-6.3	178.0
Bil	0.1	-0.3	16.3
Perbendaharaan	*0.6*	*-0.2*	*4.0*
Perdagangan	*-0.4*	*-0.1*	*12.2*
Pinjaman dan pendahuluan[2]	24.6	20.5	534.7
Sekuriti	35.4	36.7	306.8
Kerajaan Malaysia	*12.6*	*14.1*	*101.6*
Asing	*0.3*	*0.9*	*2.7*
Korporat	*19.9*	*22.3*	*195.7*
Lain-lain	*2.6*	*-0.7*	*6.9*
Emas dan rizab pertukaran wang	-3.9	3.7	113.5
Aset lain	11.2	-7.9	141.3

[1] Berkuatkuasa 1998, rizab berkanun institusi perbankan telah dikelaskan sebagai "Dana daripada institusi kewangan lain" berbanding "Deposit". Sehubungan dengan ini, data untuk tahun sebelumnya juga telah dipinda seperti yang sepatutnya.
[2] Tidak termasuk pinjaman yang telah dijual kepada Danaharta.
a Awalan

syarikat kewangan, bank saudagar dan rumah diskaun) juga merupakan penerima deposit yang terbesar, mencakupi sebanyak 83.4% daripada jumlah deposit sistem kewangan (84.1% pada tahun 2000).

Graf 4.2
Sumber dan Kegunaan Dana Sistem Kewangan pada akhir tahun 2001*a* (% bahagian)



a Awalan

Dari segi pemegang, deposit disimpan terutamanya oleh sektor swasta bukan kewangan (terdiri daripada individu dan perusahaan perniagaan), mencakupi sebanyak 68.6% daripada jumlah deposit pada akhir tahun 2001. Deposit kumpulan ini meningkat sebanyak 4.4% pada tahun 2001, disebabkan terutamanya oleh kenaikan dalam deposit individu. Seperti pada tahun-tahun yang lepas, deposit tetap terus mencakupi sebahagian besar daripada kenaikan dalam deposit yang disimpan oleh sektor swasta bukan kewangan. Dari segi tempoh cukup matang, deposit tetap terus tertumpu kepada tempoh cukup matang yang pendek.

Simpanan berkontrak dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan pencen serta sumbangan kepada kumpulan wang insurans terus menjadi sumber utama dana bagi sistem kewangan, meningkat sebanyak 8.4% untuk mencakupi bahagian sebanyak 19.8% daripada jumlah dana yang disimpan dengan sistem kewangan pada tahun

Jadual 4.3
Deposit Sektor Swasta Bukan Kewangan[1] dengan Sistem Kewangan[2]

	Perubahan tahunan		Pada akhir tahun 2001*a*
	2000	2001*a*	
	RM bilion		
Deposit[3] dengan:			
Bank perdagangan	37.5	14.3	301.8
Syarikat kewangan	-0.9	2.6	60.8
Bank saudagar	2.9	-2.4	11.3
Syarikat diskaun	1.3	0.0	5.3
Bank Simpanan Nasional	3.4	0.1	10.6
Lain-lain	3.1	2.3	16.6
Jumlah	**47.3**	**17.0**	**406.5**
Deposit permintaan	14.8	2.1	58.1
Deposit tetap	21.9	9.2	269.1
Deposit tabungan	10.2	4.0	58.6
IDB[4]	0.0	-1.1	1.8
Repo[5]	0.4	2.8	18.8
Deposit tetap *di antaranya:*			
Sehingga 1 tahun	*10.6*	*6.6*	*237.0*
Lebih dari 1 tahun	*11.4*	*2.6*	*32.2*

[1] Merujuk kepada deposit perusahaan perniagaan (tidak termasuk PABK) dan individu
[2] Tidak termasuk kumpulan wang simpanan dan insurans, serta institusi kewangan lain.
[3] Merujuk kepada deposit permintaan, tabungan dan tetap, instrumen deposit boleh niaga dan repo.
[4] Merujuk kepada instrumen deposit boleh niaga.
[5] Merujuk kepada perjanjian belian balik.
a Awalan

2001. Sementara itu, modal dan rizab sistem kewangan meningkat sebanyak 3.9% (+6.1% pada tahun 2000), mencerminkan terutamanya pengukuhan kedudukan modal institusi perbankan.

Jadual 4.4
Haluan Kredit[1] kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan

	Perubahan tahunan		Pada akhir tahun 2001*a*
	2000	2001*a*	
	RM bilion		
Pinjaman dan pendahuluan	**22.9**	**21.6**	**501.1**
Pertanian	2.7	0.3	13.7
Perlombongan dan kuari	0.0	-0.1	1.3
Perkilangan	1.6	-1.2	55.8
Perumahan	13.2	12.8	111.1
Pembinaan[2]	-3.3	1.8	84.1
Perkhidmatan perniagaan	-0.9	1.4	21.8
Perdagangan am	0.9	0.8	19.4
Pengangkutan dan penyimpanan	0.1	-0.9	13.4
Pembelian saham	0.0	-2.4	20.5
Kredit penggunaan	7.4	9.6	68.3
Lain-lain	1.0	-0.4	91.7
Pelaburan dalam sekuriti korporat	**16.0**	**22.3**	**195.7**
Jumlah	**38.9**	**44.0**	**696.8**

[1] Tidak termasuk kredit kepada perusahaan awam bukan kewangan.
[2] Termasuk pinjaman kepada harta tanah.
a Awalan

Kenaikan dalam jumlah sumber sistem kewangan pada tahun 2001, sebahagian besarnya dilaburkan dalam pinjaman dan pendahuluan dan sekuriti. Pertumbuhan jumlah pinjaman dan pendahuluan kekal tinggi pada RM20.5 bilion atau 4% pada tahun 2001 (+RM24.6 bilion atau 5% pada tahun 2000) walaupun pertumbuhan KDNK benar adalah lebih rendah. Pertumbuhan pinjaman yang tinggi ini disebabkan terutamanya oleh kenaikan permintaan daripada isi rumah. Ini dicerminkan oleh pinjaman yang disalurkan untuk pembelian

Graf 4.3
Deposit Sektor Swasta Bukan Kewangan dengan Sistem Kewangan pada akhir tahun 2001*a* (% bahagian)



a Awalan

Graf 4.4
Haluan Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan pada akhir tahun 2001*a* (% bahagian)



a Awalan

rumah kediaman dan kereta penumpang yang lebih tinggi.

Pelaburan dalam sekuriti oleh sistem kewangan terus meningkat pada tahun 2001, mencatatkan kenaikan sebanyak 13.6%. Secara khusus, terdapat peningkatan yang tinggi dalam pelaburan pasaran sekuriti korporat (+RM22.3 bilion) dan sekuriti Kerajaan (+RM14.1 bilion) selaras dengan peningkatan dalam terbitan Sekuriti Hutang Swasta (PDS) dan Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) serta jangkaan pasaran untuk kadar faedah yang lebih rendah yang telah menggalakkan pelabur untuk membeli sekuriti hutang. Kumpulan wang simpanan dan pencen terus kekal sebagai pelabur utama dalam sekuriti, mencakupi 41% daripada kenaikan dalam pelaburan sekuriti. Selepas mencatatkan penurunan pada tahun lepas (-RM3.9 bilion), pemegangan kasar emas dan rizab pertukaran asing bertukar arah untuk mencatatkan peningkatan kecil sebanyak RM3.7 bilion pada tahun 2001 disebabkan terutamanya oleh perolehan eksport yang dibawa pulang daripada luar negara dan aliran masuk pelaburan langsung asing.

PENGURUSAN SISTEM PERBANKAN

Strategi-strategi yang telah diperkenalkan pada tahun 1999 dan 2000 untuk mengukuhkan sektor perbankan terus dilaksanakan pada tahun 2001 bertujuan untuk meningkatkan keupayaan sektor perbankan untuk beroperasi di dalam suasana ekonomi yang lebih bersaing dan mencabar. Khususnya, usaha menyusun semula hutang korporat bersaiz besar telah dipergiatkan lagi pada tahun 2001. Hasil positif yang dicapai menerusi penyusunan institusi oleh pihak Kerajaan semasa krisis kewangan juga telah berjaya mengurangkan kesan kelembapan ekonomi terhadap kestabilan sistem perbankan. Walaupun peristiwa 11 September telah meninggalkan kesan negatif kepada ekonomi dunia dan seterusnya memberi impak kepada ekonomi Malaysia, sektor perbankan Malaysia kekal berdaya tahan dan berupaya untuk memainkan peranan perantaraannya dengan cekap dan berkesan pada sepanjang tahun. Jumlah pinjaman belum jelas sistem perbankan terus mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 3.4%, manakala keuntungan sebelum cukai awalan yang dicatatkan pada tahun 2001 sebanyak RM7.5 bilion akan memperkukuhkan lagi modal asas sistem perbankan dan seterusnya meningkatkan kapasiti sistem perbankan untuk menghadapi cabaran masa hadapan. Sehubungan itu, tumpuan dasar perbankan pada sepanjang tahun 2001 adalah bertujuan untuk memelihara integriti dan daya tahan sistem perbankan di tengah persekitaran yang lebih mencabar di samping membina asas-asas yang diperlukan untuk pembangunan sistem perbankan jangka panjang bagi memenuhi keperluan ekonomi yang berubah-ubah seperti digariskan dalam Pelan Induk Sektor Kewangan. Dengan meningkatnya daya tahan sistem perbankan, BNM mengalihkan tumpuannya daripada mengurus masalah sistem perbankan kepada usaha jangka sederhana dan panjang bagi membangunkan sistem kewangan yang lebih teguh dan mantap.

Perkembangan pada tahun 2001

Usaha penyusunan semula yang dilaksanakan sejak krisis kewangan telah meletakkan sektor perbankan pada kedudukan yang lebih kukuh untuk mengatasi tekanan selanjutnya dan untuk menyumbang kepada kestabilan makroekonomi. Pelbagai langkah kehematan dan pembangunan yang telah diperkenalkan sebelum ini juga telah membantu memperbaiki amalan pengurusan perniagaan dan

Walaupun peristiwa 11 September telah meninggalkan kesan negatif kepada ekonomi dunia dan seterusnya memberi impak kepada ekonomi Malaysia, sektor perbankan Malaysia kekal berdaya tahan dan berupaya untuk memainkan peranan perantaraannya dengan cekap dan berkesan di sepanjang tahun.

risiko di dalam institusi perbankan. Walau bagaimanapun, institusi perbankan akan terus tertakluk kepada pengawalan dan penyeliaan yang ketat. Ujian tekanan yang lebih intensif telah dijalankan ke atas institusi perbankan dan mereka juga dikehendaki mengemukakan statistik yang lebih terperinci untuk mengenal pasti punca potensi kelemahan. BNM juga telah mengadakan lebih banyak sesi dialog dengan institusi perbankan untuk memudahkan penggubalan langkah-langkah terdahulu yang boleh membantu mengurangkan impak kelembapan ekonomi ke atas sistem perbankan dan mengekalkan kekukuhan sektor perbankan. Satu punca potensi kelemahan yang perlu diberi perhatian ialah penyelesaian hutang korporat bersaiz besar dan kesannya terhadap kestabilan sektor perbankan. Oleh yang sedemikian, rangka kerja penyusunan semula hutang korporat di bawah Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) telah diubahsuai untuk mempercepatkan lagi proses penyusunan semula hutang korporat di Malaysia. Para peminjam dan pemiutang dikenakan jadual yang lebih ketat dan tetap dalam melaksanakan proses penyusunan semula hutang untuk memastikan mereka menyempurnakan proses penyelesaian dalam jangka masa yang paling singkat. Keahlian Jawatankuasa Pemandu juga telah ditambah dengan melantik wakil-wakil daripada Pengurusan Danaharta Nasional Berhad dan Kesatuan Syarikat-syarikat Awam Tersenarai. Penyusunan semula operasi juga dilaksanakan serentak dengan penyusunan semula kewangan untuk memastikan keberkesanan skim penyusunan semula hutang. Kemajuan ketara telah dicapai sejak pengubahsuaian rangka kerja CDRC dengan penyelesaian beberapa kes, termasuklah penyusunan semula hutang tiga syarikat gergasi. Pada mulanya, CDRC telah mensasarkan 10 kes dengan jumlah pinjaman sebanyak RM10.2 bilion untuk diselesaikan di antara 1 Ogos 2001 dan 31 Disember 2001. Setakat 31 Disember 2001, CDRC telah berjaya menyelesaikan lapan kes yang melibatkan 83.5% daripada jumlah hutang yang telah disasar untuk diselesaikan. Secara keseluruhannya, CDRC telah berjaya menyusun semula 11 kes pada tahun 2001, yang melibatkan hutang berjumlah RM11.9 bilion. Dengan ekonomi dijangka bertambah baik pada tahun 2002, CDRC berada di kedudukan yang selesa untuk menyelesaikan kesemua baki kes sebelum akhir bulan Julai 2002 seperti yang disasarkan.

Program penggabungan institusi perbankan domestik yang telah dimulakan pada tahun 1999 telah selesai dilaksanakan pada tahun 2000. Program ini telah berjaya menyatukan sektor perbankan domestik yang dahulunya berpecah tanpa mengganggu-gugat tahap perkhidmatan perbankan yang disediakan. Pada tahun 2001, fokus kumpulan perbankan domestik adalah untuk menyempurnakan proses integrasi perniagaan dan langkah rasionalisasi. Ini adalah merupakan aspek penggabungan yang paling kritikal. Kumpulan perbankan yang terlibat tidak akan mengecapi manfaat penggabungan dan mencapai ekonomi ikut bidangan, sinergi dan kecekapan yang lebih tinggi tanpa merasionalisasikan operasi perbankan dan menghapuskan duplikasi dalam penggunaan sumber. Oleh yang sedemikian, kesemua kumpulan perbankan telah mengambil peluang untuk merombak, merasionalisasikan dan menstruktur semula operasi perniagaan mereka, termasuk rangkaian cawangan dan keperluan tenaga kerja, agar selaras dengan strategi perniagaan masa hadapan. Pada akhir tahun 2001, kesemua kumpulan perbankan telah menjalankan usaha merasionalisasikan cawangan dan lima kumpulan perbankan telah merasionalisasikan tenaga kerja mereka. Kesemua langkah perasionalan kakitangan telah dilaksanakan secara sukarela. Kakitangan yang terlibat telah diberi opsyen sama ada untuk

Jadual 4.5
Program Penggabungan Institusi Perbankan Domestik

Kumpulan Perbankan Teras Asal	Bergabung dengan	Entiti Selepas Penggabungan
1 Kumpulan Affin Bank Berhad Perwira Affin Bank Berhad Asia Commercial Finance Berhad Perwira Affin Merchant Bank Berhad	BSN Commercial Bank (M) Berhad BSN Finance Berhad BSN Merchant Bankers Berhad	Affin Bank Berhad AFFIN ACF Finance Berhad Affin Merchant Bank Berhad
2 Kumpulan Alliance Bank Berhad Multi-Purpose Bank Berhad	International Bank Malaysia Berhad Sabah Bank Berhad Sabah Finance Berhad Bolton Finance Berhad Amanah Merchant Bank Berhad Bumiputra Merchant Bankers Berhad	Alliance Bank Berhad Alliance Finance Berhad Alliance Merchant Bank Berhad
3 Kumpulan Arab-Malaysian Bank Berhad Arab-Malaysian Bank Berhad Arab-Malaysian Finance Berhad Arab-Malaysian Merchant Bank Berhad	MBf Finance Berhad	Arab-Malaysian Bank Berhad Arab-Malaysian Finance Berhad[1] Arab-Malaysian Merchant Bank Berhad
4 Kumpulan Bumiputra Commerce Bank Berhad Bumiputra Commerce Bank Berhad Bumiputra Commerce Finance Berhad Commerce International Merchant Bankers Berhad		Bumiputra Commerce Bank Berhad Bumiputra Commerce Finance Berhad Commerce International Merchant Bankers Berhad
5 Kumpulan EON Bank Berhad EON Bank Berhad EON Finance Berhad	Oriental Bank Berhad City Finance Berhad Perkasa Finance Berhad Malaysian International Merchant Bankers Berhad	EON Bank Berhad EON Finance Berhad Malaysian International Merchant Bankers Berhad
6 Kumpulan Hong Leong Bank Berhad Hong Leong Bank Berhad Hong Leong Finance Berhad	Wah Tat Bank Berhad Credit Corporation (Malaysia) Berhad	Hong Leong Bank Berhad Hong Leong Finance Berhad
7 Kumpulan Malayan Banking Berhad Malayan Banking Berhad Mayban Finance Berhad Aseambankers Malaysia Berhad	The Pacific Bank Berhad PhileoAllied Bank (M) Berhad Sime Finance Berhad Kewangan Bersatu Berhad[2]	Malayan Banking Berhad Mayban Finance Berhad Aseambankers Malaysia Berhad
8 Kumpulan Public Bank Berhad Public Bank Berhad Public Finance Berhad	Hock Hua Bank Berhad Advance Finance Berhad Sime Merchant Bankers Berhad	Public Bank Berhad Public Finance Berhad Public Merchant Bank Berhad
9 Kumpulan RHB Bank Berhad RHB Bank Berhad RHB Sakura Merchant Bankers Berhad	Delta Finance Berhad Interfinance Berhad	RHB Bank Berhad RHB Delta Finance Berhad RHB Sakura Merchant Bankers Berhad
10 Kumpulan Southern Bank Berhad Southern Bank Berhad	Ban Hin Lee Bank Berhad United Merchant Finance Berhad Perdana Finance Berhad Cempaka Finance Berhad Perdana Merchant Bankers Berhad	Southern Bank Berhad Southern Finance Berhad Southern Investment Bank Berhad

Nota: [1] Sedang dalam proses penggabungan operasi perniagaan dengan MBf Finance Berhad.
[2] Akan diserap ke dalam Mayban Finance Berhad.

dipindahkan ke bahagian perniagaan lain yang difikirkan sesuai atau menyertai skim pemisahan sukarela. Untuk kakitangan yang memilih untuk menyertai skim pemisahan sukarela, mereka telah diberikan pampasan yang berpatutan. Skim pampasan yang diberikan adalah secara amnya konsisten di kalangan kumpulan perbankan. Kakitangan terlibat juga diberi peluang untuk menyertai program latihan semula yang bertujuan untuk meningkatkan kepakaran mereka di bidang perniagaan alternatif dan seterusnya melicinkan proses perpindahan ke segmen ekonomi lain. Berikutan langkah perasionalan yang dijalankan di sepanjang tahun, sebanyak 187 cawangan telah ditutup dan 55 cawangan dipindahkan. Pada masa yang sama, seramai 4,240 kakitangan telah meninggalkan industri perbankan.

Kesemua kumpulan perbankan telah selesai melaksanakan integrasi sistem perniagaan pada tahun 2001 dengan gangguan yang minimum terhadap tahap perkhidmatan perbankan yang diberikan kepada para pelanggan, dan seterusnya membolehkan para pelanggan untuk menikmati perkhidmatan yang pelbagai daripada institusi-institusi yang telah bergabung. Para pelanggan kini boleh menikmati beraneka jenis perkhidmatan perbankan menerusi penjualan silang produk perbankan di antara institusi di dalam kumpulan perbankan yang sama. Kumpulan perbankan yang bergabung kini mempunyai modal yang lebih besar untuk memenuhi keperluan perbelanjaan modal pada masa hadapan di samping mengambil risiko yang lebih tinggi berikutan skop aktiviti perniagaan yang lebih meluas. Institusi perbankan domestik kini telah memulakan kempen promosi jenama secara lebih agresif untuk menampilkan diri sebagai peserta utama di dalam industri perbankan Malaysia.

Program penggabungan dan perubahan struktur yang telah dilaksanakan oleh sektor perbankan sejak tahun 1998 telah meningkatkan keupayaan sektor perbankan untuk menyesuaikan diri dan menghadapi persekitaran yang lebih mencabar. Sebagai penentu kejayaan utama kepada proses transformasi dan pertumbuhan ekonomi di Malaysia, pembangunan sektor kewangan perlu diselaraskan dengan hala tuju pembangunan pertumbuhan ekonomi yang diingini. Ini merupakan elemen penting di sebalik perumusan Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK) oleh BNM yang telah dilancarkan pada bulan Mac 2001, yang melakarkan strategi meluas pembangunan sektor kewangan Malaysia bagi tempoh 10 tahun akan datang.

PISK menggariskan agenda jangka sederhana dan panjang bagi membina sektor kewangan yang responsif terhadap perubahan keperluan ekonomi dan berdaya tahan, efisien dan kompetitif. Dalam mencapai matlamat terakhir yang ditetapkan, blok-blok pembentukan pelbagai bahagian sektor kewangan perlu dibina bagi menyediakan asas yang kukuh untuk kemajuan selanjutnya. Oleh itu, saranan-saranan yang terkandung di dalam PISK adalah tertumpu kepada usaha menambah kapasiti dan keupayaan domestik sebelum beralih kepada usaha membangunkan persekitaran yang lebih berdaya saing di dalam fasa kedua, sebelum melangkah ke arah integrasi antarabangsa yang lebih meluas. PISK telah mengenal pasti tiga objektif utama di dalam fasa pelaksanaan: pertama, untuk ***meningkatkan kapasiti domestik*** menerusi peningkatan kemampuan institusi perbankan domestik dan menyahkawalselia peraturan tertentu untuk meningkatkan tahap persaingan; kedua, ***menggalakkan kestabilan kewangan*** menerusi pengawalan dan penyeliaan berhemat berlaraskan risiko yang kukuh; dan akhir sekali, untuk ***memenuhi objektif sosioekonomi*** Malaysia, termasuk meningkatkan tahap aktivisme pengguna. Sehubungan itu, teras dasar dan langkah-langkah yang telah diambil pada tahun 2001 bertujuan untuk memenuhi objektif-objektif ini.

Meningkatkan Kapasiti Domestik

Satu perkembangan yang amat penting pada tahun 2001 ialah pengenalan perbankan internet oleh institusi perbankan domestik. Lapan kumpulan perbankan domestik kini menawarkan perkhidmatan perbankan sepenuhnya melalui internet. Ini merupakan pencapaian penting bagi sektor perbankan Malaysia, bukan sahaja dari segi saluran hantaran baru tetapi juga menandakan permulaan proses liberalisasi. Walaupun PISK merancangkan bahawa liberalisasi persekitaran operasi untuk bank-bank asing akan bermula di Fasa 2 iaitu selepas 2003, berdasarkan kemajuan yang telah dicapai oleh institusi perbankan domestik untuk bersaing, bank perdagangan milik asing telah dibenarkan untuk menawarkan perkhidmatan perbankan internet bercorak urus niaga bermula daripada 1 Januari 2002. Setakat ini, tiga bank perdagangan milik asing telah mengambil kesempatan ini dan menawarkan perkhidmatan perbankan internet urus niaga.

Penyelesaian program penggabungan bagi sektor perbankan domestik merupakan satu langkah permulaan dalam meningkatkan kapasiti peserta domestik untuk bersaing di dalam persekitaran

perniagaan yang baru. Sehubungan ini, kumpulan perbankan domestik perlu sentiasa menilai kedudukan mereka, bukan sahaja di dalam pasaran tempatan tetapi juga secara perbandingan dengan peserta serantau dan antarabangsa, di samping membangunkan strategi untuk meningkatkan sifat kompetitif mereka di dalam segmen pasaran yang disasar. Usaha menanda aras kedudukan berbanding dengan pesaing lain yang setanding di dalam sektor perbankan domestik serta bank asing yang beroperasi di Malaysia adalah prasyarat yang penting bagi peserta domestik untuk meraih kelebihan persaingan, di samping menetapkan sasaran realistik untuk peningkatan.

Oleh yang sedemikian, program menanda aras yang telah dimulakan pada tahun 2000 merupakan salah satu agenda yang diteruskan untuk meningkatkan kapasiti institusi perbankan. Program menanda aras adalah merupakan alat yang berkesan kepada institusi perbankan untuk mencari di mana kekuatan mereka dan mengenal pasti peluang-peluang yang boleh dimanfaatkan untuk meningkatkan pulangan di dalam bidang di mana mereka mempunyai kelebihan berbanding. Dengan pelanggan kian canggih, keupayaan institusi perbankan untuk menyediakan perkhidmatan kewangan sepenuhnya pada harga kompetitif menjadi semakin penting. Produk kewangan yang disediakan perlu bersifat peribadi dan berasaskan citarasa sendiri mengikut keperluan individu pelanggan korporat dan runcit. Oleh yang sedemikian, institusi perbankan perlu lebih proaktif dan inovatif dalam mengenal pasti bidang "niche" masing-masing dan mempakej serta memasar produk mereka untuk memenuhi kehendak bidang "niche" mereka. Menyedari cabaran yang bakal dihadapi ini, keperluan institusi perbankan untuk merumuskan pelan dengan batu-batu tanda yang jelas dengan sumber-sumber yang diperlukan adalah penting untuk mencapai objektif-objektif ini. Garisan asas bagi perbandingan masa hadapan perlu ditetapkan. Oleh itu, institusi perbankan perlu memperuntukkan sumber yang mencukupi dan melaksanakan langkah meningkatkan kapasiti untuk mencapai objektif strategik ini.

Sehubungan ini, setelah berunding dengan industri perbankan, BNM telah merumus satu set penanda aras umum. Ini merupakan rangka kerja awalan untuk mengukur kedudukan institusi perbankan berbanding pesaing setara mereka dan mendorong peningkatan prestasi setiap institusi perbankan. Penanda-penanda aras ini merangkumi penunjuk nisbah operasi dan kewangan, penunjuk meluas mengenai perkhidmatan pelanggan dan nisbah untuk menilai tahap kecekapan operasi di dalam sesebuah institusi perbankan. BNM akan terus menyediakan statistik purata industri kepada institusi perbankan setiap suku tahun untuk memudahkan pemantauan dalaman mereka. Usaha sedang dijalankan untuk memperhaluskan penunjuk prestasi umum ini bagi membolehkan institusi perbankan menilai kedudukan kompetitif mereka secara lebih berkesan, terutamanya dalam mengenal pasti jurang dan peluang dalam konteks segmen pelanggan dan produk yang berlainan. Dengan memantau nisbah terperinci mengenai kos dan pulangan produk, transaksi, segmen pelanggan dan saluran hantaran yang berlainan, institusi perbankan akan mempunyai kemampuan untuk menilai kekuatan dan kebolehan utama mereka. Pemahaman sedemikian akan membantu institusi perbankan mengkaji semula model perniagaan yang sedia ada, mengenal pasti fokus masa hadapan dan memanfaatkan kelebihan masing-masing untuk meningkatkan nilai pemegang saham.

Mengesan sejauh mana kemajuan telah dicapai adalah merupakan satu aspek penting bagi proses tersebut. Lembaga pengarah sudah tentu diharap untuk mempamerkan komitmen yang tinggi untuk memacu proses ini. Untuk tujuan ini, BNM telah memperkenalkan satu siri program kesedaran untuk pengarah dan pihak pengurusan kanan institusi

BNM terus memberi penekanan bagi mengekalkan kekukuhan dan daya tahan sektor perbankan sambil menggalakkan persekitaran inovasi dan persaingan di kalangan peserta pasaran kewangan. Oleh yang sedemikian, cabaran yang dihadapi adalah untuk mengimbangi tukar ganti di antara menggalakkan inovasi di antara peserta sistem kewangan dan mengekalkan kestabilan kewangan secara keseluruhannya.

perbankan bagi meningkatkan kesedaran mereka mengenai amalan terbaik di dalam bidang utama perbankan dan isu-isu berbangkit yang dihadapi oleh industri perbankan. Seminar pertama yang diadakan adalah mengenai program tanda aras yang bertujuan untuk meningkatkan tahap pemahaman lembaga pengarah dan pihak pengurusan kanan institusi perbankan berhubung isu tersebut. Di antara topik yang telah dibincang ialah strategi yang patut diambil dalam melaksanakan program tanda aras, bagaimana program tanda aras dapat membantu sesebuah institusi dalam menetapkan strategi perniagaan dan memacu pencapaian terbaik, di samping bagaimana program tanda aras boleh diserapkan ke dalam amalan pengurusan risiko. Selaras dengan strategi PISK, lebih banyak lagi seminar akan dikelolakan dengan memberi penekanan kepada bidang yang berkaitan dengan usaha meningkatkan kapasiti institusi perbankan.

Sebagaimana yang telah disarankan di dalam PISK, BNM juga telah membentuk rangka kerja meluas untuk menubuhkan bank pelaburan yang 'lengkap' di Malaysia. Fungsi-fungsi bank pelaburan pada masa ini dijalankan oleh entiti berlainan di dalam sesebuah kumpulan perbankan: iaitu bank saudagar, syarikat broker saham dan rumah diskaun. Suasana persekitaran yang lebih kompetitif dan mencabar telah menjadikan satu kemestian bagi institusi-institusi yang berlainan ini untuk mencapai tahap kecekapan dan ekonomi berskala yang lebih tinggi, dengan mempermudahkan penggabungan di antara institusi yang berlainan ini. Dengan adanya bank pelaburan, pengguna boleh menikmati manfaat dari segi keupayaan mendapatkan produk dan perkhidmatan perbankan dan sekuriti yang lebih luas daripada entiti yang bergabung. Untuk tujuan ini, satu kajian telah dijalankan oleh BNM untuk mengenal pasti skop perniagaan, struktur yang diinginkan dan rangka kerja pengawalseliaan untuk bank pelaburan. Oleh kerana skop aktiviti bank pelaburan akan menjurus kepada aktiviti yang berkaitan dengan perbankan serta pasaran modal dan sekuriti, entiti yang bergabung perlu dikawal selia oleh kedua-dua agensi terlibat iaitu BNM dan Suruhanjaya Sekuriti (SC). Oleh yang sedemikian, langkah-langkah sedang diambil untuk menyelaraskan rangka kerja perundangan dan pengawalseliaan bagi bank saudagar dan syarikat broker saham. Langkah ini adalah penting untuk meminimumkan jurang pengawalseliaan dan untuk memastikan agar bank pelaburan tidak dibebankan dengan pengawalseliaan yang berlebihan memandangkan ianya tertakluk kepada dua agensi pengawal selia. Langkah-langkah juga sedang diambil untuk menyelaraskan garis panduan, amalan terbaik dan syarat peperiksaan yang dikenakan ke atas syarikat broker saham dan peniaga terkecuali, yang terdiri daripada bank perdagangan dan bank saudagar. Dengan pempiawaian syarat operasi dan kerjasama berterusan di antara BNM dan SC, sektor perbankan dan pasaran modal berada di kedudukan yang baik untuk mendapat manfaat daripada usaha membangunkan pasaran modal teguh dan mantap sebagaimana yang diilhamkan oleh Pelan Induk Pasaran Modal.

Menggalakkan Kestabilan Kewangan

Inisiatif untuk mengukuhkan lagi kapasiti institusi perbankan domestik telah dilengkapkan dengan peningkatan berterusan ke atas peraturan kehematan untuk mengekalkan kestabilan sektor perbankan dan membolehkan sektor perbankan menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku di dalam industri. BNM terus memberi penekanan bagi mengekalkan kekukuhan dan daya tahan sektor perbankan sambil menggalakkan persekitaran inovasi dan persaingan di kalangan peserta pasaran kewangan. Oleh yang sedemikian, cabaran yang dihadapi adalah untuk mengimbangi tukar ganti di antara menggalakkan inovasi di antara peserta sistem kewangan dan mengekalkan kestabilan kewangan secara keseluruhannya.

Institusi perbankan banyak terlibat dalam bidang pengurusan risiko. Untuk memastikan keselamatan dan keteguhan sistem perbankan dan kepentingan para pendeposit sentiasa terpelihara, pemantauan institusi perbankan melalui rangka kerja pengawalan dan penyeliaan yang berfokuskan risiko dan terlaras risiko yang efektif adalah kritikal. Sebelum ini, garis panduan berhubung pengurusan risiko bagi urus niaga derivatif pernah dikeluarkan untuk menerap amalan pengurusan risiko yang baik di kalangan institusi perbankan di dalam bidang urus niaga derivatif. Menyedari keperluan untuk meningkatkan rangka kerja pengurusan risiko secara keseluruhannya dan untuk menyelaraskan amalan institusi perbankan dengan amalan terbaik antarabangsa, BNM telah mengeluarkan satu garis panduan berhubung amalan terbaik untuk pengurusan risiko kredit dan sedang merangka rangka kerja pengurusan risiko pasaran yang lebih komprehensif untuk menangani pendedahan risiko yang terkandung di dalam perniagaan perbankan.

Penekanan yang terus diberi terhadap pengurusan risiko kredit yang kukuh menguatkan lagi pendapat bahawa risiko kredit merupakan sumber risiko yang

terbesar yang dihadapi oleh institusi perbankan kerana teras perniagaan mereka adalah dalam pemberian pinjaman. Krisis kewangan Asia baru-baru ini telah menekankan bahawa pengurusan risiko kredit yang tidak baik adalah punca kelemahan di dalam institusi perbankan dan ketiadaan amalan risiko kredit yang baik dan budaya kredit yang kukuh akan mengakibatkan kerugian yang besar bahkan melumpuhkan. Oleh yang sedemikian, garis panduan Amalan Terbaik bagi Pengurusan Risiko Kredit menyediakan asas untuk memperbaiki amalan institusi perbankan berhubung dengan pengurusan dan pentadbiran kredit. Garis panduan ini menetapkan syarat khusus yang perlu dipatuhi oleh institusi perbankan, serta amalan terbaik yang digalakkan untuk dipatuhi oleh institusi perbankan. Penerapan amalan dan budaya pengurusan risiko kredit yang baik sebagaimana yang diilhamkan di dalam garis panduan tersebut adalah bersandarkan kepada empat tonggak: meningkatkan tanggungjawab lembaga pengarah dan pengurusan institusi perbankan di dalam proses pengurusan risiko kredit, memastikan adanya infrastruktur yang secukupnya untuk pengurusan risiko kredit secara efektif, pembangunan proses pengurusan risiko yang bersepadu dan kewujudan kawalan dalaman dan prosedur audit yang komprehensif untuk pengurusan risiko kredit.

Salah satu syarat utama yang ditekankan di dalam garis panduan ini adalah tanggungjawab lembaga pengarah institusi perbankan untuk menyedari dan memastikan adanya pemantauan ke atas pengurusan risiko kredit yang sesuai. Ahli lembaga pengarah diharapkan untuk menumpukan tanggungjawab penyeliaan untuk memastikan adanya proses pengurusan risiko kredit yang secukupnya dan agar polisi risiko kredit yang dipilih adalah konsisten dengan kekuatan modal, kepakaran pengurusan dan citarasa risiko institusi perbankan masing-masing. Lembaga pengarah perlu dimaklumkan dengan perkembangan terbaru dengan kadar segera berhubung prestasi dan perkembangan portfolio kredit dan institusi perbankan adalah dikehendaki untuk menubuhkan jawatankuasa pengurusan risiko kredit bebas, yang tidak mempunyai sebarang kuasa untuk meluluskan kredit, untuk membantu lembaga pengarah dalam memantau keseluruhan proses pengurusan risiko kredit. Fungsi-fungsi jawatankuasa pengurusan kredit ini termasuklah, di antara lain, menilai dan menaksir kecukupan strategi dan dasar untuk mengurus keseluruhan risiko kredit yang berkaitan dengan aktiviti mereka; memantau, menilai dan memberi nasihat berhubung dengan komposisi portfolio risiko kredit; dan menilai risiko di dalam keadaan paling tertekan dan keupayaan institusi perbankan tersebut untuk memikul risiko yang sedemikian.

Tahap pendedahan risiko yang diambil oleh institusi perbankan ditentukan semasa keputusan dibuat untuk memberi kemudahan kredit tersebut. Oleh yang demikian, adalah penting untuk memastikan agar proses penilaian dan penaksiran kredit dikendalikan dengan baik oleh kakitangan yang cekap dengan menggunakan kesemua maklumat yang berkaitan dan alat penilaian risiko yang sesuai untuk melaksanakan proses penilaian. Proses pengurusan kredit juga sepatutnya merangkumi kajian semula yang kerap ke atas kedudukan kewangan dan keupayaan membayar balik peminjam, di samping mengambil kira perkembangan yang berlaku kepada sektor ekonomi di mana peminjam tersebut beroperasi. Oleh yang sedemikian, adalah penting untuk mempunyai kakitangan yang cekap di dalam proses pemberian dan penilaian semula kredit dalam usaha meningkatkan kualiti kredit. Menyedari hakikat ini, garis panduan tersebut menghendaki semua kakitangan yang terlibat di dalam proses penilaian, kelulusan dan semakan kredit untuk menjalani program pensijilan. Program ini akan membantu untuk meningkatkan tahap pemahaman kakitangan yang terbabit berhubung risiko yang diambil dan faktor serta keadaan pasaran yang mungkin akan meninggalkan kesan ke atas kualiti kredit yang diberi.

Penataran tahap kemahiran di kalangan kakitangan kredit sahaja adalah tidak memadai. Ia perlu disokong oleh sistem maklumat pengurusan risiko kredit yang efektif untuk membantu institusi perbankan mengenal pasti bidang-bidang yang mempunyai potensi kelemahan di kalangan peminjam, dan seterusnya membolehkan mereka untuk mengambil langkah-langkah terdahulu, seperti penjadualan semula atau penyusunan semula pinjaman, untuk memastikan agar peminjam akan terus berupaya untuk menjalankan aktiviti perniagaan mereka dan, oleh itu mengurangkan sebarang potensi kerugian. Untuk memudahkan proses pemantauan dan penyemakan, institusi perbankan telah dikehendaki untuk membangunkan sistem penarafan kredit dalaman yang meliputi semua pendedahan kredit institusi perbankan kepada peminjam, termasuk pendedahan luar kunci kira-kira. Dengan pemahaman yang lebih baik berhubung dengan pola tingkah laku pada jenis pinjaman atau industri tertentu, institusi perbankan akan berupaya untuk menentukan harga

Langkah-langkah Perbankan Tahun 2001

Rangka kerja pengawalseliaan telah diperkukuhkan lagi pada tahun 2001 dengan pengenalan beberapa langkah baru dan penghalusan berterusan ke atas garis panduan kehematan yang sedia ada. Sebagai tambahan, langkah-langkah liberalisasi juga turut dilaksanakan sebagai sebahagian daripada usaha berterusan bagi meningkatkan daya saing dan kecekapan sektor kewangan. Beberapa saranan yang digariskan di dalam Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK) juga telah dilaksanakan pada tahun ini.

Mempertingkatkan Daya Tahan dan Kapasiti Industri Perbankan

Semakan Ke Atas Rangka Kerja Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC)

Pada tahun-tahun lepas, saiz dan kerumitan kes-kes yang dikemukakan kepada Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) telah menyumbang kepada kelembapan kemajuan usaha penyusunan semula hutang. Keadaan dan sentimen pasaran yang lembab juga telah menjejaskan kelancaran pelaksanaan beberapa skim penyusunan semula yang telah memperoleh kesemua kelulusan yang diperlukan daripada pihak-pihak berkuasa, terutama sekali skim-skim yang melibatkan pelupusan aset dan terbitan modal ekuiti baru. Dalam kes-kes tertentu, beberapa skim terpaksa disemak bagi mengkaji semula aspek-aspek terma dan syarat yang telah dipersetujui dan diluluskan sebelumnya. Proses ini telah melengahkan pelaksanaan proses penyusunan semula.

Bagi mempercepatkan usaha ke arah memperkukuhkan sektor korporat dan membolehkan usaha penyusunan semula dilaksanakan dengan berkesan bagi memastikan sektor korporat terus menyumbang kepada proses pertumbuhan ekonomi, beberapa perubahan kepada rangka kerja CDRC telah diperkenalkan untuk membantu dan mempercepatkan usaha penyusunan semula kes-kes di bawah pengurusannya. Inisiatif-inisiatif yang diambil adalah seperti berikut:

(i) Penyertaan wakil-wakil daripada Danaharta dan Persekutuan Syarikat-syarikat Awam Tersenarai dalam Jawatankuasa Pemandu CDRC;
(ii) Semakan ke atas rangka kerja dan pendekatan CDRC dengan menetapkan tempoh masa yang khusus bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan skim-skim penyusunan semula (CDRC telah menetapkan tempoh setahun bagi penyelesaian ke atas penyusunan semula kumpulan korporat utama);
(iii) Mempertingkatkan tahap disiplin di kalangan para peminjam dan pemiutang di mana peminjam dikehendaki menyusun semula operasi, di mana perlu, dan institusi perbankan pemiutang dikehendaki lebih realistik dalam menjangkakan nilai pemulihan; dan
(iv) Meningkatkan pendedahan dan pelaporan menerusi penerbitan laporan terkini mengenai kemajuan penyusunan semula hutang pada setiap suku tahunan bagi memastikan pelaporan yang lebih komprehensif mengenai peminjam korporat dan kemajuan penyusunan semula bagi membenarkan ketelusan proses penyusunan semula yang lebih tinggi.

Kriteria bagi menetapkan pinjaman yang layak diterima untuk menyertai skim penyusunan semula di bawah CDRC juga telah ditukar kepada hanya kes-kes yang melibatkan pinjaman yang secara agregatnya berjumlah RM100 juta oleh peminjam berbanding dengan RM50 juta sebelum ini dan peminjam pula dikehendaki mempunyai pinjaman dengan sekurang-kurangnya lima buah institusi perbankan berbanding dengan dua buah institusi perbankan sebelum ini. Prinsip yang menjadi panduan dan perlu dipatuhi oleh kesemua pihak yang terbabit adalah kekal tidak berubah. Rumusan dan pelaksanaan cadangan penyelesaian untuk kes-kes di bawah CDRC dan syarat-syarat yang perlu dipatuhi sepanjang tempoh pembekuan tindakan turut dikekalkan.

Program Tanda Aras Bagi Seluruh Industri Perbankan

Satu daripada saranan penting yang digariskan di dalam PISK bagi mendorong kemajuan dan mempertingkatkan kapasiti industri perbankan adalah pelaksanaan program tanda aras. Setelah

berbincang dengan Persatuan Bank-bank Dalam Malaysia, BNM telah melancarkan program tanda aras bagi seluruh industri perbankan untuk meningkatkan lagi pencapaian sektor perbankan. Ini merupakan usaha penting untuk membekalkan institusi perbankan dengan pengetahuan yang perlu untuk memanfaatkan dan merebut potensi peluang dan untuk menangani cabaran yang bakal muncul dengan berkesan.

Walaupun penunjuk-penunjuk dan tanda-tanda aras bukanlah sesuatu yang asing bagi industri perbankan, buat pertama kalinya satu rangkaian penunjuk yang pelbagai telah dirumus untuk dijadikan asas bagi membuat penilaian secara berkala dan sistematik. Sebuah jawatankuasa yang terdiri daripada beberapa peserta industri, Persatuan Bank-bank Dalam Malaysia dan BNM telah ditubuhkan bagi menerajui program tanda aras ini. Kumpulan ini bertanggungjawab untuk membentuk tanda-tanda aras yang bersifat kuantitatif dan kualitatif yang akan bertindak sebagai pendorong peningkatan prestasi. Langkah pertama BNM ialah mengedarkan laporan kepada institusi perbankan yang menanda aras prestasi setiap institusi perbankan dengan prestasi industri secara purata dan prestasi institusi perbankan yang setanding dengannya. Pada masa ini, satu rangkaian tanda aras minimum yang umum telah dikemukakan dan kini digunakan oleh kesemua institusi perbankan. Ini termasuk tanda aras bagi kecukupan modal, keuntungan, kualiti aset, kecairan, prestasi pinjaman, produktiviti, perkhidmatan pelanggan dan kecekapan operasi. Rangkaian penunjuk ini akan diperhaluskan lagi dengan kemasukan beberapa penunjuk tambahan yang lebih terperinci bagi meningkatkan pemahaman dalam faktor-faktor yang mendorong prestasi institusi perbankan. Hasil yang diperolehi daripada program tanda aras ini akan memberi input yang bernilai kepada institusi perbankan sebagai panduan dalam melaksanakan inisiatif bagi mempertingkatkan kapasiti. Pemantauan rangkaian nisbah dan penunjuk yang komprehensif akan membantu institusi perbankan menilai kekuatan dan keupayaan utama mereka dengan lebih baik. Pemahaman yang diperoleh boleh digunakan untuk mengkaji model dan strategi perniagaan yang sedia ada, serta mengenal pasti fokus masa hadapan bagi menghadapi landskap kewangan yang sering berubah-ubah.

Langkah-langkah Kehematan

Garis Panduan Mengenai Keahlian Pengarah di dalam Institusi Perbankan

Sebagai sebahagian daripada usaha menyeluruh untuk meningkatkan kualiti urus tadbir korporat di dalam sektor perbankan, Garis Panduan mengenai Keahlian Pengarah di dalam Institusi Perbankan (BNM/GP1) telah disemak semula pada 24 Julai 2001.

Semakan semula ini meliputi:

- *Mengehad keahlian pengarah oleh Ketua Pegawai Eksekutif institusi perbankan di dalam syarikat induk, syarikat seinduk atau anak syarikat kepada syarikat seinduk, yang mana kesemuanya mestilah institusi kewangan dan mengehadkan bilangan keahlian pengarah yang dipegang oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif kepada lima pada setiap masa.*
  Langkah ini bertujuan memastikan Ketua Pegawai Eksekutif institusi perbankan dapat menumpukan sepenuh perhatian ke atas pengurusan institusi perbankan masing-masing. Keahlian di dalam Lembaga Pengarah syarikat-syarikat berkaitan akan membolehkan Ketua Pegawai Eksekutif menyelaraskan aktiviti institusi perbankan dengan syarikat kewangan dalam kumpulan perbankan berkenaan, dan ini membolehkan kumpulan perbankan tersebut memaksimumkan nilai sinergi dan keuntungan. Walau bagaimanapun, keahlian di dalam Lembaga Pengarah organisasi bagi mewakili kepentingan industri perbankan, serta keahlian di dalam Lembaga Pengarah organisasi bukan cari untung dan badan-badan berkanun atau syarikat-syarikat milik Kerajaan, adalah dibenarkan dan tidak tertakluk kepada had tersebut.

- *Menyerahkan penetapan saraan Ketua Pegawai Eksekutif mana-mana institusi perbankan kepada budi bicara dan tanggungjawab Lembaga Pengarah institusi terbabit dengan sepenuhnya.*
  Bonus, gaji, kenaikan gaji dan pakej saraan Ketua Pegawai Eksekutif akan ditentukan oleh Lembaga Pengarah berdasarkan kriteria yang objektif, boleh diukur dan telus. Jumlah keseluruhan saraan pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif perlu didedahkan di dalam penyata kewangan tahunan institusi perbankan.

Amalan Terbaik bagi Pengurusan Risiko Kredit

Berikutan siri perbincangan dengan industri perbankan, Amalan Terbaik bagi Pengurusan Risiko Kredit (Amalan Terbaik) telah dilaksanakan pada 1 September 2001. Amalan Terbaik ini menggariskan standard minimum mengenai amalan terbaik dan syarat-syarat mandatori yang perlu dipatuhi oleh institusi perbankan dalam semua aspek aktiviti kredit mereka. Pengeluaran dokumen mengenai Amalan Terbaik ini adalah merupakan satu daripada saranan yang digariskan dalam PISK.

Mencerminkan sifat perniagaan perbankan, risiko kredit merupakan sumber risiko terbesar bagi institusi perbankan. Oleh yang demikian, pengurusan risiko kredit yang efektif adalah penting dalam mengurangkan risiko ketaksolvenan yang timbul akibat proses pemberian kredit dan pengurusan risiko yang lemah. Selaras dengan objektif ini, Amalan Terbaik tersebut bertujuan menyediakan asas bagi pembangunan standard pengurusan risiko kredit yang lebih tinggi dan progresif, serta memupuk budaya kredit yang mantap di kalangan institusi perbankan.

Di antara keperluan yang terkandung di dalam Amalan Terbaik tersebut adalah:

(i) *Pemantauan yang sewajarnya oleh Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan*

- Lembaga Pengarah diberi kepercayaan untuk bertindak sebagai penyelia dan bertanggungjawab dalam memastikan bahawa proses pengurusan risiko yang sedia ada adalah memadai. Oleh itu, Lembaga Pengarah tidak lagi dibenarkan untuk meluluskan pinjaman. Ini adalah bagi membolehkan mereka menjalankan tugas-tugas penyeliaan dengan lebih berkesan. Walau bagaimanapun, Lembaga Pengarah boleh menolak pinjaman atau mengubah syarat-syarat pinjaman yang telah diluluskan oleh badan eksekutif/kakitangan kredit institusi perbankan, sekiranya sebahagian besar daripada Lembaga Pengarah berpendapat bahawa pinjaman tersebut akan mendedahkan institusi perbankan berkenaan kepada risiko yang terlalu tinggi.

(ii) *Kewujudan prasarana yang memadai bagi pengurusan risiko kredit*

- Sebuah jawatankuasa bebas merangkumi kakitangan yang berpengalaman dalam kredit dan pengurusan risiko perlu ditubuhkan dan dipengerusikan oleh seorang pengarah (yang tidak mempunyai kuasa eksekutif untuk meluluskan kredit) untuk membantu Lembaga Pengarah dalam memantau proses pengurusan risiko kredit;
- Kakitangan yang terlibat dalam aktiviti pemberian kredit perlu memperoleh sijil kelayakan daripada badan yang berwibawa atau merupakan individu yang diiktiraf oleh Lembaga Pengarah, setelah melalui program latihan dan lulus ujian yang seragam, sebelum disahkan layak untuk meluluskan sesuatu permohonan kredit;
- Satu program penilaian produk perlu dijalankan di mana semua produk kredit baru perlu disetuju terima oleh kesemua jabatan relevan yang mendapat kesan daripada pengenalan produk tersebut dan diluluskan oleh jawatankuasa/Lembaga Pengarah sebelum ianya diperkenalkan; dan
- Satu sistem pengurusan maklumat yang berkesan perlu diterapkan bagi membolehkan pihak pengurusan menyedari, mengukur, memantau dan mengawal risiko kredit yang terkandung dalam aktiviti mereka.

(iii) *Kewujudan satu proses pengurusan risiko yang bersepadu*

- Fungsi kelulusan kredit perlu dilaksanakan oleh kakitangan eksekutif sepenuh masa atau sebuah jawatankuasa yang ahlinya terdiri daripada kakitangan tersebut;
- Satu sistem penggredan kredit dalaman perlu diperkenalkan bagi menggred risiko kredit ke atas akaun-akaun pinjaman institusi perbankan secara sistematik;
- Penilaian kredit perlu berdasarkan keupayaan membayar balik dan bukannya berdasarkan cagaran, dengan membuat rujukan khusus dan penilaian komprehensif ke atas sumber pembayaran balik yang telah dikenal pasti;
- Sebuah jabatan atau unit semakan kredit perlu diwujudkan untuk menyemak (mengaudit) kualiti penilaian pinjaman oleh pegawai-pegawai kredit biasa dan proses kelulusan menurut standard yang telah ditetapkan; dan
- Analisis ujian tekanan sebanyak dua kali setahun atau dengan lebih kerap lagi mengikut seperti yang ditetapkan oleh BNM, hendaklah dijalankan dan keputusannya dikemukakan kepada Lembaga Pengarah.

(iv) *Kawalan dalaman dan prosedur audit yang komprehensif*

- Penilaian audit hendaklah dilakukan untuk menilai sama ada sistem pengurusan risiko kredit adalah bebas, mencukupi dan efektif secara keseluruhannya.

Kaedah Perakaunan bagi Pinjaman yang Dijual kepada Cagamas Secara Rekursa

Berkuat kuasa 1 September 2001, kaedah perakaunan bagi pinjaman yang dijual kepada Cagamas secara rekursa telah disemak semula bagi mencerminkan sari urus niaga tersebut (termasuk pengaturan sandar-menyandar). Berikutan semakan semula ini:

- pinjaman yang dijual kepada Cagamas secara rekursa tidak lagi ditolak daripada pinjaman kasar. Prosid daripada urus niaga "jualan" tersebut akan diklasifikasikan semula ke "bahagian liabiliti" kunci kira-kira; dan
- pendapatan faedah yang diterima daripada pinjaman dan kemudiannya dibayar kepada Cagamas masing-masing akan diambil kira berasaskan jumlah kasar sebagai "pendapatan faedah" dan "perbelanjaan faedah" dan bukan berdasarkan jumlah bersih sebagai "pendapatan bukan faedah".

Pinjaman yang dijual kepada Cagamas secara rekursa sebenarnya merupakan pembiayaan bercagar kerana sebarang kemungkiran ke atas pinjaman akan dikembalikan dan digantikan oleh institusi perbankan yang menjual pinjaman tersebut. Oleh itu, dari segi risiko, pendedahan kredit kekal dengan institusi perbankan yang menjual, walaupun selepas pinjaman telah dijual. Semakan semula ini bertujuan memastikan buku-buku akaun melaporkan inti pati sesuatu urus niaga dan bukannya bentuk urus niaga tersebut. Ini adalah selaras dengan prinsip perakaunan awam diterima umum ("generally accepted accounting principles").

Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001

Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 (AMLA) telah diwartakan pada 5 Julai 2001. Penggubalan AMLA melambangkan usaha bersama dan komprehensif dalam membanteras gejala pemindahan sumber kewangan secara haram sebagai suatu cara untuk mengesahkan aset tersebut. AMLA menggariskan undang-undang baru yang komprehensif bagi pencegahan, pengesanan dan pendakwaan pengubahan wang haram, perampasan harta benda yang diperoleh daripada, atau penglibatan dalam, pengubahan wang haram dan keperluan berhubung penyimpanan rekod dan pelaporan urus niaga yang mencurigakan oleh institusi pelapor.

Menyedari betapa pentingnya usaha bersepadu digembleng di peringkat nasional untuk membanteras pengubahan wang haram, Jawatankuasa Penyelaras Nasional bagi Menangani Pengubahan Wang Haram (NCC) telah ditubuhkan dengan keahlian beberapa kementerian dan agensi kerajaan. Salah satu daripada hasil inisiatif NCC ialah penggubalan AMLA pada tahun 2001.

AMLA menangani isu-isu luas seperti berikut:

(i) Kesalahan pengubahan wang haram

Sesiapa yang terlibat atau bersubahat dengan perlakuan pengubahan wang haram akan dikenakan denda sehingga RM5 juta atau penjara bagi tempoh tidak melebihi 5 tahun, atau kedua-duanya sekali, jika disabit kesalahan. Jadual Kedua mentakrifkan aktiviti jenayah yang merupakan kegiatan salah di sisi undang-undang bagi tujuan pengubahan wang haram, termasuk jenayah berat seperti pengedaran dadah, rasuah dan kesalahan-kesalahan tertentu di bawah Kanun Keseksaan seperti penculikan, rompakan, penyeludupan manusia, perjudian, kegiatan maksiat dan penipuan.

Dalam prosiding sivil atau jenayah bagi sesuatu kesalahan, saksi tidak perlu mendedahkan identiti individu yang melaporkan kesalahan tersebut melainkan atas perintah mahkamah. Sebarang penerbitan atau penyiaran prosiding tidak dibenarkan ke atas laporan, atau individu yang membuat laporan tersebut kecuali jika individu tersebut telah didakwa dengan kesalahan tersebut.

(ii) Unit Perisikan Kewangan

Memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk melantik pihak berkuasa berwibawa yang akan mempunyai segala fungsi seperti yang termaktub di dalam AMLA. Sehubungan itu, Menteri Kewangan telah melantik BNM sebagai pihak berkuasa berwibawa dan sebuah 'Unit Perisikan Kewangan' (UPW) telah ditubuhkan di BNM. Tanggungjawab unit ini termasuk:

- menerima dan menganalisa laporan yang dikemukakan oleh institusi pelapor;
- mengemukakan sebarang laporan yang diterima atau maklumat yang diperolehi daripada laporan tersebut kepada agensi penguat kuasa;
- menghantar sebarang maklumat yang diperolehi daripada sesuatu pemeriksaan kepada agensi penguat kuasa;
- mengumpul statistik dan rekod;
- membuat syor kepada pihak berkuasa penyelia, agensi penguat kuasa dan institusi pelapor yang berkenaan;
- menggubal keperluan latihan dan memberi latihan kepada mana-mana institusi pelapor; dan
- memberi maklumat yang relevan kepada pihak berkuasa serupa di negara asing.

(iii) Obligasi Pelaporan

Obligasi institusi pelapor merangkumi:

- penyimpanan rekod oleh institusi pelapor;
- melapor dengan segera urus niaga yang melebihi amaun yang ditentukan oleh UPW atau sebarang urus niaga yang mencurigakan, sama ada kepada UPW atau pihak berkuasa penyelia;
- penyelenggaraan rekod bagi tempoh tidak kurang daripada enam tahun walaupun selepas akaun ditutup;
- menentusahkan identiti pemegang akaun dengan menggunakan dokumen-dokumen rasmi atau persendirian bagi sebarang perkhidmatan perbankan yang akan ditawarkan. Bagi kes akaun yang dibuka atas nama individu lain, langkah-langkah yang munasabah perlu diambil bagi mengenal pasti identiti sebenar individu tersebut; dan
- menerima pakai, merumus dan melaksana program, dasar, prosedur dan kawalan dalaman bagi menghindarkan dan mengesan sebarang kesalahan. Program tersebut perlu menangani masalah integriti kakitangan; menjalankan program latihan bagi membolehkan kakitangan melaksanakan tanggungjawab mereka dengan berkesan, melantik pegawai-pegawai pematuhan di peringkat pengurusan dan memperkenalkan fungsi audit bagi menguji pematuhan. Ianya perlu dipatuhi oleh kesemua cawangan dan anak syarikat di dalam dan di luar Malaysia.

Peruntukan-peruntukan di bawah AMLA mengatasi obligasi kerahsiaan yang diperuntukkan oleh mana-mana undang-undang bertulis.

(iv) Kuasa penyiasatan, pemeriksaan dan penyitaan

Ini akan dijalankan oleh satu pihak berkuasa berwibawa dan agensi penguat kuasa sebaik sahaja ia mempunyai sebab untuk mengesyaki bahawa suatu kesalahan di bawah AMLA telah dilakukan. Kuasa-kuasa ini meliputi:

- kuasa untuk memasuki dan menggeledah sesebuah premis bagi mencari sebarang harta benda, rekod, laporan atau dokumen;
- membuat salinan, mengambil petikan daripada, merampas atau mengalihkan dari premis, sebarang rekod, laporan atau dokumen yang disita; dan
- kuasa untuk memeriksa dan menahan sesiapa yang berada di dalam premis berkenaan sehingga penggeledahan selesai dijalankan.

(v) Kuasa pembekuan, penyitaan dan perampasan harta

Agensi penguat kuasa boleh mengeluarkan perintah membeku sebarang harta benda dan menyita sebarang harta boleh alih yang disyaki merupakan subjek sesuatu kesalahan atau bukti berhubung kesalahan tersebut, melainkan harta yang berada dalam milikan, jagaan atau kawalan sesebuah institusi kewangan. Di mana harta boleh alih yang disita terdiri daripada wang, syer, sekuriti, saham, debentur dan sebagainya yang dimiliki oleh seseorang selain daripada orang yang didakwa, selepas perampasan tersebut, perbuatan mengguna, memindah atau membuat urusan melibatkan harta benda berkenaan adalah dilarang. Selain itu, harta benda tersebut perlu diserahkan.

Langkah-langkah Liberalisasi

Instrumen Deposit Boleh Niaga

Berkuat kuasa 22 Januari 2001, tempoh pemegangan maksimum bagi penerbitan instrumen deposit boleh niaga (NIDs) telah dilanjutkan kepada 10 tahun daripada lima tahun.

NIDs mula diperkenalkan pada tahun 1979 sebagai kaedah alternatif bagi institusi perbankan memperoleh dana. Sewaktu mula diperkenalkan, tempoh pemegangan maksimum telah dihadkan kepada tiga tahun. Selepas beberapa tahun, tempoh pemegangan maksimum telah dilanjutkan kepada lima tahun seiring dengan perkembangan di dalam pasaran hutang domestik. Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, usaha telah dipergiat untuk memperluaskan kepelbagaian dan tempoh matang instrumen hutang sebagai mencerminkan keperluan untuk memperdalamkan pasaran modal. Sejajar dengan usaha tersebut, lanjutan tempoh pemegangan maksimum kepada 10 tahun akan mempertingkatkan bekalan sekuriti hutang yang mempunyai tarikh matang yang lebih panjang di samping memanjangkan keluk kadar hasil bagi penentuan harga bon berjangka panjang sekali gus memberi sumbangan positif kepada pembangunan pasaran hutang bagi segmen jangka panjang. Selain daripada itu, ia juga menambah aneka jenis dan kepelbagaian sekuriti hutang yang lebih berjangka panjang di pasaran hutang bagi memenuhi keperluan khusus berbagai jenis kumpulan pelabur dan membolehkan institusi perbankan memperoleh dana yang lebih berjangka panjang untuk tujuan perlindungan nilai.

Pemansuhan Had RM150,000 ke atas Pinjaman Perumahan yang Dijual Secara Rekursa kepada Cagamas Berhad

Sekatan ke atas jualan pinjaman perumahan bernilai melebihi RM150,000 secara rekursa kepada Cagamas Berhad (Cagamas) telah dimansuhkan pada 29 Mei 2001. Liberalisasi tersebut menyusuli kelonggaran sementara yang diberi bagi tempoh 17 April 2000 sehingga penghujung bulan Mac 2001.

Pasaran pengsekuritian di Malaysia bermula pada lewat tahun 1980an dengan penubuhan Cagamas yang membeli pinjaman perumahan bernilai RM150,000 dan ke bawah secara rekursa daripada institusi

perbankan. Memandangkan pasaran pengsekuritian pada masa itu tidak mempunyai prasarana yang diperlukan bagi menyokong aktiviti pengsekuritian yang berkembang sepenuhnya, pinjaman perumahan dijual kepada Cagamas secara rekursa, dengan objektif jangka panjang untuk membangunkan pasaran pengsekuritian yang berkembang sepenuhnya menerusi jualan pinjaman secara langsung kepada Cagamas, iaitu tidak secara rekursa. Berdasarkan agenda jangka panjang ini, pinjaman perumahan yang layak dijual kepada Cagamas secara rekursa telah dihadkan kepada pinjaman perumahan yang bernilai kurang daripada RM150,000.

Pada tahun 2001, Cagamas telah mengembangkan operasi mereka dengan merangkumi pembelian pinjaman perumahan bukan secara rekursa. Walau bagaimanapun, jumlah pinjaman yang dijual oleh institusi perbankan di bawah skim ini adalah rendah. Ini adalah kerana di dalam keadaan pasaran semasa, institusi kewangan mempunyai mudah tunai yang tinggi dan oleh yang demikian tidak berasa perlu untuk mendapatkan pembiayaan semula daripada Cagamas. Di samping itu, tebaran kadar hasil bagi pinjaman telah meningkat berikutan iklim kadar faedah yang rendah. Walaupun sambutan terhadap kemudahan baru ini adalah kurang menggalakkan ekoran suasana semasa mudah tunai, kaedah baru ini memberi kefleksibelan kepada institusi kewangan dalam mengurus aset dan liabiliti mereka dengan lebih efisien dan efektif. Sebaik sahaja suasana pasaran kembali normal, institusi kewangan akan memanfaatkan kemudahan ini sebagai alat yang berkesan untuk mengurangkan pendedahan kredit mereka dan dengan demikian meningkatkan keupayaan untuk memberi kemudahan kredit. Oleh itu, buat masa ini, institusi perbankan telah dibenarkan untuk menjual pinjaman perumahan bernilai melebihi RM150,000 secara rekursa. Walau bagaimanapun, pada hujung bulan Mac 2001, pasaran terus mewah dengan mudah tunai manakala data yang dikehendaki oleh Cagamas mengenai penjualan pinjaman perumahan bukan secara rekursa yang perlu dipatuhi oleh institusi-institusi perbankan tidak mencukupi. Berasaskan perkembangan ini, institusi perbankan kini dibenarkan menjual kesemua jenis pinjaman perumahan kepada Cagamas, termasuk pinjaman untuk pembelian rumah bernilai RM150,000 ke atas. Langkah ini akan memberi Cagamas fleksibiliti yang lebih tinggi dalam memperluaskan skop perniagaannya sekali gus menjadi pemangkin kepada pembangunan industri pengsekuritian selanjutnya. Namun demikian, peranan Cagamas dalam membangunkan pasaran pengsekuritian sebenar akan diteruskan.

Pemansuhan Sekatan ke atas Pemberian Pinjaman Titian bagi Pembangunan Projek Perumahan Melebihi RM250,000 Seunit

Berkuat kuasa 27 November 2001, sekatan ke atas pemberian kemudahan pinjaman titian bagi pembangunan projek perumahan melebihi RM250,000 seunit dan pembangunan rumah kedai melebihi RM250,000 seunit yang terletak di kawasan perumahan telah dimansuhkan memandangkan stok unit kediaman perumahan yang masih belum terjual telah berkurangan. Sekatan ke atas pinjaman titian bagi pembangunan rumah kedai bernilai melebihi RM250,000 seunit yang tidak terletak di kawasan perumahan dan pembangunan hartanah komersil masih dikekalkan. Maklumat terperinci mengenai langkah ini boleh didapati di bahagian *Dasar Monetari Pada Tahun 2001* dalam *Bab 2: Perkembangan Monetari dan Fiskal* Laporan Tahunan BNM.

Langkah-langkah yang Berkaitan Pengguna

Garis Panduan bagi Institusi Pemberi Pinjaman Menerima Jaminan untuk Kemudahan Kredit

Berkuat kuasa 1 Jun 2001, Garis Panduan bagi Institusi Pemberi Pinjaman yang Menerima Jaminan untuk Kemudahan Kredit telah disemak semula bagi terus melindungi hak penjamin. Dengan semakan semula tersebut, institusi perbankan tidak lagi dibenarkan mendapat penepian ke atas hak penjamin, sama ada secara sukarela atau paksaan. Di samping itu, had perlindungan maksimum bagi kemudahan kredit yang dijamin oleh seseorang penjamin telah dinaikkan kepada RM250,000 daripada RM200,000.

Dalam menjalankan aktiviti pemberian pinjaman mereka, institusi perbankan sering berkehendakkan penjamin yang mana, sekiranya berlaku kemungkiran oleh peminjam, penjamin tersebut mempunyai

tanggungjawab yang sama dan berasingan kepada institusi pemberi pinjaman. Pengenalan garis panduan ini pada tahun 1995 bertujuan memberi perlindungan tertentu kepada penjamin bagi sesuatu kemudahan kredit. Perlindungan tersebut termasuklah syarat bagi institusi perbankan memastikan bahawa penjamin mengetahui dengan sepenuhnya tanggungjawab mereka sebelum memberi jaminan dan bersedia untuk memikul tanggungjawab tersebut. Penjamin juga perlu dimaklumkan berhubung perkembangan terkini kemudahan kredit tersebut bagi membolehkan penjamin memantau pembayaran balik oleh peminjam. Dalam menangani masalah kemungkiran pinjaman, terlebih dahulu institusi pemberi pinjaman dikehendaki melaksanakan usaha terbaik untuk memperoleh kembali jumlah pinjaman yang telah dimungkiri daripada peminjam sebelum sebarang tindakan boleh diambil ke atas penjamin. Walau bagaimanapun, perlindungan ini tidak terpakai di mana penjamin melepaskan haknya secara sukarela, dan dengan demikian mengurangkan keberkesanan perlindungan yang diperuntukkan di bawah garis panduan ini. Dengan semakan semula ini, institusi perbankan masih dikehendaki mengambil langkah-langkah yang ditetapkan di dalam garis panduan ini bagi memastikan bahawa hak penjamin kekal terpelihara.

Penubuhan Unit Aduan di Institusi Perbankan

Kesemua bank perdagangan dan syarikat kewangan dikehendaki menubuhkan sebuah Unit Aduan dalam organisasi mereka sebelum penghujung tahun 2001 dalam usaha mempertingkatkan kesedaran pelanggan mengenai kewujudan mekanisme yang berstruktur dan formal bagi institusi perbankan mengambil tindakan ke atas rungutan orang ramai. Institusi perbankan juga digalakkan menubuhkan kaunter aduan di dalam premis cawangan-cawangan mereka. Unit ini akan berfungsi sebagai pusat tumpuan dalam mengendalikan semua aduan yang diterima oleh institusi perbankan (menerusi surat-menyurat, e-mel, telefon dan sebagainya) selaras dengan matlamat jangka panjang untuk meningkatkan taraf perkhidmatan yang ditawarkan oleh institusi perbankan kepada orang ramai.

Bagi memastikan semua aduan dilayani, institusi perbankan dikehendaki mempunyai satu sistem jejakan pusat bagi merekod dan memantau status setiap aduan yang diterima oleh institusi berkenaan. Di samping itu, semua aduan yang diterima mesti diproses dan dibalas dalam tempoh dua minggu daripada tarikh penerimaan, melainkan kes-kes aduan yang kompleks di mana pengadu akan dimaklumkan berhubung jangka waktu yang akan diambil bagi menyelesaikan aduan mereka. Bagi kes-kes tertentu, sekiranya pengadu tidak berpuas hati dengan maklum balas yang diberi atau kes tersebut masih tidak diselesaikan, pengadu tersebut boleh merujuk ketidakpuasan mereka atau mengadu kepada Biro Pengantaraan Perbankan (BMB) atau BNM.

BMB telah ditubuhkan bagi menyediakan suatu laluan kepada para pelanggan yang tidak berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberi oleh institusi perbankan untuk memperbetulkan keadaan. Pada masa ini, skop operasi BMB dihadkan kepada tuntutan yang melibatkan kerugian kewangan yang tidak melebihi RM250,000 ekoran daripada amalan tidak adil yang berkaitan dengan caj dan fi serta amalan tidak adil ke atas penjamin, isu-isu yang berkaitan dengan ATM dan penggunaan kad kredit tanpa kebenaran oleh pihak ketiga. Bagi mewujudkan sistem perbankan yang lebih berorientasikan pasaran seperti yang terkandung di dalam PISK, kuasa dan skop operasi BMB akan diperluaskan untuk meliputi pelbagai bentuk aduan pelanggan yang berkaitan dengan perbankan runcit. Ini akan memastikan bahawa BMB lebih berkesan dan pro-aktif dalam melindungi hak-hak pelanggan perbankan. Oleh itu, penubuhan Unit Aduan tersebut merupakan langkah permulaan ke arah merealisasikan visi ini.

Meningkatkan Akses Kepada Pembiayaan bagi Sektor Keutamaan

Langkah-langkah yang telah dilaksanakan pada tahun 2001 juga tertumpu kepada meningkatkan akses perusahaan bersaiz kecil dan sederhana (SME) dan industri-industri tertentu kepada pembiayaan pada kos yang berpatutan bagi membiayai keperluan modal kerja mereka agar dapat memenuhi permintaan ekonomi domestik.

Penurunan Kadar Faedah dan Pembiayaan Pinjaman di bawah Tabung-Tabung Khas
Berkuat kuasa 16 April 2001, kadar pembiayaan (kadar yang dikenakan oleh Kerajaan ke atas institusi pemberi pinjaman) dan kadar pinjaman (kadar maksimum yang dikenakan oleh institusi pemberi pinjaman kepada peminjam) bagi Tabung untuk Makanan (TUM), Tabung Usahawan Baru (TUB) dan Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (TIKS2) telah diturunkan. Penurunan kadar pembiayaan adalah di antara 0.75 dan 2.0 mata peratusan manakala kadar pinjaman telah diturunkan di antara 0.25 dan 1.0 mata peratusan. Di samping itu, peruntukan bagi tabung-tabung tersebut turut telah dipertingkatkan yang secara agregatnya berjumlah RM0.75 bilion. Maklumat terperinci mengenai langkah ini boleh didapati di bahagian *Dasar Monetari Pada Tahun 2001* dalam *Bab 2: Perkembangan Monetari dan Fiskal* Laporan Tahunan BNM.

Penurunan Kadar Pemberian Pinjaman dan Liberalisasi Kriteria Kelayakan Tabung Khas
Berkuat kuasa 15 Oktober 2001, kadar pembiayaan dan pinjaman bagi Tabung Pemulihan Industri Kecil dan Sederhana (TPIKS), TIKS2 dan TUB2 telah diturunkan lagi sebanyak 0.5 mata peratusan. Semakan semula kadar faedah ini bertujuan mengurangkan lagi kos menjalankan perniagaan dan dengan demikian menggalakkan aktiviti ekonomi domestik yang lebih pesat sebagai pendorong kepada pertumbuhan pelaburan.

Kriteria kelayakan dan syarat-syarat TUM, TPIKS, TIKS, Tabung Projek Usahawan Bumiputera dan Tabung Pemulihan dan Pembangunan Usahawan juga telah diliberalisasikan bagi mempertingkatkan lagi akses kepada skim-skim pembiayaan tersebut. Maklumat lanjut mengenai langkah ini boleh didapati di bahagian *Dasar Monetari Pada Tahun 2001* dalam *Bab 2: Perkembangan Monetari dan Fiskal* Laporan Tahunan BNM.

Tabung Pemulihan dan Pembangunan Usahawan
Tabung Pemulihan dan Pembangunan Usahawan (TPPU) telah ditubuhkan pada 3 Julai 2001 dengan peruntukan sebanyak RM500 juta. Tabung ini mempunyai dua objektif, iaitu membantu penyelesaian pinjaman tidak berbayar (NPL) yang sedia ada dan menyediakan modal kerja untuk SME Bumiputera. Daripada RM500 juta yang diperuntukkan, sebanyak RM120 juta telah diperuntukkan untuk membantu SME menyelesaikan NPL mereka manakala baki selebihnya sebanyak RM380 juta diperuntukkan bagi menyediakan modal kerja untuk membantu SME mengekalkan operasi perniagaan mereka. ERF Sdn Bhd (ERF) telah diberi tanggungjawab memainkan peranan sebagai pentadbir dan sekretariat TPPU.

Objektif utama TPPU adalah untuk membantu syarikat-syarikat bermasalah yang pada dasarnya masih berdaya maju dan diurus dengan baik dengan menyediakan bantuan kewangan dalam bentuk modal kerja kepada peminjam yang layak dan mempunyai NPL tidak melebihi RM1 juta. Syarat-syarat pembiayaan meliputi:

- pembiayaan yang dipohon dihadkan kepada keperluan sebenar modal kerja peminjam atau RM3 juta, yang mana lebih rendah. Pembiayaan baru ini akan diberi oleh ERF dan institusi kewangan menurut nisbah 80%:20%;
- kadar pinjaman maksimum sebanyak 5% setahun bagi tempoh maksimum selama lima tahun; dan
- penggunaan pembiayaan baru tersebut hendaklah dibuat melalui akaun-akaun tanpa cek dengan pengeluaran dipantau rapi oleh institusi kewangan dan ERF.

Pembiayaan baru ini akan disertakan dengan sebuah skim untuk menyusun semula NPL yang sedia ada menerusi langkah pengurangan hutang dan moratorium seperti berikut:

- Pinjaman-pinjaman tak bercagar: semua faedah tertunggak dan penalti akan dimansuhkan manakala amaun pokok tidak bercagar yang tertunggak akan dikurangkan sebanyak 40%. Kerajaan akan menyumbang bantuan kewangan sebanyak 30% daripada amaun pokok tersebut, manakala usahawan dikehendaki menyelesaikan 30% daripada NPL tersebut menerusi ansuran bulanan tidak lebih daripada 18 bulan; dan

- Pinjaman-pinjaman bercagar: peminjaman diberi diskaun di antara 50%-100% ke atas faedah tertunggak, termasuk faedah penalti, dan moratorium selama dua tahun ke atas pembayaran balik baki pinjaman tersebut. Sekiranya peminjam mungkir dalam membuat bayaran bulanan, institusi kewangan akan menarik balik diskaun tersebut dan Kerajaan akan menarik balik bantuan kewangan yang telah diberi.

Satu ciri tambahan yang unik bagi skim pembiayaan di bawah TPPU ini ialah syarat mandatori bagi pemohon yang diluluskan untuk menjalani program latihan berstruktur dan kewujudan khidmat nasihat. Ciri tambahan ini bertujuan membekalkan SME Bumiputera dengan kepakaran dan kemahiran yang diperlukan untuk berjaya dalam persekitaran perniagaan semasa menerusi beberapa program latihan dan kesedaran yang dikendalikan oleh Institut Bank-Bank Malaysia (IBBM). Latihan ini dianjurkan untuk meliputi bidang-bidang seperti pengurusan aliran tunai, perakaunan secara berkomputer, instrumen kewangan dan sessi motivasi. Program-program ini juga akan membantu memastikan bahawa pembiayaan yang diberi digunakan secara optimal dan berhemat bagi memaksimumkan manfaat peluang perniagaan yang sedia ada pada bila-bila masa.

Bagi memastikan hanya SME yang layak sahaja mendapat akses kepada TPPU, pemohon-pemohon yang membuat permohonan kepada TPPU mesti memenuhi kriteria kelayakan seperti berikut:

- Jumlah NPL tertunggak SME Bumiputera tidak melebihi RM1 juta;
- SME tersebut dimiliki sekurang-kurangnya 60% oleh Bumiputera;
- NPL terdiri daripada pinjaman berkaitan perniagaan sahaja;
- Masalah kewangan yang dialami oleh SME berpunca daripada krisis ekonomi dan bukan salah urusan atau penipuan;
- Pinjaman diklasifikasikan sebagai pinjaman tak berbayar di antara 1 Januari 1998 dan 30 Jun 2001; dan
- Peminjam perlu mempunyai perniagaan yang masih beroperasi atau usaha niaga yang berpotensi untuk berdaya maju.

SME yang layak dikehendaki menggunakan kombinasi bantuan modal kerja, penyusunan semula NPL dan program-program latihan untuk memulih dan membangunkan perniagaan sedia ada yang mana sekiranya bantuan kewangan tidak diberi, perlu memberhentikan perniagaan mereka ekoran kelembapan ekonomi.

pinjaman mereka agar sepadan dengan tahap risiko yang terkandung di dalam sesuatu kemudahan kredit.

Di samping keperluan baru yang telah diperkenalkan di dalam garis panduan tersebut, amalan-amalan sedia ada seperti penetapan had kebenaran kredit, had ke atas sektor tertentu, had pinjaman kepada seseorang pelanggan dan peraturan berhubung pemberian kredit kepada entiti berkaitan, akan kekal sebagai bahagian penting di dalam pengurusan risiko kredit secara keseluruhannya. Garis panduan yang telah dikeluarkan tidak semestinya muktamad dan terhad. BNM akan terus menyemak semula rangka kerja tersebut agar selari dengan amalan terbaik antarabangsa dan mencerminkan amalan kredit industri perbankan.

Dengan adanya pangkalan data pusat yang komprehensif dan terkini yang menyimpan maklumat kredit mengenai peminjam masa lampau dan sekarang, ia dapat membantu institusi perbankan di dalam proses penilaian dan pemantauan kredit dengan mempercepatkan proses penilaian kredit di samping membolehkan institusi perbankan untuk mempunyai maklumat yang lebih komprehensif mengenai seseorang peminjam berasaskan masa benar. Untuk meningkatkan taraf biro kredit pusat yang telah ditubuhkan pada awal tahun 1980an, BNM telah membangunkan sebuah sistem berdasarkan elektronik yang sofistikated dan komprehensif, yang dikenali sebagai Sistem Maklumat Pusat Rujukan Kredit (CCRIS) yang telah mula beroperasi pada bulan Oktober 2001. CCRIS akan mengumpul maklumat mengenai semua peminjam di dalam sistem perbankan dan, oleh yang sedemikian, akan membolehkan institusi perbankan untuk menyemak latar belakang bakal peminjam dan kedudukan hutang peminjam tersebut di dalam sistem perbankan berasaskan masa benar. Dari segi perspektif yang lebih menyeluruh, CCRIS akan dapat membantu

meningkatkan amalan kredit yang lebih baik di dalam sistem kewangan dengan membolehkan kakitangan yang terlibat di dalam proses meluluskan kredit untuk membuat keputusan yang bermaklumat berdasarkan maklumat setempat yang komprehensif.

Di samping risiko kredit, satu lagi bidang risiko yang perlu diuruskan dengan rapi oleh institusi perbankan ialah risiko pasaran. BNM sedang menyediakan standard minimum untuk pengurusan risiko kredit bagi institusi perbankan. Garis panduan ini akan bertumpu kepada tiga komponen risiko kredit, iaitu risiko kadar faedah, risiko pertukaran asing dan risiko ekuiti. Penerbitan garis panduan ini yang dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2002, akan meningkatkan amalan pengurusan risiko oleh institusi perbankan secara keseluruhannya di dalam kedua-dua bidang risiko kredit dan risiko pasaran.

Peningkatan standard amalan pengurusan risiko di kalangan institusi perbankan, terutamanya yang berhubung dengan risiko pasaran dan kredit, bukan sahaja akan membantu institusi perbankan untuk memahami dengan lebih baik perkaitan di antara risiko dan pulangan di dalam perniagaan mereka, tetapi juga untuk membantu mereka membuat persediaan menghadapi syarat keperluan modal baru yang akan diperkenalkan oleh Bank for International Settlements, yang dikenali sebagai 'Basel II'. Sungguhpun peraturan baru mengenai keperluan modal akan memberi lebih fleksibiliti dalam penggunaan sistem dalaman untuk menentukan modal yang diperlukan oleh pengawal selia, ini bergantung kepada keupayaan dan kapasiti institusi perbankan untuk mengekalkan standard amalan pengurusan risiko yang tinggi. Untuk mendapatkan kefleksibelan ini, institusi perbankan perlu memenuhi syarat-syarat teknikal, contohnya yang berhubung dengan sistem pengurusan kredit mereka, yang meliputi struktur sistem penarafan pinjaman dalaman dan keperluan minimum data sejarah. Di samping itu, mereka juga perlu menjalankan penilaian yang komprehensif berhubung dengan penggunaan sistem ini di dalam proses membuat keputusan di dalam institusi masing-masing. Oleh yang sedemikian, penerbitan standard minimum pengurusan risiko adalah konsisten dengan perkembangan di arena antarabangsa dan akan membantu institusi perbankan domestik terutamanya untuk menyediakan asas-asas untuk membentuk budaya perniagaan yang kukuh untuk menangani perubahan di dalam struktur pasaran dan rangka kerja pengawalseliaan.

Sejak krisis kewangan, pelbagai usaha telah disalurkan ke arah pengukuhan rangka kerja penyeliaan institusi perbankan. Dengan berakhirnya program penggabungan institusi perbankan domestik, adalah menjadi satu kemestian usaha pemantauan dan penyeliaan kumpulan perbankan yang lebih rapi dijalankan untuk mengekalkan kestabilan sektor perbankan secara keseluruhannya. Untuk mencapai objektif ini, BNM telah meningkatkan fokus penyeliaannya ke atas syarikat induk perbankan dan subsidiari masing-masing di dalam proses penyeliaan. Sebelum ini, fokus pemeriksaan sebahagian besarnya tertumpu kepada pemeriksaan institusi perbankan dan subsidiari mereka. Dengan evolusi sistem kewangan yang kini menjadi semakin kompleks, fungsi penyeliaan perlu diperluaskan kepada kumpulan secara keseluruhannya untuk meningkatkan tahap pemahaman mengenai rantaian dan keadaan saling bergantung entiti-entiti berlainan di dalam setiap kumpulan perbankan. Peluasan skop penyeliaan untuk meliputi syarikat induk perbankan akan meletakkan BNM pada kedudukan yang lebih baik untuk menilai kedudukan keseluruhan kumpulan perbankan dan bertindak ke atas punca kelemahan yang mungkin akan menggugat kesolvenan kumpulan perbankan tersebut, dan akhirnya kestabilan sektor kewangan. Peluasan proses pemeriksaan yang meliputi syarikat induk bank adalah juga selaras dengan usaha keseluruhan untuk mencapai penyeliaan bersepadu. Pemantauan rapi ke atas aktiviti syarikat induk bank serta entiti di dalam sesebuah kumpulan perbankan hanya boleh dilaksanakan dengan adanya maklumat penting seperti kekukuhan modal dan tahap keumpilan syarikat induk perbankan dan kumpulan tersebut secara keseluruhannya. Sehubungan ini, rangka kerja pelaporan malar oleh syarikat induk perbankan perlu ditetapkan untuk membolehkan BNM menilai profil risiko setiap kumpulan perbankan secara bersepadu dan meluaskan rangka kerja keperluan kehematan agar meliputi syarikat induk perbankan. Rangka kerja kehematan ini adalah bertujuan untuk memastikan agar syarikat induk bank mempunyai kedudukan modal yang kukuh dan berupaya untuk memberi sokongan kewangan kepada subsidiari masing-masing jika diperlukan. Pada masa yang sama, penilaian struktur kumpulan juga akan dilaksanakan. Sungguhpun struktur kumpulan pada dasarnya akan mengambil kira keperluan sinergi perniagaan, prinsip pengawalseliaan akan memastikan agar struktur tersebut tidak akan menghalang pelaksanaan penyeliaan bersepadu yang efektif. Rangka kerja untuk penyeliaan bersepadu perlu diperkembangkan

selari dengan pembangunan pasaran dan sentiasa dipertingkatkan untuk menyediakan rangka kerja komprehensif yang akan berakhir dengan penggubalan undang-undang khas untuk mengawal selia syarikat induk kumpulan perbankan.

Dengan sistem perbankan menuju ke arah sistem kewangan yang semakin dinyahkawalselia dan berorientasikan pasaran, penerapan urus tadbir korporat yang kukuh adalah merupakan syarat penting. Amalan urus tadbir korporat yang baik seperti ketelusan, kawalan dalaman yang cekap dan lembaga pengarah yang efektif akan menyumbang secara positif ke arah memastikan institusi perbankan diuruskan dengan baik, dengan mengambil kira matlamat akhir untuk meningkatkan kecekapan, produktiviti dan nilai pemegang saham. Dengan institusi perbankan menjadi semakin besar dan menjalankan aktiviti perniagaan yang kian kompleks, adalah semakin penting agar ahli lembaga pengarah dan pihak pengurusan kanan memahami faktor-faktor yang boleh memberi kesan ke atas kedudukan kewangan institusi perbankan masing-masing supaya langkah-langkah yang sesuai boleh dilaksanakan untuk memelihara kestabilan institusi perbankan masing-masing. Ahli lembaga pengarah dan pihak pengurusan kanan juga diperlukan untuk sentiasa meningkatkan pengetahuan mereka berhubung isu-isu yang timbul seperti arah aliran yang muncul di pasaran, teknologi dan teknik baru yang boleh meningkatkan prestasi dan tahap kecekapan mereka, serta cabaran-cabaran baru yang dihadapi oleh perniagaan perbankan bagi membolehkan mereka menjalankan tugas secara efektif. Oleh kerana ketua pegawai eksekutif (CEO) memainkan peranan kritikal dalam menguruskan operasi harian institusi perbankan, perhatian penuh mereka ke atas pengurusan institusi perbankan masing-masing adalah amat penting. Oleh yang sedemikian, BNM telah menyekat bilangan jawatan pengarah yang boleh dipegang oleh CEO pada satu-satu masa kepada lima jawatan sahaja. Untuk memastikan agar jawatan yang dipegang tidak akan bertentangan atau meninggalkan kesan negatif ke atas keupayaan CEO untuk membuat keputusan, mereka juga tidak dibenarkan untuk memegang jawatan pengarah, pengerusi atau mana-mana jawatan eksekutif lain di dalam sesebuah entiti selain daripada sebagai pengarah di dalam subsidiari atau syarikat induk institusi perbankan masing-masing.

Sebelum ini, adalah menjadi amalan agar institusi perbankan mendapatkan kelulusan untuk memberi saraan kepada CEO dan ahli lembaga pengarah. Amalan ini diperlukan pada masa tersebut untuk memastikan agar pakej penggajian pihak pengurusan kanan adalah berpatutan dengan peningkatan tahap produktiviti institusi perbankan. Walau bagaimanapun, dalam melangkah ke hadapan, untuk membolehkan institusi perbankan menarik bakat terbaik dan agar saraan ganjaran yang diberi adalah berorientasikan pasaran, BNM telah memansuhkan keperluan institusi perbankan mendapatkan kelulusan BNM terlebih dahulu untuk pemberian saraan kepada CEO dan ahli lembaga pengarah. Tanggungjawab untuk menentukan jumlah saraan yang berpatutan kini terletak di bahu lembaga pengarah dan pemegang saham institusi perbankan, yang mempunyai tanggungjawab terutamanya untuk memastikan pakej ganjaran yang diberikan adalah berdasarkan kriteria yang telus, boleh diukur dan objektif. Selari dengan usaha menggalakkan disiplin pasaran, kelonggaran ini telah disertai dengan keperluan institusi perbankan untuk mendedahkan amaun saraan yang telah dibayar kepada CEO, pengarah eksekutif dan pengarah bukan eksekutif di dalam laporan tahunan mereka.

Dengan mengambil kira permintaan yang semakin bertambah untuk pendedahan awam yang lebih telus dan pelaporan kewangan yang lebih bermutu oleh penetap standard, BNM baru-baru ini telah mengeluarkan kertas perundingan berhubung cadangan pindaan ke atas Garis Panduan Contoh Penyata Kewangan untuk Industri Perbankan (GP8) kepada industri perbankan. GP8 yang telah dipinda ini dirangka untuk memberi penumpuan yang lebih terhadap peranan yang dimainkan oleh lembaga pengarah. Ahli lembaga pengarah diberi kepercayaan oleh para pemegang saham manakala undang-undang meletakkan tanggungjawab untuk menguruskan hal-hal berkaitan institusi perbankan kepada lembaga pengarah. Sehubungan itu, lembaga pengarah memikul tanggungjawab yang paling besar untuk memastikan adanya pengawasan yang sewajarnya ke atas sumber-sumber syarikat dan untuk mencapai matlamat korporat. Sehubungan ini, tanggungjawab utama untuk memastikan penyediaan penyata kewangan diletakkan di bahu lembaga pengarah dan lembaga ini diharapkan untuk menyediakan struktur pelaporan kewangan yang mantap untuk memastikan integriti dan kredibiliti akaun. GP8 yang telah dipinda ini mengambil pendirian yang kurang preskriptif di dalam melaporkan beberapa butiran. Ini adalah bertujuan untuk memberi lebih fleksibiliti kepada institusi perbankan di dalam mendedahkan dasar mereka dan melaporkan prestasi kewangan serta

operasi perniagaan mereka berdasarkan kepada situasi tertentu yang khusus kepada institusi perbankan terlibat.

Pengalihan ke arah rangka kerja perakaunan nilai saksama *(fair value accounting)* dengan menerima pakai "International Accounting Standard 39" (IAS 39) merupakan satu lagi bidang cabaran yang dihadapi oleh institusi kewangan dari aspek pelaporan kewangan. Walaupun model nilai saksama masih belum dilaksanakan sepenuhnya di Malaysia, institusi perbankan perlu membuat persediaan untuk mematuhi keperluan baru tersebut. Sebagai contohnya, polisi berhubung dengan pelaburan aset kewangan serta aktiviti lindung nilai perlu dikaji semula agar konsisten dengan peraturan baru berhubung dengan pengiktirafan dan penilaian. Rangka kerja baru ini juga menghendaki institusi perbankan menilai semula keupayaan sistem pengurusan maklumat mereka untuk berdepan dengan peraturan pengiraan baru. Dalam keadaan yang sama, lembaga pengarah dan pihak pengurusan institusi perbankan perlu dimaklumkan tentang impak keseluruhan rangka kerja perakaunan nilai saksama ke atas kunci kira-kira dan keuntungan institusi kewangan, terutamanya berhubung potensi kenaikan dalam kemudahubahan pendapatan.

Perniagaan perbankan merupakan bidang yang berasaskan integriti dan ianya bergantung kepada tahap kepercayaan yang diletakkan oleh pihak awam ke atas sistem perbankan. Oleh yang demikian, adalah penting integriti sistem kewangan dipelihara untuk mengekalkan keyakinan pihak awam ke atas sektor kewangan. Oleh itu, lembaga pengarah juga mempunyai peranan yang tidak kurang pentingnya untuk memastikan reputasi institusi perbankan mereka terpelihara. Lembaga pengarah perlu memastikan adanya mekanisme yang berpatutan untuk memantau dan mengawal risiko reputasi, kerana walaupun sekiranya institusi perbankan mempunyai asas-asas yang kukuh, sesetengah isu sekiranya dibiarkan, mungkin akan meninggalkan kesan yang menggugat kestabilan institusi perbankan. Adalah amalan institusi perbankan untuk mempunyai kawalan dan prosedur secukupnya untuk menentusahkan ketulenan pelanggan mereka sebelum menjalin hubungan perbankan dengan para pelanggan. Keperluan ini telah ditetapkan sejak pengenalan garis panduan "Know Your Customer Policy" pada tahun 1993 untuk memastikan agar sistem perbankan tidak digunakan sebagai perantaraan untuk aktiviti jenayah.

Walau bagaimanapun, dengan tahap inovasi dan penggunaan teknologi yang semakin meluas di dalam sektor perbankan, usaha dihalakan ke arah mengukuhkan rangka kerja pengawalseliaan secara keseluruhannya untuk aktiviti pengubahan wang haram. Pada bulan Jun 2001, pihak Kerajaan telah meluluskan undang-undang baru, Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 (AMLA), untuk membanteras aktiviti pengubahan wang haram di Malaysia. Sebelum wujudnya undang-undang ini, peruntukan perundangan berhubung aktiviti pengubahan wang haram bertumpu terutamanya kepada aktiviti berkaitan jenayah dadah dan rasuah dan peruntukan-peruntukan ini terkandung di dalam pelbagai peruntukan undang-undang khusus. Sehubungan ini, peruntukan undang-undang berhubung pengubahan wang haram adalah tidak bersepadu. AMLA juga bertujuan untuk menutup jurang yang terdapat di dalam beberapa undang-undang dengan memastikan bahawa semua aktiviti berkaitan dengan pengubahan wang haram dibendung secara bersepadu. AMLA meningkatkan rangka kerja pencegahan pengubahan wang haram secara keseluruhannya dengan menjadikannya lebih komprehensif. Pertama, pengubahan wang haram itu sendiri kini akan dianggap sebagai kesalahan jenayah berasingan. Kedua, skop AMLA akan meliputi pengubahan prosid hasil daripada 122 kesalahan. Ketiga, keperluan pentadbiran sedia ada berhubung pengenalan identiti pelanggan, penyimpanan rekod dan transaksi yang mencurigakan kini adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang. AMLA juga menghendaki penubuhan unit perisikan kewangan untuk menerima laporan transaksi yang mencurigakan dan menjalankan siasatan. Kerajaan telah melantik BNM sebagai pihak berkuasa yang ditugaskan untuk mengumpul, memproses dan menjalankan perisikan berkaitan dengan aktiviti yang disyaki sebagai pengubahan wang haram oleh institusi pelapor. AMLA yang telah berkuat kuasa pada 15 Januari 2002 telah mengenal pasti pada peringkat awalan, bank perdagangan, syarikat kewangan, bank saudagar dan bank Islam sebagai institusi pelapor. Entiti-entiti lain seperti syarikat broker saham, syarikat diskaun, syarikat insurans dan pengurup wang akan dimasukkan sebagai institusi pelapor pada peringkat seterusnya. Keempat, AMLA meningkatkan kuasa agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang untuk menyita dan membekukan harta benda untuk membolehkan mereka mengesan, memantau dan mendakwa kesalahan-kesalahan pengubahan wang haram.

Berikutan daripada penggubalan AMLA, BNM akan mengkaji semula garis panduan "Know Your Customer Policy" agar selari dengan peruntukan di dalam AMLA dan untuk mengemas kini amalan antarabangsa terbaik seperti yang disyorkan oleh Bank for International Settlements dan Jawatankuasa Kerja Tindakan Kewangan. Pada peringkat awalnya, mekanisme pelaporan untuk kes-kes pengubahan wang haram hanya akan berdasarkan kepada transaksi yang mencurigakan sahaja. Keperluan untuk melaporkan semua transaksi melebihi had amaun yang telah ditetapkan hanya akan dikuatkuasakan pada peringkat kemudian apabila institusi perbankan telahpun menyediakan sistem yang diperlukan untuk merekod dan mengikuti perkembangan maklumat berhubung pelanggan individu secara komprehensif. Prosedur dan kawalan untuk memastikan integriti kakitangan, program latihan termasuk program "mengenali pelanggan", perlantikan pegawai pematuhan di peringkat pengurusan dan membangunkan fungsi audit untuk menguji pematuhan juga akan merupakan sebahagian daripada keperluan pematuhan yang perlu dipatuhi oleh semua cawangan dan subsidiari institusi perbankan.

Memenuhi Keperluan Sosioekonomi

Satu daripada objektif penting yang ditekankan dalam PISK adalah meningkatkan kesedaran dan aktivisme pengguna. BNM telah berusaha secara berterusan ke arah menepati objektif ini dan pada masa yang sama, membentuk langkah-langkah kawalan bagi melindungi hak pengguna perkhidmatan perbankan. Aktivisme pengguna telah dikenal pasti sebagai unsur penting yang boleh membantu meningkatkan pencapaian institusi-institusi perbankan dan mencapai kecekapan dan keberkesanan yang diharap dalam persekitaran yang dipacu oleh kuasa pasaran. Keperluan bagi memastikan pendidikan dan perlindungan pengguna yang memadai dan berkesan juga menjadi semakin penting. Pencegahan sebarang gangguan kepada tahap atau kebolehpercayaan perkhidmatan yang diberi kepada pelanggan bank dan juga perlindungan yang diberi kepada mereka daripada amalan tidak adil boleh memberi gambaran positif mengenai keupayaan sistem kewangan dalam menghadapi persaingan yang semakin meningkat. Program pendidikan pengguna yang aktif dan teratur diperlukan bagi meningkatkan pemahaman pengguna mengenai produk dan perkhidmatan institusi-institusi perbankan, yang seterusnya akan membawa peningkatan kepada konsumerisme yang lebih aktif.

Terdapat tiga objektif inisiatif kesedaran pengguna, iaitu: bagi mendidik dan meningkatkan pengetahuan pengguna mengenai isu-isu kewangan peribadi; bagi meningkatkan perlindungan undang-undang untuk pengguna dan saluran-saluran penyelesaian untuk pelanggan; dan bagi meningkatkan ketelusan dan penzahiran produk. Bagi mencapai objektif-objektif ini, BNM telah melaksanakan beberapa langkah pada tahun 2001 untuk menyediakan asas yang diperlukan untuk menggalakkan pergerakan konsumerisme yang lebih aktif di Malaysia.

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk mendidik pengguna mengenai isu-isu kewangan, BNM juga telah melaksanakan suatu program pendidikan dan pengumuman awam yang meluas bagi menangani aktiviti-aktiviti pengambilan deposit haram. Usaha ini dijalankan menerusi iklan media, pengedaran risalah dan peragaan poster agar dapat menjangkau spektrum penduduk yang meluas dan dapat meningkatkan pengetahuan pengguna mengenai akitiviti-aktiviti haram tersebut. Memandangkan kekurangan maklumat dan pemahaman oleh orang awam, perniagaan-perniagaan penerima deposit yang haram dapat dibangunkan, terutama sekali di kalangan penduduk yang kurang berpengetahuan. Dengan kempen pendidikan yang meluas, diharap peningkatan kesedaran akan membantu ke arah mencegah aktiviti-aktiviti penerima deposit haram daripada berlaku pada masa hadapan.

Untuk memperbaiki lagi perlindungan undang-undang bagi pengguna, garis panduan mengenai penerimaan jaminan untuk kemudahan kredit telah disemak semula pada Mei 2001 bagi melindungi selanjutnya hak penjamin. Tahap perlindungan yang diberi kepada penjamin telah diperkuatkan dengan melarang institusi-institusi perbankan daripada mendapat penepian ke atas hak penjamin, sama ada secara sukarela atau paksaan. Ini adalah bagi memastikan bahawa penjamin sedar akan hak mereka dan tidak akan terperangkap oleh syarat-syarat tersembunyi dalam perjanjian jaminan. Penekanan yang lebih tinggi juga telah diberi kepada usaha memastikan bahawa institusi-institusi perbankan mendidik penjamin mengenai tanggungjawab mereka sebelum mereka memberi komitmen kepada persetujuan pinjaman, dan bahawa penjamin sentiasa dimaklumkan mengenai perkembangan terkini pinjaman tersebut. Tindakan ke atas penjamin hanya boleh diambil setelah institusi perbankan mengambil semua langkah yang

sewajarnya bagi memperoleh kembali jumlah pinjaman yang tidak dijelaskan oleh peminjam.

Dalam menuju ke arah penyediaan saluran-saluran penyelesaian bagi pelanggan dan peningkatan tahap perkhidmatan yang diberi oleh institusi-institusi perbankan, semua bank perdagangan dan syarikat kewangan dikehendaki menubuhkan sebuah Unit Aduan yang berdedikasi sebagai saluran bagi pelanggan mengajukan masalah mereka dengan institusi perbankan masing-masing dan bagi membolehkan institusi-institusi perbankan merekod dan memantau kemajuan aduan yang telah diterima daripada pengguna agar dapat meningkatkan mutu perkhidmatan yang diberi. Unit Aduan tersebut adalah pusat tumpuan untuk mengendalikan aduan yang diterima oleh institusi perbankan dan bertanggungjawab untuk mengambil tindakan yang sewajarnya agar tidak timbul lagi masalah yang sama pada masa hadapan. Sebelum ini, BNM telah menjadi pengantara yang aktif dalam menyelesaikan masalah yang dikemukakan oleh pengguna. Dengan penubuhan Unit Aduan, institusi-institusi perbankan akan menjadi tempat rujukan pertama bagi pelanggan yang tidak berpuas hati. Institusi-institusi perbankan akan berusaha mengambil tindakan dan memberi gerak balas kepada pengadu secepat mungkin. Sekiranya pelanggan masih tidak berpuas hati dengan keputusan yang diambil oleh institusi perbankan tersebut, kesnya boleh dikemukakan kepada Biro Pengantaraan Perbankan.

BNM juga terus memberi keutamaan kepada pembangunan usahawan Bumiputera. Bagi meningkatkan kemudahan perkhidmatan perbankan terutamanya kepada usahawan Bumiputera, institusi-institusi perbankan dikehendaki menubuhkan sebuah Unit Pembangunan Bumiputera (BDU) dalam setiap organisasi bagi menangani isu-isu tertentu yang berkaitan dengan usahawan Bumiputera. Peranan yang akan dimainkan oleh BDU termasuk bertindak sebagai pusat serenti bagi menyelaraskan semua perkhidmatan pembiayaan dan nasihat bagi usahawan Bumiputera, bertanggungjawab untuk mengendalikan permohonan pinjaman yang diterima daripada perniagaan Bumiputera, melaksanakan fungsi-fungsi pemasaran dan mempromosikan produk-produk berkaitan dengan perbankan kepada usahawan Bumiputera, dan menjalankan dan menyelaras program-program latihan dalam bidang-bidang seperti pengenalan produk dan pengurusan kewangan bagi usahawan Bumiputera. Dengan penubuhan sebuah pusat rujukan di dalam setiap institusi perbankan, mekanisme bagi usahawan Bumiputera memperoleh akses kepada kredit perbankan akan menjadi lebih cekap dan berkesan.

BNM juga telah menubuhkan sebuah tabung khas, iaitu Tabung Pemulihan dan Pembangunan Usahawan atau "Entrepreneur Rehabilitation and Development Fund" bagi memberi bantuan kewangan kepada perusahaan Bumiputera bersaiz kecil dan sederhana (SME Bumiputera). Objektif tabung ini adalah bagi menyediakan pembiayaan untuk membantu SME Bumiputera yang terlibat menyelesaikan masalah NPL mereka dengan menyediakan modal kerja agar mereka dapat meneruskan perniagaan mereka. Walaupun dana ini disediakan oleh Kerajaan, institusi-institusi perbankan dikehendaki menilai daya maju dan keupayaan membayar balik SME tersebut. Tabung ini bertujuan memberi bantuan kepada SME Bumiputera yang menghadapi kesusahan dalam mendapatkan pembiayaan baru dan seterusnya, membantu menyambung perniagaan mereka yang masih berdaya maju.

Melangkah ke Hadapan

PISK telah menggariskan hala tuju bagi pembangunan sektor perbankan buat masa 8 -10 tahun akan datang. Pelaksanaan saranan-saranan PISK perlu disusun dengan tertib agar dapat mengurangkan gangguan kepada ekonomi secara keseluruhannya.

Pembangunan pada tahun-tahun akan datang adalah penting bagi menuju ke arah mencapai sasaran terakhir yang diharapkan dalam PISK. Ini akan membentuk asas-asas pembangunan di mana pembangunan selanjutnya akan diusahakan. Dengan evolusi industri kewangan global yang berterusan dan kadar perubahan yang semakin pesat, sektor perbankan Malaysia, terutama sekali institusi-institusi perbankan domestik akan menghadapi tekanan yang meningkat untuk menjadi lebih cekap dan berdaya saing, inovatif, dipacu oleh teknologi dan mempunyai strategi yang lebih fokus. Dengan itu, penekanan yang lebih kuat akan terus diberi ke arah mengukuhkan kedudukan ketahanan dan daya saing institusi-institusi perbankan untuk membolehkan mereka kekal relevan dalam persekitaran yang lebih global dan liberal.

KEMAJUAN PELAKSANAAN PELAN INDUK SEKTOR KEWANGAN

Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK), yang dilancarkan pada Mac 2001, menggariskan strategi jangka sederhana dan panjang untuk pembangunan sektor kewangan. Di dalam konteks pelan dan strategi yang telah dirangka, adalah penting bagi kemajuan tersebut dipantau dan diuruskan. Dalam hal ini, satu Sekretariat PISK dan sebuah Jawatankuasa Pemandu PISK (JP PISK) telah ditubuhkan untuk memantau pelaksanaan saranan-saranan PISK. Sekretariat PISK telah menggariskan sebuah rangka kerja untuk memantau kemajuan pelaksanaan saranan-saranan. Sekretariat PISK akan juga menilai semula kesesuaian saranan kini dan perkembangan masa hadapan, terutamanya di pasaran antarabangsa. Sekretariat PISK turut memantau kedudukan institusi kewangan domestik dan sistem kewangan dalam mencapai kemajuan mengikut peringkat-peringkat yang telah ditetapkan. Sebulan sekali JP PISK menyemak kemajuan yang dicapai dalam melaksanakan saranan PISK, memberikan hala tuju strategi kepada Sekretariat PISK dan juga membincangkan isu-isu dasar yang timbul berkaitan dengan pengemukaan saranan-saranan PISK untuk pelaksanaan di masa hadapan.

Bagi memudahkan pemantauan kemajuan dalam perkembangan sistem kewangan, saranan-saranan tersebut dibahagikan kepada lima kategori mengikut objektif yang telah digambarkan untuk sistem kewangan. Ini termasuk membina kecekapan dan kapasiti, meningkatkan persaingan, menyediakan sistem pembayaran yang cekap, mengukuhkan pembangunan rangka kerja pengawalseliaan dan mempertingkatkan kesedaran pengguna. Bagi saranan sektor Perbankan Islam dan Takaful, perkembangannya adalah dipantau berdasarkan empat objektif, iaitu mengukuhkan pembangunan rangka kerja pengawalseliaan, menggalakkan pembangunan produk dan pasaran, memperkukuhkan rangka kerja Shariah dan mempertingkatkan pengetahuan dan kepakaran bagi menggalakkan pembangunan sumber tenaga manusia. Selaras dengan pendekatan secara perundingan dan lelaran yang telah diguna pakai di dalam melaksanakan saranan-saranan PISK, beberapa pasukan petugas yang ahli-ahlinya terdiri daripada wakil-wakil industri, sektor swasta dan agensi Kerajaan yang berkaitan telah dan akan ditubuhkan di dalam perkembangan sektor kewangan seperti yang telah digariskan di dalam PISK. Ini adalah bagi memastikan bahawa pelaksanaan saranan-saranan PISK sedang dijalankan mengikut kaedah yang membuahkan hasil yang diharapkan tanpa gangguan ke atas sektor kewangan.

Graf I.1
Kemajuan Pelaksanaan Saranan Pelan Induk Sektor Kewangan



Jumlah saranan : 119
Jumlah projek : 210
( ) Bilangan projek

Setakat akhir 2001, daripada jumlah 119 saranan, 22 saranan sedang dilaksanakan secara progresif, di mana pelaksanaannya adalah secara berterusan sepanjang 10 tahun jangka waktu pelaksanaan PISK, manakala 9 atau 9% daripada lebihan 97 saranan telah dilaksanakan sepenuhnya. Kerja-kerja yang perlu dijalankan bagi melaksanakan sesuatu saranan melibatkan pengendalian beberapa projek berkaitan. Contohnya, bagi saranan "Menghasilkan Rangka Kerja yang Komprehensif bagi Penyeliaan Bersepadu ke

Jadual I.1
Status Pelaksanaan Saranan

Sektor Perbankan

Telah Selesai	Dijalankan Secara Progresif
S3.5 Menarik balik sekatan ke atas penggajian ekspatriat untuk menarik bakat antarabangsa terbaik untuk memenuhi keperluan kepakaran dalam bidang-bidang tertentu industri perbankan	S3.2 Meningkatkan kesedaran mengenai amalan terbaik dan mengelolakan latihan-latihan terfokus untuk menaikkan tahap kesedaran ketua-ketua pegawai eksekutif dan pengarah institusi perbankan dalam trend yang muncul dan isu-isu yang dihadapi oleh industri perbankan
S3.12 Menggalakkan penggunaan khidmat pihak ketiga bagi fungsi bukan teras untuk memfokuskan tumpuan strategik dan meningkatkan kecekapan	S3.3 Meningkatkan kemahiran kredit dan memantau keperluan pensijilan para pegawai dan pengurus kredit untuk mengukuhkan kemahiran kredit pegawai dan pengurus kredit dan memastikan keberkesanan keperluan pensijilan para pegawai kredit
S3.14 Menggalakkan penawaran saluran hantaran baru untuk menambah akses kepada rangkaian produk dan perkhidmatan perbankan pada kos yang efektif	S3.13 Menghendaki pengurusan institusi perbankan meningkatkan perhatian kepada pembangunan ICT untuk memastikan pembentukan strategi ICT yang sesuai
	S3.15 Menerima pakai falsafah pengawalseliaan 'apa yang tidak dilarang dibenarkan' dan memansuhkan secara berperingkat keperluan untuk mendapat kelulusan terlebih dahulu bagi penawaran produk baru untuk mengenyahkan rintangan kepada inovasi
	S3.19 Memudahkan pembentukan satu rejim cukai yang menarik untuk menggalakkan kehematan dan inovasi kewangan
	S3.34 Memulakan program pendidikan pengguna yang aktif dan terancang untuk membangunkan konsumerisme yang aktif
	S3.36 Menggalakkan para pengguna mencari penyelesaian secara formal melalui pendekatan pentadbiran dan perundangan untuk melindungi para pengguna daripada kemungkinan amalan-amalan institusi perbankan yang tidak adil

Sektor Insurans

Telah Selesai	Dijalankan Secara Progresif
S4.2 Membenarkan semua syarikat dalam pasaran untuk beroperasi melalui internet untuk meningkatkan persaingan dan kecekapan industri insurans	S4.5 Membuka industri pencen kepada penanggung insurans untuk meningkatkan bahagian pasaran yang dikuasai oleh penanggung insurans domestik
S4.16 Meningkatkan modal berbayar berkanun minimum bagi penanggung insurans untuk mempercepatkan proses penggabungan bagi membolehkan penanggung insurans domestik mencapai saiz dan skala yang diperlukan untuk bersaing secara berkesan dalam pasaran yang kurang dikawal selia dan lebih liberal	S4.8 Membenarkan penanggung insurans untuk mengagihkan lain-lain produk perkhidmatan kewangan peribadi bagi membolehkan penanggung insurans menggunakan agensi dan saluran agihan yang lain dengan lebih berkesan

Perbankan Islam dan Takaful

Telah Selesai	Dijalankan Secara Progresif
S5.6 Menambah bilangan pengendali takaful untuk mempercepatkan perkembangan perniagaan takaful	S5.11 Mewujudkan rejim percukaian yang menarik supaya ia tidak menjadi halangan kepada penerimaan konsep perbankan Islam dan produk takaful

Kaedah Pembiayaan Alternatif

Telah Selesai	Dijalankan Secara Progresif
S7.2 Menubuhkan dana modal usaha niaga berjumlah RM500 juta untuk menambahkan ketersediaan pembiayaan modal usaha niaga dan merangsang usaha niaga baru	S7.13 Menubuhkan sebuah pusat serenti bagi penyelidikan dan pembangunan sektor pertanian dan pangkalan data yang menyeluruh dan bersepadu bagi membantu institusi perbankan dalam menilai risiko yang terlibat di dalam pembiayaan sektor pertanian
S7.3 Memperkenalkan insentif cukai selanjutnya bagi industri modal usaha niaga untuk menggalakkan pertumbuhan syarikat modal usaha niaga	S7.14 Merumus program latihan secara berstruktur dan sistematik untuk peminjam bagi memastikan kemajuan peserta di sektor pertanian berjalan secara teratur
S7.4 Melonggarkan syarat penyenaraian MESDAQ untuk memberi kemudahan laluan keluar kepada syarikat modal usaha niaga daripada pelaburan mereka	S7.15 Memperkenalkan mekanisme pengagihan risiko yang akan mengurangkan risiko kepada institusi kewangan dan pada masa yang sama mengurangkan kos pinjaman menerusi skim jaminan dan perlindungan insurans
	S7.16 Menyediakan subsidi kepada industri pertanian untuk mengurangkan kos insurans terutamanya petani berskala kecil
	S7.17 Menyediakan peruntukan bantuan kewangan yang lebih besar kepada sektor pertanian melalui pengecualian cukai

Pusat Kewangan Luar Persisir Antarabangsa Labuan

Telah Selesai	Dijalankan Secara Progresif
	S8.1 Membangunkan sebuah Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC) yang aktif untuk Malaysia untuk menyokong keperluan yang bertambah oleh ekonomi domestik.
	S8.2 Mengkaji semula peraturan yang sedia ada untuk memudahkan peluasan skop perniagaan teras untuk memudahkan penubuhan perniagaan baru dan memberi peluang kepada penyedia perkhidmatan di luar pesisir memaksimumkan kebolehan dan kepakaran mereka dalam memperkembangkan perniagaan masing-masing
	S8.3 Menerima pakai pendekatan yang berasaskan perundingan dan berorientasikan pasaran untuk mewujudkan persekitaran perniagaan dan percukaian yang menarik untuk meningkatkan daya saing dan daya tarikan Labuan
	S8.6 Memperkukuhkan perniagaan perbankan dan kewangan Islam serta insurans Islam (takaful) untuk membolehkan Labuan dibangunkan dengan fokus strategi yang menjurus kepada produk dan perkhidmatan`berasaskan Islam'
	S8.7 Mempertingkatkan Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan (LFX) sebagai bursa kewangan serenti untuk pemastautin dan syarikat antarabangsa
	S8.8 Memperluaskan gerbang e-dagang (ECG) untuk menggalakkan pengusaha e-dagang menubuh operasi di Labuan
	S8.9 Memaksimumkan potensi Labuan IOFC dengan memajukan aktiviti ekonomi sampingan yang lain

atas Konglomerat Kewangan", lapan projek perlu dilaksanakan. Projek-projek di bawah saranan ini termasuk menghasilkan rangka kerja yang tersebut di atas yang berkaitan dengan pelaporan maklumat dan statistik oleh syarikat-syarikat induk bank kepada BNM di samping menyediakan rangka kerja undang-undang dan pengawalseliaan yang berkaitan dengan struktur kumpulan, transaksi intrakumpulan, urus tadbir korporat, mudah tunai, kecukupan modal dan keperluan-keperluan berhemat yang lain. Saranan tersebut hanya dianggap selesai apabila kesemua projek di bawahnya telah dilaksanakan sepenuhnya. Bagi melaksanakan lebihan 88 saranan PISK, sejumlah 164 projek perlu diselesaikan.

Selaras dengan fokus Fasa 1 PISK bagi meningkatkan kapasiti domestik, usaha kini tertumpu kepada pelaksanaan langkah-langkah untuk meningkatkan keupayaan dan kapasiti institusi kewangan bagi

memperbaiki tahap kecekapan, persaingan dan keberkesanan, langkah-langkah untuk membina kestabilan dalam konteks mengukuhkan rangka kerja pengawalseliaan dan keinstitusian di samping langkah-langkah bagi mengadakan satu rangka kerja perlindungan pengguna yang cekap dan berorientasikan pasaran.

Saranan bagi meningkatkan kapasiti domestik dan persaingan termasuk program tanda aras untuk membolehkan institusi perbankan menanda aras prestasi masing-masing dengan piawaian antarabangsa dan menggunakannya sebagai alat yang strategik untuk mendorong prestasi. BNM telah mengedarkan laporan kepada institusi perbankan, yang menanda aras prestasi setiap bank dengan prestasi purata industri dan juga institusi-institusi lain yang setanding. Bagi meningkatkan kesedaran dan mendapatkan sokongan dan komitmen daripada ahli-ahli lembaga pengarah dan pengurusan kanan institusi perbankan mengenai betapa pentingnya program tanda aras, BNM mengendalikan seminar bertajuk "Seminar on Benchmarking". Seminar tersebut adalah sebahagian daripada siri seminar yang telah dirancang untuk pengarah-pengarah dan ketua pegawai eksekutif institusi perbankan dan syarikat-syarikat insurans bagi meningkatkan kesedaran mereka terhadap bidang-bidang yang penting dengan mengambil kira perkembangan sektor-sektor khidmat kewangan masa hadapan. Di samping penunjuk kuantitatif, tinjauan pasaran akan dijalankan ke atas keperluan dan tahap kepuasan pengguna bagi mendorong strategi segmen pengguna, terutamanya bagi bidang perbankan runcit dan urusan perniagaan bersaiz kecil.

Program tanda aras akan juga diadakan untuk menentukan kadar pelaksanaan PISK. Bagi menilai sejauh mana kemajuan yang telah dicapai dalam objektif tertentu seperti mana yang digariskan di bawah pelbagai fasa PISK, prestasi dan perkembangan akan diukur secara berkala berdasarkan batu tanda khusus yang ditetapkan untuk dicapai bagi pelbagai peringkat pelaksanaan. Hasil kajian semula berkala tersebut akan digunakan untuk menentukan jujukan dan kadar pelaksanaan seterusnya, serta tindakan pembetulan segera atau kesesuaian yang mungkin diperlukan untuk memastikan langkah-langkah yang dilaksanakan mencapai objektif yang diingini.

Memandangkan pentingnya bagi membangunkan kepakaran dan kemahiran sumber tenaga manusia yang cekap untuk mengurus dan mengawal risiko kredit institusi-institusi perbankan, satu saranan yang berkaitan dengan keperluan program pensijilan para pegawai dan pengurus kredit telah diperkenalkan. Program pensijilan ini bertujuan memastikan bahawa semua pegawai kredit mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai risiko yang berkaitan dengan aktiviti pemberian pinjaman, yang mana ini akan membantu meningkatkan budaya kredit dan piawaian kredit di kalangan institusi perbankan. Saranan yang berkaitan dengan penghapusan sekatan ke atas gaji telah juga dilaksanakan di mana institusi perbankan telah diberikan kelonggaran untuk menentukan gaji, elaun dan bonus kakitangan mereka berdasarkan tahap produktiviti dan kecekapan mereka. Ini telah meningkatkan keupayaan institusi perbankan untuk menarik dan mengekalkan bakat yang terbaik ke dalam industri perbankan.

Bagi menambah fleksibiliti operasi, institusi perbankan telah juga dibenarkan untuk menggunakan khidmat pihak ketiga bagi fungsi-fungsi bukan teras dan menjalankan aktiviti jualan silang. Sehingga kini, 22 institusi perbankan telah menggunakan khidmat pihak ketiga bagi menjalankan fungsi-fungsi bukan teras mereka dan enam institusi perbankan kini memasarkan produk kewangan dan perkhidmatan melalui kaedah jualan silang bagi entiti yang berada di dalam kumpulan perbankan yang sama, termasuk institusi kewangan bukan bank yang berkaitan. Keupayaan institusi perbankan untuk menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan melalui pelbagai saluran hantaran telah juga menjadi bertambah penting untuk mengekalkan kelebihan bersaingan. Sehingga kini, lapan institusi perbankan domestik dan tiga institusi perbankan asing telah menawarkan kemudahan perbankan internet. Pelbagai usaha telah diadakan untuk meningkatkan kecekapan dan persaingan di dalam sistem pembayaran termasuk mempertingkatkan sistem RENTAS, memperkenalkan Sistem Pengawasan Masa Benar untuk memantau transaksi dan pengurusan mudah tunai, dan Modul Penambahbaikan Repo untuk meningkatkan mudah tunai di dalam pasaran bon sekunder dan memudahkan penyelesaian transaksi-transaksi repo. Untuk membiarkan kuasa pasaran membentuk perkembangan di dalam sistem pembayaran, Majlis Penasihat

Pembayaran Kebangsaan (MPPK) telah ditubuhkan pada pertengahan 2001 untuk menjalankan fungsi khidmat nasihat dan memberikan input pasaran di dalam perkembangan dasar sistem pembayaran. Ahli-ahli MPPK adalah terdiri daripada pegawai-pegawai daripada Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, BNM, Suruhanjaya Sekuriti, Hong Kong Monetary Authority, Bank of Japan, Unit Pemodenan Pentadbiran dan Perancangan Pengurusan (MAMPU), Malaysian Electronic Payment System Sdn. Bhd. (MEPS), Persatuan Bank-Bank di Malaysia, Persatuan Syarikat-syarikat Kewangan Malaysia, Persatuan Bank-Bank Saudagar di Malaysia and Persatuan Insurans Am Malaysia.

Untuk mengukuhkan lagi rangka kerja pengawalseliaan, tiga kertas perundingan bagi sektor perbankan telah dikeluarkan. Yang pertama ialah langkah-langkah pembetulan segera yang menyarankan beberapa siri langkah pengawalseliaan yang akan dikenakan secara automatik ke atas institusi perbankan yang didapati beroperasi dengan cara yang memudaratkan kepentingan pendeposit. Kertas perundingan kedua menyarankan penghalusan selanjutnya garis panduan mengenai kemudahan kredit kepada seorang pelanggan. Kertas perundingan ketiga membincangkan pindaan-pindaan ke atas Garis Panduan Contoh Penyata Kewangan Untuk Industri Perbankan (GP8), di mana ianya bertujuan mengambil kira perkembangan yang pesat di dalam pasaran kewangan dan peningkatan permintaan untuk pendedahan awam dengan lebih meluas untuk memupuk disiplin pasaran dan mengukuhkan penstabilan kewangan.

Di dalam industri insurans, penggabungan industri terus diusahakan dengan pelaksanaan saranan untuk meningkatkan modal berbayar berkanun minimum bagi penanggung insurans langsung kepada RM100 juta berkuat kuasa daripada 30 September 2001. Setakat ini, sejumlah lapan penggabungan dan perolehan (M&As) yang melibatkan 16 penanggung insurans telah disempurnakan, sementara M&A yang melibatkan 13 penanggung insurans lagi masih dalam pelbagai tahap pelaksanaan.

Terkandung di dalam PISK adalah satu set saranan-saranan untuk meningkatkan keberkesanan institusi kewangan yang tidak dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989. Saranan-saranan telah dirumus untuk memperbaiki rangka kerja pengawalseliaan Institusi-institusi Kewangan Pembangunan (IKP), membina kapasiti dan meningkatkan kecekapan IKP dalam menggunakan sumber-sumber kewangan mereka untuk mencapai matlamat Kerajaan. Akta Institusi-institusi Kewangan Pembangunan 2002, yang mula berkuat kuasa pada 15 Februari 2002 telah memberikan kuasa kepada BNM untuk menguatkuasakan Akta tersebut. Lanjutan daripada penguatkuasaan Akta tersebut, enam IKP telah diletakkan di bawah pengawasan Akta tersebut. Bagi mempertingkatkan perkembangan kaedah pembiayaan alternatif pula, syarat penyenaraian syarikat-syarikat modal usaha niaga di MESDAQ telah dilonggarkan dan Kerajaan telah juga menubuhkan dana modal usaha niaga berjumlah RM500 juta bagi meningkatkan ketersediaan pembiayaan di dalam ekonomi dan dalam proses tersebut akan dapat merangsang usaha niaga yang baru terutamanya di dalam bidang ICT. Tambahan lagi, insentif cukai dalam bentuk pengurangan cukai bersamaan dengan jumlah permulaan pelaburan yang dibuat untuk syarikat-syarikat usaha niaga yang diluluskan, modal benih dan pembiayaan pada peringkat awal perniagaan juga telah diberikan kepada industri ini.

Dalam usaha meningkatkan kesedaran pengguna dan menggerakkan program pendidikan pengguna yang berstruktur, BNM dan institusi perbankan telah melancarkan satu pelan yang komprehensif berkaitan menyediakan Program Pendidikan Pengguna yang aktif lagi berstruktur. Hasil perbincangan oleh Kumpulan Kerja Mengenai Ketelusan dan Pendedahan Produk, Persatuan Bank-Bank di Malaysia telah mengedarkan siri pertama risalah maklumat meliputi bidang seperti cara-cara penjagaan kad kredit, penjagaan kad ATM, pelaburan dalam unit amanah and caj bayaran terdahulu ke atas pinjaman perumahan. Satu risalah maklumat mengenai "Pengambilan Deposit Haram/Skim Cepat Kaya" juga telah diedarkan bertujuan untuk memaklumkan dan meningkatkan kesedaran orang awam tentang bahaya mengambil bahagian di dalam skim cepat kaya yang melibatkan pengambilan deposit secara haram. Di samping itu, BNM bersama-sama dengan institusi perbankan telah menubuhkan satu jawatankuasa untuk pendidikan pengguna bagi meningkatkan pengetahuan pengguna mengenai isu-isu kewangan persendirian termasuk kesedaran tentang hak dan liabiliti pengguna; dan juga untuk

memperbaiki perlindungan di sisi undang-undang dan penyelesaian masalah pengguna. Menuju ke arah model piawai pendedahan sepenuhnya bagi produk, jawatankuasa tersebut akan mengeluarkan garis panduan yang berkaitan dengan tahap pendedahan minimum untuk produk bagi memastikan pengguna dimaklumkan dengan jelas tentang semua risiko dan liabiliti yang terkandung di dalam sesuatu perkhidmatan atau produk perbankan.

Dalam keadaan yang sama, kertas perundingan juga telah dikeluarkan mengenai cadangan rangka kerja untuk membangunkan penasihat kewangan bebas (IFA) di dalam industri insurans dan amalan "nasihat terbaik" di dalam penjualan produk insurans hayat. Saranan-saranan di bawah PISK ini, yang kini sedang di peringkat persediaan terakhir untuk pelaksanaan pada tahun 2002 akan membolehkan pengguna mendapat nasihat profesional bebas mengenai perancangan kewangan dan pengurusan daripada IFA bertauliah yang boleh memberi nasihat mengenai produk insurans yang meluas. Pengawalseliaan amalan "nasihat terbaik" dapat memastikan nasihat yang sesuai telah diberikan oleh pengantara di dalam penjualan produk insurans hayat, berdasarkan kedudukan kewangan dan keperluan individu yang khusus.

Berkenaan dengan perbankan Islam, satu rangka kerja yang standard telah dirumus bagi mengira kadar pulangan untuk institusi perbankan Islam bertujuan untuk menyediakan suasana persaingan yang saksama dan satu bidang rujukan bagi peserta perbankan Islam untuk menghasilkan kadar pulangan. Rangka kerja tersebut akan membolehkan BNM menilai kecekapan, keuntungan, pengurusan yang berhemat dan kesaksamaan institusi perbankan Islam dengan lebih berkesan. Dua jawatankuasa telahpun ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Perunding Perkhidmatan (JPP) dan Jawatankuasa Perunding Pembangunan Produk dan Pasaran (JPPPP). JPP ditubuhkan dengan objektif mengadakan piawai amalan yang terbaik bagi perbankan Islam di dalam perkhidmatan pelanggan, memperbaiki imej dan juga meningkatkan kesedaran dan pengetahuan orang awam terhadap perbankan dan kewangan secara Islam. JPPPP ditubuhkan untuk mendorong inovasi dan perkembangan produk perbankan Islam. Kedua-dua JPP dan JPPPP mempunyai ahli terdiri daripada pegawai-pegawai BNM dan wakil-wakil daripada institusi perbankan Islam dan syarikat-syarikat takaful.

Sejumlah 24 saranan atau 27% daripada 88 saranan adalah disasarkan untuk dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2002. Dengan terlaksananya saranan-saranan di bawah Fasa 1, asas untuk membangunkan institusi perbankan domestik yang kukuh akan dapat diwujudkan. Menjelang akhir Fasa 1, peserta-peserta domestik akan lebih kukuh, efisien dan inovatif, di samping mempunyai lebih budaya saing dan berdaya tahan, sementara IKP akan lebih efektif dan memainkan peranan penting untuk menghasilkan strategi-strategi pembangunan negara ini dengan melengkapi aktiviti institusi-institusi perbankan bagi memenuhi keperluan ekonomi yang sentiasa berubah-ubah. BNM akan terus memantau secara teliti perkembangan pelaksanaan saranan-saranan di bawah PISK bagi memastikan suatu peralihan yang licin daripada satu fasa ke fasa seterusnya, berdasarkan pencapaian batu tanda yang ditetapkan dan bagi memastikan langkah-langkah yang dilaksanakan adalah mengikut jadual dan hala tuju dan objektif yang diingini tercapai.

AKTIVITI PENYELIAAN

BNM terus mengamalkan pendekatan serampang dua mata dalam penyeliaan ke atas institusi perbankan di mana fokus terus diberikan kepada pemeriksaan di premis dan pengawasan luar premis. Selaras dengan falsafah untuk mewujudkan rangka kerja bagi pengawalan dan penyeliaan terlaras risiko yang berhemat dan kukuh ke atas sektor perbankan, penekanan terus diberikan kepada aspek-aspek yang berisiko tinggi yang boleh menjejaskan keteguhan dan keutuhan institusi perbankan. Profil risiko dan aktiviti-aktiviti perniagaan institusi perbankan dan syarikat-syarikat berkaitan telah diambil kira di dalam menentukan aspek-aspek yang memerlukan fokus penyeliaan bagi membolehkan penilaian yang bersesuaian ke atas prestasi kumpulan perbankan secara keseluruhannya dan untuk memastikan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh kumpulan tersebut tidak memberikan kesan buruk kepada institusi perbankan dan sistem perbankan secara amnya. Oleh itu, proses penyeliaan tidak hanya merangkumi institusi perbankan tetapi juga syarikat induk bank dan syarikat berkaitan.

Pada tahun 2001, BNM telah menjalankan 85 pemeriksaan ke atas institusi perbankan, di mana 35 pemeriksaan adalah ke atas cawangan dalam dan luar negara dan tujuh pemeriksaan lagi ke atas syarikat induk bank dan syarikat berkaitan dengan institusi perbankan. Di samping itu, lima pemeriksaan telah dijalankan ke atas institusi kewangan bukan bank. Pemeriksaan di premis akan terus memberi tumpuan khusus kepada penilaian kedudukan kewangan dan operasi institusi perbankan, serta diperkukuhkan dengan memberi penekanan kepada penilaian ke atas profil risiko dan kecukupan sistem pengurusan risiko institusi perbankan. Fungsi penyeliaan luar premis saling melengkapi pemeriksaan di premis melalui pengawasan berterusan yang dinamik ke atas kedudukan kewangan institusi perbankan. Ini meliputi penilaian dan kelulusan penyata kewangan institusi perbankan. Penilaian penyata kewangan adalah untuk memastikan penyata tersebut disediakan mengikut piawaian perakaunan dan garis panduan BNM, serta memastikan kecukupan peruntukan hutang lapuk dan ragu. Di samping penilaian akaun teraudit yang dijalankan pada setiap tahun, penilaian juga dibuat ke atas akaun separuh tahun dan suku tahun (untuk syarikat tersenarai).

Di samping pemeriksaan ke atas aktiviti berkaitan dengan perbankan, penekanan juga diberikan terhadap sistem maklumat dalaman institusi perbankan bagi memastikan integriti data berada pada tahap yang tinggi. Dengan wujudnya perbankan internet sebagai saluran hantaran baru dan peningkatan penggunaan teknologi di dalam aktiviti perbankan, tumpuan turut diberikan kepada sistem maklumat institusi perbankan untuk mengurangkan potensi risiko yang berkait rapat dengan pengunaan meluas saluran hantaran perbankan elektronik. Penyelenggaraan integriti data di dalam saluran penghantaran ini, terutamanya yang melibatkan perkhidmatan pembayaran, menjadi lebih kritikal dan memerlukan perhatian penyeliaan. Justeru itu, BNM telah meningkatkan jumlah pemeriksaan ke atas sistem maklumat sepanjang tahun untuk memastikan sistem maklumat institusi perbankan menjadi asas kepada keteguhan dan keutuhan operasi institusi perbankan. Pemantauan yang lebih teliti terhadap prestasi institusi perbankan, kepatuhan kepada keperluan kawal selia dan kejadian penipuan, melengkapi ujian-ujian tekanan yang dijalankan. Ini membolehkan BNM dan institusi perbankan mengambil langkah pencegahan dan tindakan pemulihan di dalam bidang yang memerlukan perhatian penyeliaan. Program pengawasan khas telah juga dijalankan untuk membendung kejadian penipuan berkaitan ATM yang telah meningkat.

Dalam melangkah ke hadapan, usaha-usaha pembangunan akan terus diambil bagi memperkukuhkan lagi penyeliaan institusi perbankan. Sejajar dengan pengambilan risiko yang semakin kompleks institusi perbankan, rangka kerja CAMEL diperluaskan lagi dengan memasukkan Sensitiviti terhadap Risiko Pasaran sebagai satu komponen baru. Di samping itu (susulan daripada penggubalan Akta Institusi-Institusi Kewangan Pembangunan 2001) skop penyeliaan perbankan telah diperluaskan untuk merangkumi institusi-institusi kewangan pembangunan.

PENCAPAIAN PENSTRUKTURAN SEMULA SEKTOR PERBANKAN

Pengaturan institusi yang telah diadakan untuk memelihara kestabilan sektor perbankan semasa krisis ekonomi Asia, iaitu, Pengurusan Danaharta Nasional Berhad (Danaharta), syarikat pengurusan aset; Danamodal Nasional Berhad (Danamodal), agensi pemodalan semula tujuan khas; dan Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) telah mencapai kemajuan yang besar di dalam operasi mereka sepanjang tahun 2001.

Jadual 4.6
Danaharta: Pemulihan Pinjaman setakat 31 Disember 2001

	Pinjaman tertunggak dilaraskan[1] (RM bilion)	Pemulihan dijangka dilaraskan[2] (RM bilion)	Pemulihan dijangka (%)
Penstrukturan pinjaman biasa	11.6	8.0	69
Penyelesaian hutang	6.9	5.2	76
Skim penyusunan	9.2	6.9	76
Pentadbir Khas - skim yang telah diluluskan	5.5	2.5	44
Perampasan dan penjualan	11.6	3.4	29
Lain-lain (termasuk penyelesaian sebahagian)	4.1	2.5	60
Tindakan undang-undang	2.0	-	-
Jumlah	**50.9**	**28.5**	**56**

[1] Melibatkan hak pinjaman yang diambilalih sebanyak RM47.7 bilion dan faedah tertunggak sebanyak RM3.2 bilion.

[2] Berdasarkan andaian nilaian pemulihan sifar kes-kes pinjaman tak berbayar setakat 31 Disember 2001.

Setakat 31 Disember 2001, jumlah hak milik pinjaman yang telah diambil alih dan diuruskan oleh Danaharta adalah sebanyak RM47.7 bilion, di mana RM39.8 bilion adalah daripada sistem perbankan. Ini merangkumi lebih kurang 40% daripada jumlah pinjaman tidak berbayar sektor perbankan. Danaharta telah menamatkan fasa pengambilalihan pinjaman pada tahun 2000 dan tidak membuat sebarang pembelian terus daripada institusi perbankan pada tahun 2001. Secara amnya, peningkatan di dalam pinjaman yang diuruskan oleh Danaharta pada tahun 2001 adalah disebabkan oleh pelaksanaan perjanjian opsyen jual di antara Danaharta, Commerce-Asset Holdings Berhad dan Kumpulan Bank Bumiputra Malaysia (BBMB) yang timbul daripada penggabungan di antara BBMB dan Bank of Commerce (M) Berhad. Opsyen jual ini telahpun tamat tempohnya pada 31 Ogos 2001.

Pada tahun 2001, Danaharta telah memberi tumpuan kepada pengurusan pinjaman dan aset yang berada di bawah pentadbirannya. Dengan objektif untuk memaksimumkan nilai pulangannya, Danaharta telah menggunakan pelbagai cara di dalam proses pengurusan termasuk penstrukturan dan penyusunan semula yang aktif untuk pinjaman yang berdaya maju, pelupusan, perlantikan Pentadbir Khas dan skim penyusunan untuk pinjaman yang tidak berdaya maju.

Setakat 31 Disember 2001, Danaharta telahpun selesai menguruskan RM47.7 bilion (99.9%) daripada hak milik pinjaman yang telah diambil alih dan diuruskan di bawah portfolionya. Daripada pinjaman-pinjaman ini, Danaharta menjangkakan nisbah pulangan sebanyak 56% daripada jumlah pinjaman yang diambil alih (termasuk faedah tertunggak). Anggaran nisbah pulangan ini telah dilaraskan setelah mengambil kira andaian bahawa semua akaun yang mungkir tidak akan menerima sebarang pulangan (nisbah purata kemungkiran setakat 31 Disember 2001 adalah 11%).

Daripada jumlah pinjaman belum jelas terlaras yang telah selesai diuruskan, Danaharta menjangka akan menerima pulangan sebanyak RM28.5 bilion setakat 31 Disember 2001. Daripada jumlah ini, Danaharta telahpun menerima pulangan sebanyak RM15.2 bilion, di mana RM9.7 bilion adalah dalam bentuk wang tunai manakala yang selebihnya berbentuk aset bukan wang, seperti pinjaman yang telah disusun semula, sekuriti dan harta tanah. Jangkaan pulangan yang lain berjumlah RM13.3 bilion dan sedang berada pada pelbagai tahap pemulihan.

Danaharta telah mengagihkan pulangan bersih berjumlah RM8 bilion dalam bentuk wang tunai dan 36,559,542 unit sekuriti pada nilai tara. Pengagihan wang tunai yang berjumlah RM7.7 bilion, telah disalurkan untuk pemulihan NPL kumpulan BBMB dan Sime Bank manakala RM312.6 juta dan 36,559,542 unit sekuriti pada nilai tara yang selebihnya telah disalurkan balik kepada 24 buah institusi kewangan di bawah perjanjian perkongsian lebihan pulangan 80 (institusi kewangan): 20 (Danaharta).

Danaharta terus menjual harta tanah cagaran yang telah dilupuskan melalui tender terbuka sepanjang tahun 2001. Harta tanah yang masih belum dijual semasa tender dibuat telah dipindahkan kepada Danaharta Hartanah, yang menjual harta tanah ini melalui program jualan sekunder. Pada tahun 2001, Danaharta menjalankan tender harta tanahnya yang kelima, melibatkan 269 harta tanah, di mana 49% telah menerima bida yang berjaya dengan nilai berjumlah RM283.4 juta, yang merangkumi lebihan sebanyak 17% daripada jumlah nilai indikatif sebanyak RM242.3 juta. Tender kelima menyaksikan penyertaan pembeli harta tanah yang tertinggi di antara kesemua tender yang telah dibuat oleh Danaharta. Ini membuktikan dengan lebih lanjut arah aliran yang kuat terhadap kejayaan jualan melalui agen harta tanah, di mana agen harta tanah telahpun menjual 126 hartanah ataupun 96% daripada 131 harta tanah yang

menerima bida-bida yang berjaya. Pada 22 Januari 2002, Danaharta telah melancarkan tender harta tanah yang khusus melibatkan 30 unit kedai pejabat enam tingkat pada lokasi yang sama dengan jumlah nilai indikatif sebanyak RM31.9 juta. Tarikh tutup tender ini ialah pada 28 Februari 2002. Danaharta menjangkakan akan melancarkan tender harta tanahnya yang keenam pada suku kedua tahun 2002. Setakat 31 Disember 2001, Danaharta telah menjual 498 daripada 614 harta tanah yang ditawarkan semenjak tender terbukanya yang pertama yang telah diadakan pada tahun 1999, dengan nilai RM843.5 juta. Ini termasuk 357 buah harta tanah yang dijual pada jualan primer (RM593.3 juta) dan 141 harta tanah yang dijual dalam jualan sekunder (RM250.2 juta).

Danaharta juga telah mengusahakan pengsekuritian bersandarkan aset (ABS) yang pertama melalui Securita ABS One Berhad (Securita), sebuah syarikat tujuan khas. Usaha melalui ABS ini merupakan sekuriti obligasi hutang bercagar yang pertama di Malaysia dan ianya memberikan Danaharta kaedah pemberhentian pelaburan yang lebih cekap kerana cara ini dapat membantu mengatasi kerumitan operasi yang dialami di dalam jualan terus ataupun lelongan akaun-akaun pinjaman dalam jumlah yang besar, serta mengelakkan risiko di mana pelabur-pelabur memilih akaun-akaun tertentu sahaja untuk dibeli. Ini membolehkan lebih ramai pelabur terlibat dengan usaha Danaharta. Dana yang dikumpulkan melalui usaha ini dan terbitan-terbitan pada masa akan datang akan menyumbang kepada usaha Danaharta mengumpulkan wang tunai bagi menebus bon-bon Danaharta dan memenuhi keperluan operasi.

Terbitan pertama sekuriti bersandarkan aset Danaharta, yang akan matang pada 20 Disember 2005, merangkumi penerbitan Nota Senior bertaraf "AAA" berjumlah RM310 juta pada kadar kupon 3.875% setahun yang disandarkan kepada pinjaman-pinjaman berprestasi bernilai kira-kira RM595 juta. Sekuriti-sekuriti tersebut telah terlebih langgan sebanyak 3.5 kali di atas nilai nominal terbitan tersebut.

Bagi Danamodal pula, tiada sebarang suntikan modal diadakan sejak Disember 1999 memandangkan tahap modal institusi perbankan telah terus bertambah kukuh. Pada Ogos 2001, Danamodal telah memeterai Perjanjian Jual Beli bagi menjual pelaburannya dalam sebuah syarikat kewangan. Dengan penyelesaian jualan tersebut, jumlah pelaburan Danamodal dalam sistem perbankan telah menurun kepada RM2.1 bilion, dari RM7.1 bilion sejak penubuhannya. Danamodal dijangka akan mendapat semula kesemua pelaburannya apabila tiba masanya yang sesuai.

Memandangkan penstrukturan pinjaman secara sendirinya mungkin tidak akan menghasilkan manfaat jangka masa panjang bagi masalah yang dihadapi oleh syarikat-syarikat besar, peminjam-peminjam juga perlu melaksanakan penstrukturan operasi dahulu di samping penstrukturan kewangan, bagi memastikan syarikat tersebut berdaya maju pada jangka panjang.

Perubahan telah dilaksanakan ke atas rangka kerja penstrukturan semula CDRC dalam tahun 2001. Perubahan-perubahan yang dilaksanakan bagi mempercepatkan kadar penstrukturan semula pinjaman di Malaysia termasuk meletakkan garisan masa yang spesifik bagi memastikan pelaksanaan efektif penstrukturan tersebut dan mempertingkatkan keperluan pendedahan dan laporan. Memandangkan penstrukturan pinjaman secara sendirinya mungkin tidak akan menghasilkan manfaat jangka masa panjang bagi masalah yang dihadapi oleh syarikat-syarikat besar, peminjam-peminjam juga perlu melaksanakan penstrukturan operasi terlebih dahulu di samping penstrukturan kewangan, bagi memastikan syarikat tersebut berdaya maju pada

Jadual 4.7
Status kes CDRC setakat 8 Mac 2002

	Jumlah hutang* (RM juta)	Bilangan akaun
Kes yang diterima	67,644	87
Ditarik balik / Ditolak / Dirujuk kepada Danaharta	13,076	36
Kes yang layak disusun semula	54,568	51
Telah diselesaikan	35,773	39
Belum diselesaikan	18,795	12
Sedang dirumuskan oleh CDRC	*17,770*	*11*
Disemak semula	*1,025*	*1*

* Termasuk institusi bukan perbankan dan luar pesisir.

jangka panjang. Syarat bagi penerimaan pinjaman di bawah CDRC juga telah diubah kepada peminjam yang mempunyai pendedahan agregat pinjaman berjumlah RM100 juta dengan sekurang-kurangnya lima pemiutang bank (butir-butir pengubahan kepada rangka kerja tersebut boleh didapati di dalam seksyen Langkah-Langkah Perbankan 2001).

Setakat 8 Mac 2002, 12 kes dengan hutang berjumlah RM18.8 bilion masih belum diselesaikan. Ini termasuk satu kes yang sebelum ini telah diselesaikan tetapi terpaksa disemak semula. Bagi kes-kes di mana pihak pemiutang dan peminjam tidak dapat mencapai persetujuan ke atas syarat-syarat penstrukturan semula, kes tersebut akan disingkirkan daripada penyeliaan CDRC. Sebarang rundingan seterusnya di antara pihak pemiutang dan penghutang akan dijalankan di luar penyeliaan CDRC. Setakat ini, CDRC telah menolak atau menyingkir 12 kes daripada penyeliaannya. CDRC sedang menuju ke arah pencapaian sasarannya bagi memastikan semua cadangan pemberesan penghutang di bawah penyeliaannya diluluskan dan dilaksanakan sebelum akhir Julai 2002.

PRESTASI SISTEM PERBANKAN

Keuntungan

Untuk tiga tahun berturut-turut semenjak krisis kewangan yang melanda negara-negara Asia, sistem perbankan Malaysia mencatatkan keuntungan, walaupun pada tahap yang lebih rendah. Keuntungan yang dicatat pada tahun kalendar 2001 adalah RM7.5 bilion. Peruntukan hutang lapuk dan ragu yang lebih tinggi telah menyumbang kepada penurunan keuntungan pada 2001. Analisis mengikut jenis institusi menunjukkan bahawa tahap keuntungan yang lebih rendah adalah berpunca daripada bank perdagangan dan bank saudagar. Penurunan keuntungan yang dicatat oleh kedua-dua jenis bank diimbangi oleh keuntungan lebih tinggi yang dicatat oleh syarikat kewangan. Sementara keuntungan bank-bank telah terhakis oleh peruntukan hutang lapuk dan ragu yang lebih tinggi, pertumbuhan pinjaman yang memberangsangkan oleh syarikat kewangan, khususnya untuk pembelian kenderaan penumpang, ditambah pula dengan penurunan dalam peruntukan untuk hutang lapuk dan ragu, telah menyumbang ke atas tahap keuntungannya yang lebih tinggi.

Peruntukan hutang lapuk dan ragu yang lebih tinggi oleh sistem perbankan pada 2001 adalah disebabkan peningkatan NPL (berklasifikasi 6-bulan) kepada RM60 bilion pada akhir Disember 2001. Sebahagian daripada peningkatan peruntukan ini adalah disebabkan oleh bank-bank teras yang mengambil langkah polisi mengenai peruntukan hutang lapuk dan ragu ke atas

Jadual 4.8
Sistem Perbankan[1]: Pendapatan dan Perbelanjaan

	Untuk tahun kalendar			
	2000	2001*a*	Perubahan tahunan	
	RM juta			%
Pendapatan faedah selepas ditolak faedah tergantung	38,217	37,601	–616	–1.6
(Faedah tergantung)	5,139	5,787	648	12.6
Tolak: Perbelanjaan faedah	19,575	19,330	–244	–1.2
Pendapatan faedah bersih	18,642	18,271	–371	–2.0
Campur: Pendapatan bukan faedah	6,700	7,917	1,218	18.2
Tolak: Kos kakitangan	4,597	4,841	245	5.3
Kos overhed	4,706	5,321	615	13.1
Untung sebelum peruntukan	16,039	16,026	–13	–0.1
Tolak: Peruntukan hutang lapuk dan ragu	6,716	8,552	1,836	27.3
Untung sebelum cukai	9,324	7,474	–1,849	–19.8
Di mana:				
Bank perdagangan	6,848	5,112	–1,737	–25.4
Syarikat kewangan	1,889	2,060	171	9.0
Bank saudagar	586	302	–283	–48.4
Pulangan ke atas aset (%)	1.5	1.1		
Pulangan ke atas ekuiti (%)	19.5	14.5		
Kos ke atas pendapatan (%)	36.7	38.8		

[1] Tidak termasuk institutsi perbankan Islam.
a Awalan.

Graf 4.5
Sistem Perbankan [1] : Keuntungan



[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam

Graf 4.6
Margin Kadar Faedah Bersih



[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam
Nota: Margin kadar faedah bersih = Purata kadar berian untuk semua pinjaman - Purata kos dana

Graf 4.7
Purata Kadar Berian Pinjaman dan Purata Kos Dana



[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam

Nota: PKBP termasuk faedah tergantung dan faedah penalti
PKD tidak termasuk kos overhed, keperluan berkanun dan keperluan aset mudah tunai

portfolio hutang yang diambil alih supaya ianya selaras dengan standard kehematannya yang lebih ketat. Walaupun demikian, ini adalah merupakan penyelarasan yang perlu dibuat hanya sekali, di mana kesannya akan meletakkan sistem perbankan pada kedudukan yang lebih kukuh memandangkan penyelarasan dibuat adalah daripada standard kehematan yang minimum kepada yang lebih tinggi.

Pendapatan faedah bersih kekal pada tahap yang lebih kurang sama seperti tahun sebelumnya dengan mencatatkan penurunan yang marginal sebanyak 2% pada tahun 2001. Penurunan dalam pendapatan faedah bersih adalah disebabkan oleh penurunan lebih besar dalam pendapatan faedah kasar berbanding dengan penurunan perbelanjaan faedah. Pendapatan faedah yang lebih rendah daripada penempatan antara bank dan sekuriti pelaburan menyumbang kepada pengurangan pendapatan faedah bersih. Dengan sistem perbankan mengalami mudah tunai berlebihan pada tahun 2001 dan kadar faedah yang terus rendah, institusi perbankan telah menukar campuran aset daripada sekuriti pelaburan yang berhasil rendah kepada aset pinjaman. Penukaran strategi untuk memaksimumkan hasil ini telah mengakibatkan persaingan hebat di sektor pinjaman runcit dan gadai janji. Suasana kompetitif yang melibatkan kadar faedah dan kadar faedah pemberian pinjaman yang lebih rendah telah diimbangi oleh pertumbuhan pinjaman yang menggalakkan yang menghasilkan peningkatan dalam jumlah pendapatan daripada aktiviti-aktiviti pemberian pinjaman sebanyak 3.5%. Kadar faedah yang lebih rendah turut diimbangi oleh pengurangan dalam perbelanjaan faedah akibat penurunan jumlah faedah yang dibayar ke atas deposit (-RM0.3 bilion atau -1.9%), walaupun terdapat pertumbuhan dalam jumlah deposit sistem perbankan.

Pendapatan bukan faedah (tidak termasuk kutipan pinjaman tak berbayar) sistem perbankan meningkat sebanyak 18.2% pada tahun 2001. Ini adalah sebahagian besarnya disebabkan oleh keuntungan

yang luar biasa daripada penjualan pelaburan dan dividen yang diterima meningkat sebanyak RM0.9 bilion (+73.9%) dan pendapatan perdagangan sebanyak RM0.5 bilion (+28.4%). Pendapatan berasaskan fi, yang menyumbang 26.3% daripada pendapatan bukan faedah, mencatat peningkatan sebanyak RM17.9 bilion kepada RM3 bilion dan ini mencerminkan peningkatan penumpuan oleh institusi-institusi perbankan dalam menyediakan perkhidmatan berasaskan fi untuk melengkapi pendapatan tradisional yang berasaskan dana. Usaha rasionalisasi dan integrasi sistem hasil daripada penggabungan institusi-institusi perbankan telah meningkatkan kos overhed sebanyak RM0.6 bilion atau 13.1%. Walau bagaimanapun, ia adalah merupakan kos yang tidak berulang dan institusi-institusi perbankan dijangka akan menikmati hasil daripada proses rasionalisasi dan integrasi pada tahun-tahun yang akan datang.

Aktiviti Berian Pinjaman

Aktiviti berian pinjaman sistem perbankan berkembang secara sederhana pada tahun 2001 akibat pertumbuhan ekonomi yang kurang memberangsangkan. Kelembapan ini, yang sebahagian besarnya berpunca daripada kemerosotan ekonomi global yang telah menjejas ekonomi domestik menerusi perolehan eksport yang lebih rendah di samping sentimen perniagaan dan prospek jangka pendek yang agak muram. Dengan perkembangan ini, permintaan terhadap pinjaman dan pembiayaan berkurangan dan ini seterusnya mengakibatkan bilangan dan nilai permohonan pinjaman yang diterima oleh institusi-institusi perbankan menurun pada tahun 2001. Oleh kerana bilangan permohonan pinjaman yang diterima adalah lebih rendah, kelulusan pinjaman juga telah menurun sebanyak 6.5% pada tahun ini. Walau bagaimanapun, pembayaran balik pinjaman telah meningkat secara marginal sebanyak 3.8% disebabkan oleh kebanyakan peminjam telah membayar balik atau membiayai semula pinjaman mereka bagi mengambil kesempatan ke atas suasana kadar faedah yang rendah. Pengeluaran pinjaman juga telah mencatatkan peningkatan yang marginal sebanyak 2.3%.

Jadual 4.9
Sistem Perbankan[1] : Aktiviti Pembiayaan

	Bagi tahun		Pertumbuhan tahunan (%)
	2000	2001	
	RM bilion		
Kelulusan pinjaman	133.3	124.7	–6.5
Pengeluaran pinjaman	357.3	365.5	2.3
Pembayaran balik pinjaman	345.0	358.2	3.8
	Pada akhir tahun		
	2000	2001	Pertumbuhan tahunan (%)
	RM bilion		
Jumlah pinjaman[2]	447.4	462.7	3.4
Jumlah pinjaman terlaras[3]	454.5	473.3	4.1
Jumlah pembiayaan ekonomi terlaras[4]	551.4	586.6	6.4

[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam.
[2] Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta.
[3] Jumlah pinjaman kasar, diselaraskan untuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta, serta pinjaman yang telah dihapus kira dan ditukar kepada ekuiti dan pembayaran balik pinjaman oleh dua buah syarikat LRT.
[4] Jumlah pinjaman kasar, diselaraskan untuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta, pinjaman yang telah dihapus kira dan ditukar kepada ekuiti, pembayaran balik pinjaman oleh dua buah syarikat LRT dan jumlah sekuriti hutang swasta.

Kredit pengguna yang disalurkan oleh sistem perbankan yang meningkat sebanyak 11.9% telah disokong oleh perbelanjaan pengguna yang tinggi. Dalam keadaan yang sama, pinjaman bagi pembelian kenderaan pengangkutan (terutamanya bagi pembelian kereta penumpang) juga mencatatkan kenaikan sebanyak 27.4%, sementara pinjaman bagi pembelian harta kediaman berkembang sebanyak 9.3%. Permintaan pinjaman yang kukuh oleh sektor runcit mencerminkan gerak balas positif orang awam ke atas suasana kadar faedah semasa yang rendah serta perbelanjaan Kerajaan bagi merangsang ekonomi domestik. Permintaan bagi pinjaman perumahan juga dirangsang oleh pakej pinjaman perumahan berdaya saing yang ditawarkan oleh institusi-institusi perbankan dan kempen-kempen promosi pemilikan rumah yang diusahakan oleh sektor swasta untuk meningkatkan jualan. Di samping itu, beberapa insentif telah diberi semasa tempoh promosi ini seperti pengecualian duti setem bagi pembeli, penepian fi pemerosesan dan margin pembiayaan yang lebih tinggi.

Permintaan pinjaman daripada sektor korporat masih lemah pada tahun 2001, disebabkan oleh perolehan eksport yang rendah dan kelembapan ekonomi domestik. Permintaan pinjaman yang rendah daripada sektor harta tanah dan sektor pembinaan disebabkan oleh situasi lebihan bekalan dan perintah Kerajaan kepada pihak-pihak berkuasa tempatan untuk menangguh kelulusan pembinaan ruang pejabat dan ruang perdagangan bagi menangani situasi lebihan bekalan harta tanah.

Justeru itu, lebih kurang 50% daripada pinjaman baru yang diluluskan pada tahun ini adalah kepada individu, dengan pinjaman bagi harta kediaman mencakupi bahagian yang ketara sebanyak 22%.

Oleh kerana masa lat di antara kelulusan dan pengeluaran pinjaman bagi kad kredit dan pembelian kenderaan persendirian adalah pada lazimnya pendek, pengeluaran pinjaman kepada kedua-dua sektor ini masing-masing mencatatkan pertumbuhan yang menggalakkan sebanyak 59.2% dan 40.1%. Ini diikuti oleh pinjaman bagi pembelian harta kediaman sebanyak 10.6% dan pinjaman bagi sektor perkilangan sebanyak 9%. Pengeluaran pinjaman bagi membiayai pembelian harta kediaman adalah lebih perlahan kerana ia memerlukan pemerosesan dokumentasi perundangan manakala bagi harta benda yang sedang dibina, pengeluaran pinjaman adalah progresif mengikut peringkat siap. Pengeluaran pinjaman bagi sektor-sektor lain menurun berikutan trend menurun kelulusan pinjaman. Seperti pada tahun lepas, sektor perkilangan merangkumi sebahagian besar daripada pengeluaran pinjaman, berjumlah RM101.4 bilion atau 27.7% daripada jumlah pengeluaran pinjaman. Pembiayaan yang disalurkan kepada sektor perdagangan borong, runcit, restoran dan perhotelan adalah sebanyak RM65.4 bilion, satu peningkatan yang marginal sebanyak 4.6% berbanding dengan RM62.5 bilion pada hujung tahun 2000. Sektor perkilangan juga menyumbang sebahagian besar daripada pembayaran balik pinjaman, mencakupi sebanyak 28.1% atau RM100.7 bilion, satu peningkatan yang lebih ketara sebanyak 10.8% berbanding dengan jumlah pembayaran balik pinjaman pada tahun lepas (RM90.9 bilion). Sektor perdagangan borong, runcit, restoran dan perhotelan juga mencatatkan pembayaran balik pinjaman yang tinggi merangkumi sebanyak 17.9% atau RM64.1 bilion.

Berbanding dengan tahun lepas, jumlah pinjaman yang belum dikeluarkan meningkat sebanyak 8.1% pada tahun 2001. Dengan peningkatan pinjaman yang belum dikeluarkan dan pembayaran balik pinjaman yang lebih rendah daripada pengeluaran pinjaman, jumlah pinjaman sistem perbankan, termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta, mencatatkan pertumbuhan tahunan sebanyak 3.4% pada tahun 2001, berbanding dengan 5.4% pada tahun lepas. Setelah mengambil kira pinjaman yang telah dihapus kira dan pinjaman yang ditukar kepada ekuiti dan bon semasa proses penyusunan semula, di samping pembayaran balik pinjaman oleh dua buah syarikat LRT, jumlah pinjaman meningkat pada kadar tahunan sebanyak 4.1%, berbanding dengan 7.1% pada tahun 2000.

Memandangkan kadar faedah mengalami penurunan ke tahap yang paling rendah pada tahun 2001, sekuriti hutang swasta baru yang telah diterbitkan meningkat dengan ketara sebanyak 23.8%, yang menghasilkan dana sejumlah RM33.3 bilion daripada pasaran. Sekuriti hutang swasta yang ditebus berjumlah RM16.9 bilion, yang sebahagian besarnya disebabkan oleh beberapa sekuriti hutang swasta jangka sederhana yang diterbitkan pada tahun 1996/97 telah mencapai tarikh matang dan ditebus. Dengan itu, jumlah sekuriti hutang swasta meningkat sebanyak 16.9% kepada RM113.3 bilion dan jumlah pinjaman belum jelas, yang terlaras pinjaman-pinjaman yang dihapus kira dan ditukar kepada ekuiti, di samping mengambil kira pembayaran balik pinjaman oleh dua buah syarikat LRT dan jumlah sekuriti hutang swasta pada tahun 2001, adalah sebanyak RM586.6 bilion. Ini menghasilkan pertumbuhan tahunan sebanyak 6.4%, yang secara relatifnya lebih rendah daripada pertumbuhan tahunan sebanyak 9.6% yang dicapai pada tahun 2000.

Permintaan yang lemah bagi pembiayaan di sepanjang tahun 2001 telah mengakibatkan penurunan dalam aktiviti-aktiviti berian pinjaman oleh institusi-institusi perbankan. Walau bagaimanapun, pengeluaran kemudahan kredit yang telah diluluskan selanjutnya serta beberapa langkah yang telah diperkenalkan pada tahun 2001, dijangka akan mengakibatkan peningkatan dalam aktiviti berian pinjaman dalam tahun 2002. Pemansuhan sekatan ke atas pemberian pinjaman penyambung bagi pembangunan projek perumahan melebihi RM250,000 seunit pada November 2001 dijangka akan merangsang dengan lebih lanjut pertumbuhan sektor harta benda. Ransangan selanjutnya bagi perkembangan sektor harta benda adalah pemberian kemudahan kredit ringgit kepada bukan pemastautin bagi pembelian harta tak alih di Malaysia. Bermula daripada 1 Julai 2001, institusi-institusi kewangan yang bermastautin di Malaysia dibenarkan memberi pinjaman kepada bukan pemastautin bagi membiayai pembelian atau pembinaan sebarang harta benda di Malaysia. Beberapa insentif juga telah diperkenalkan bagi meningkatkan akses oleh SME kepada pembiayaan di bawah tabung-tabung khas sedia ada, di samping menggalakkan aktiviti ekonomi domestik dan pertumbuhan pelaburan. Ini termasuk penurunan kadar pinjaman dan kelonggaran kriteria kelayakan bagi tabung-tabung khas, serta penambahan peruntukan bagi tabung-tabung tertentu. Sebagai contoh, peruntukan bagi Tabung Untuk Makanan (TUM) telah

ditambah daripada RM1 bilion kepada RM1.3 bilion, dengan penurunan kadar pinjaman kepada 3.75% setahun daripada 4% setahun. Peruntukan bagi Tabung Usahawan Baru (TUB) telah ditingkatkan daripada RM1.25 bilion kepada RM1.5 bilion, dengan penurunan kadar pinjaman kepada 5% setahun. Sebuah Tabung Pemulihan dan Pembangunan Usahawan (TPPU) telah ditubuhkan dan ianya mengambil kira langkah-langkah pemulihan seperti menyediakan khidmat nasihat, kontrak-kontrak baru dan sokongan kewangan. Di samping itu, pada 20 September 2001, memandangkan risiko yang lebih tinggi yang terbias kepada kelemahan lanjut ekonomi berikutan insiden 11 September, kadar campurtangan 3-bulan BNM telah dikurangkan sebanyak 50 mata asas kepada 5% setahun. Ini telah mengakibatkan penurunan selaras kadar pinjaman asas bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan masing-masing kepada 6.39% setahun dan 7.45% setahun. Penurunan ini, sedikit sebanyak, telah merangsang pemberian pinjaman pengguna, serta memperbaiki keyakinan perniagaan domestik dan pengguna dalam menyokong aktiviti ekonomi domestik. Langkah-langkah tersebut dijangka akan terus meningkatkan aktiviti berian pinjaman pada tahun 2002.

Kualiti Aset

Dalam keadaan ekonomi yang kurang menggalakkan, kualiti aset sistem perbankan telah mengalami kemerosotan kecil pada tahun 2001. Jumlah NPL bersih berdasarkan pengkelasan 6-bulan meningkat sebanyak RM8 bilion kepada RM32.1 bilion pada akhir Disember 2001. Pada masa yang sama, jumlah NPL bersih berdasarkan pengkelasan 3-bulan

Jadual 4.10
Sistem Perbankan[1]: Pinjaman Tidak Berbayar dan Peruntukan Hutang Ragu dan Lapuk

	Pada akhir tahun					
	2000			2001		
	Sebenar[2]	Klasifikasi		Sebenar[2]	Klasifikasi	
		3-bulan	6-bulan		3-bulan	6-bulan
	RM juta					
Bank perdagangan						
Peruntukan am	6,399.8	6,365.9	5,241.9	6,125.6	6,134.3	5,416.9
Faedah tergantung	5,576.2	5,672.7	5,263.1	6,632.0	6,661.8	6,435.7
Peruntukan khas	11,360.8	11,726.5	10,721.5	14,134.0	13,975.7	13,188.7
Pinjaman tidak berbayar	35,660.6	41,107.3	31,607.3	46,934.8	51,578.9	41,682.7
Nisbah pinjaman tidak berbayar bersih (%)[3]	6.4	8.1	5.3	8.8	10.4	7.4
Jumlah peruntukan / Pinjaman tidak berbayar (%)	65.4	57.8	67.2	57.3	51.9	60.1
Syarikat kewangan						
Peruntukan am	1,647.1	1,640.4	1,656.7	1,822.5	1,802.6	1,802.5
Faedah tergantung	2,343.3	2,435.3	2,211.6	2,640.6	2,849.3	2,579.8
Peruntukan khas	4,809.0	5,055.4	4,514.3	4,971.2	5,095.2	4,840.2
Pinjaman tidak berbayar	14,255.4	17,627.0	13,338.3	15,266.0	18,781.8	14,602.9
Nisbah pinjaman tidak berbayar bersih (%)[3]	9.2	13.2	8.5	9.0	12.8	8.4
Jumlah peruntukan / Pinjaman tidak berbayar (%)	61.7	51.8	62.8	61.8	51.9	63.2
Bank saudagar						
Peruntukan am	377.1	336.3	336.9	379.0	340.5	374.6
Faedah tergantung	513.5	568.5	524.0	523.1	540.0	522.8
Peruntukan khas	816.3	827.2	806.4	1,056.8	1,073.9	1,017.0
Pinjaman tidak berbayar	3,084.2	4,387.4	3,211.1	4,415.8	5,029.3	4,373.9
Nisbah pinjaman tidak berbayar bersih (%)[3]	10.9	18.7	11.7	21.7	26.2	21.6
Jumlah peruntukan / Pinjaman tidak berbayar (%)	55.3	39.5	51.9	44.4	38.9	43.8
Sistem perbankan						
Peruntukan am	8,423.9	8,342.6	7,235.4	8,327.0	8,277.4	7,594.0
Faedah tergantung	8,433.0	8,676.6	7,998.7	9,795.7	10,051.2	9,538.4
Peruntukan khas	16,986.0	17,609.0	16,042.3	20,162.0	20,144.9	19,045.9
Pinjaman tidak berbayar	53,000.3	63,121.7	48,156.7	66,616.6	75,390.0	60,659.5
Nisbah pinjaman tidak berbayar bersih (%)[3]	7.2	9.6	6.3	9.3	11.5	8.1
Jumlah peruntukan / Pinjaman tidak berbayar (%)	63.9	54.9	64.9	57.5	51.0	59.6

[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam.
[2] Pinjaman yang diklasifikasikan sebagai pinjaman tidak berbayar mengikut dasar pengkelasan institusi perbankan masing-masing iaitu 3-bulan atau 6-bulan.
[3] Nisbah pinjaman tidak berbayar bersih = (Pinjaman tidak berbayar selepas ditolak faedah tergantung selepas ditolak peruntukan khas) / (Jumlah pinjaman selepas ditolak faedah tergantung selepas ditolak peruntukan khas) x 100%.

Graf 4.8
Sistem Perbankan[1]: Nisbah Pinjaman Tidak Berbayar Bersih



[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam

meningkat sebanyak RM8.4 bilion pada akhir Disember 2001.

Kualiti aset pada tahun 2001 terjejas akibat dua faktor utama. Faktor yang pertama ialah tamatnya tempoh pengecualian daripada pengkelasan sebagai NPL yang diberikan kepada kumpulan peminjam yang mengambil bahagian dalam proses penstrukturan semula hutang di bawah pengendalian CDRC. Faktor kedua ialah keadaan ekonomi yang kurang menggalakkan yang telah mempengaruhi keupayaan syarikat-syarikat dan peminjam-peminjam runcit untuk membayar balik pinjaman mereka. Menjelang separuh tahun pertama 2001, pinjaman berjumlah RM4.3 bilion atau 34.7% daripada jumlah kenaikan NPL kasar telah diklasifikasikan sebagai NPL apabila tempoh pengecualian daripada pengkelasan tersebut tamat. Walau bagaimanapun, pengkelasan semula pinjaman-pinjaman ini sebagai NPL tidak banyak menjejaskan tahap keuntungan institusi perbankan disebabkan oleh keperluan yang menetapkan bahawa faedah ke atas pinjaman-pinjaman yang terlibat hanya boleh diambil kira berdasarkan penerimaan tunai serta peruntukan khas hendaklah dibuat ke atas jumlah NPL yang diklasifikasikan. Selain itu, sejumlah akaun pinjaman yang sebelum ini telah distruktur semula telah diklasifikasikan sebagai NPL ekoran kelembapan ekonomi dan keadaan pasaran modal yang lemah yang telah mempengaruhi keupayaan syarikat-syarikat untuk menambah dana bagi meringankan bebanan hutang masing-masing.

Jadual 4.11
Sistem Perbankan[1]: Pinjaman Tidak Berbayar Mengikut Sektor

	Pinjaman tidak berbayar mengikut sektor		Perubahan	Sebagai peratus daripada jumlah pinjaman kepada sektor ini	
	2000	2001	2000/2001	2000	2001
	RM juta		%		
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	702.5	924.0	31.5	6.4	8.1
Perlombongan dan kuari	210.3	244.5	16.3	14.7	19.4
Perkilangan	8,865.9	12,409.6	40.0	14.4	20.3
Elektrik, gas dan air	252.9	358.8	41.9	3.3	7.3
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	4,729.5	4,983.4	5.4	13.3	13.8
Perdagangan borong	*2,058.6*	*2,126.5*	*3.3*	*10.7*	*10.7*
Perdagangan runcit	*1,300.5*	*1,364.5*	*4.9*	*11.8*	*12.0*
Restoran dan hotel	*1,370.4*	*1,492.4*	*8.9*	*26.0*	*30.1*
Sektor harta benda yang luas	20,874.0	27,346.3	31.0	15.8	17.1
Pembinaan	*8,021.2*	*10,526.0*	*31.2*	*23.2*	*31.6*
Pembelian harta kediaman	*5,055.3*	*6,727.9*	*33.1*	*9.0*	*8.0*
Pembelian harta bukan kediaman	*4,159.7*	*4,918.7*	*18.2*	*15.8*	*18.2*
Harta tanah	*3,637.7*	*5,173.7*	*42.2*	*24.5*	*33.2*
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	1,920.5	1,595.0	-17.0	16.3	15.5
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	2,990.4	4,633.8	55.0	9.6	14.5
Kredit penggunaan	6,260.7	5,803.3	-7.3	11.1	8.3
Kegunaan persendirian	*1,885.2*	*1,873.5*	*-0.6*	*14.6*	*14.2*
Kad kredit	*377.8*	*409.4*	*8.4*	*5.1*	*4.6*
Pembelian barangan pengguna	*80.3*	*70.1*	*-12.7*	*10.1*	*14.8*
Pembelian kenderaan pengangkutan[2]	*3,917.4*	*3,450.3*	*-11.9*	*11.1*	*7.3*
Pembelian sekuriti	4,438.5	5,206.6	17.3	18.2	24.6
Perkhidmatan sosial, masyarakat dan persendirian	783.8	1,237.3	57.9	13.1	21.1
Lain-lain	971.3	1,874.0	92.9	8.4	17.9
Jumlah	**53,000.3**	**66,616.6**	**25.7**		

[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam.
[2] Termasuk kenderaan perdagangan.

Meskipun jumlah NPL telah meningkat, rangka kerja keinstitusian dan pengawalseliaan yang telah diperkenalkan oleh BNM sejak beberapa tahun yang lalu dan juga dasar peruntukan berhemat yang dilaksanakan oleh institusi-institusi perbankan telah meletakkan sektor ini pada landasan yang kukuh bagi membuat penyesuaian dan melakukan gerak balas positif bagi menangani tekanan tersebut. Kedudukan modal sistem perbankan kekal kukuh dengan nisbah modal berwajaran risiko berada pada tahap selesa melebihi 12% sepanjang tahun. Jumlah peruntukan khas yang diperuntukkan oleh institusi perbankan meningkat sebanyak RM3 bilion atau 18.7% pada tahun 2001. Hasilnya, nisbah NPL bersih sistem perbankan telah dikekalkan pada tahap di antara 7.9% dan 8.3% di sepanjang separuh kedua tahun 2001. Kerugian pinjaman yang ditampung sebahagiannya oleh jumlah peruntukan kekal tinggi pada tahap 59.6% daripada jumlah NPL pada 31 Disember 2001. Sekiranya jumlah cagaran diambil kira, tahap perlindungan kerugian pinjaman sektor perbankan akan bertambah kukuh pada tahap 148.1% daripada jumlah NPL pada akhir Disember 2001. Ujian tekanan yang dijalankan ke atas institusi perbankan setiap suku tahun juga telah menunjukkan bahawa sektor perbankan secara keseluruhannya akan terus kukuh dan mempunyai modal yang lebih daripada mencukupi sekiranya diletakkan di dalam keadaan ekonomi meleset dan nilai aset yang muram. Situasi yang teruk ini tidak menghalang nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) sektor perbankan berada pada tahap melebihi 8% dengan beberapa institusi perbankan mencatatkan RWCR pada paras yang jauh melebihi 8%.

Kelembapan ekonomi global dan juga kemuraman pasaran barangan elektronik pada 2001 telah mengakibatkan aktiviti eksport terjejas dengan jumlah produk yang dihasilkan serta bilangan jualan sektor pembuatan turut menerima nasib yang sama. Dalam suasana sedemikian, NPL sektor pembuatan telah merekodkan peningkatan yang tertinggi berbanding sektor-sektor lain pada tahun ini, daripada RM8.9 bilion pada akhir 2000 kepada RM12.4 bilion pada akhir tahun 2001. Jika dibahagi-bahagikan NPL kasar mengikut sektor ekonomi, sektor pembuatan terus mencatatkan bahagian terbesar daripada jumlah NPL sektor perbankan. Pada 31 Disember 2001, NPL kasar bagi sektor pembuatan merangkumi 18.6% daripada jumlah NPL sistem perbankan dan 20.3% daripada jumlah pinjaman yang diberikan kepada sektor tersebut.

Meskipun jumlah NPL telah meningkat, rangka kerja keinstitusian dan pengawalseliaan yang telah diperkenalkan oleh BNM sejak beberapa tahun yang lalu dan juga dasar peruntukan berhemat yang dilaksanakan oleh institusi-institusi perbankan telah meletakkan sektor ini pada landasan yang kukuh bagi membuat penyesuaian dan melakukan gerak balas positif bagi menangani tekanan tersebut. Kedudukan modal sistem perbankan kekal kukuh dengan nisbah modal berwajaran risiko berada pada tahap selesa melebihi 12% sepanjang tahun.

Walau bagaimanapun, menjelang suku keempat 2001, jumlah NPL bagi sektor ini kembali stabil hasil daripada permintaan luaran dan dalaman yang semakin menggalakkan sepanjang suku tahun tersebut. Sektor pembinaan turut menerima kesan kemerosotan ekonomi. Pada akhir Disember 2001, NPL bagi sektor pembinaan menyumbang 15.8% daripada jumlah NPL sektor perbankan dan 31.6% daripada jumlah pinjaman yang diberikan kepada sektor tersebut. Sebagai sektor yang telah mendapat faedah utama daripada langkah-langkah rangsangan fiskal Kerajaan, NPL sektor ini dijangka akan beransur pulih pada tahun 2002. NPL daripada pinjaman bagi pembelian rumah kediaman adalah masih kurang membimbangkan pada tahap 8% daripada jumlah pinjaman yang diberikan bagi tujuan tersebut.

Bagi sektor perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan pula, NPL meningkat sebanyak 55% pada tahun 2001. Sebahagian besar NPL daripada sektor ini boleh dikaitkan dengan syarikat-syarikat pelaburan yang mengalami masalah membayar balik hutang mereka disebabkan oleh pendapatan dividen yang merosot daripada anak-anak syarikat mereka. Meskipun pasaran saham telah mencatatkan prestasi yang secara relatifnya kukuh pada tahun 2001, NPL daripada pinjaman bagi pembelian sekuriti meningkat sebanyak RM0.8 bilion atau 17.3%. Walaupun nisbah

Graf 4.9
Sistem Perbankan[1]: Profil Pinjaman Tertunggak



[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam

NPL bagi sektor ini mencatatkan 24.6% daripada jumlah pinjaman yang diberikan kepada sektor tersebut pada 31 Disember 2001, pendedahan sektor perbankan terhadap pinjaman untuk pembelian sekuriti tetap kecil pada tahap 5% daripada jumlah keseluruhan pinjaman yang diberikan oleh sektor perbankan.

Dari segi potensi risiko terhadap sektor perbankan, jumlah pinjaman tertunggak telah menjadi stabil dan kekal pada tahap yang kurang membimbangkan di sepanjang tahun. Walaupun di dalam suasana ekonomi yang sukar, jumlah pinjaman belum jelas bersih setelah ditolak NPL yang tertunggak di antara 2 hingga 6 bulan hanya meningkat sedikit sebanyak 1.4% atau RM280.8 juta pada tahun 2001. Sebahagian besar daripada peningkatan ini adalah disebabkan oleh kenaikan jumlah pinjaman yang tertunggak di antara 2 hingga 3 bulan, manakala jumlah pinjaman yang tertunggak di antara 4 hingga 6 bulan telah menurun sebanyak 4.5%. Jumlah pinjaman yang baru diklasifikasikan sebagai NPL juga telah mula menyederhana di sepanjang separuh tahun kedua dengan merekodkan penurunan daripada RM20.1 bilion pada separuh tahun pertama kepada RM11.2 bilion pada separuh tahun kedua 2001. Sistem perbankan juga telah merekodkan peningkatan sebanyak 27.8% dalam jumlah kutipan hutang ragu dan lapuk pada separuh tahun kedua.

Langkah-langkah awalan yang telah diambil bagi mempercepatkan proses penyusunan semula hutang korporat dan ini telah mula menunjukkan kesan positif dalam memperbaiki kualiti aset institusi perbankan dan seterusnya mengurangkan risiko kepada sistem perbankan. Pada tahun 2001, kejayaan menstruktur semula hutang dua syarikat gergasi telah mengurangkan NPL sistem perbankan sebanyak RM2.9 bilion atau 0.7% daripada jumlah NPL.

Kemajuan memuaskan dalam aktiviti penstrukturan semula hutang korporat di bawah rangka kerja CDRC yang baru dijangka akan terus mengurangkan lagi sebahagian besar masalah NPL daripada sektor perbankan. Apabila semua penstrukturan semula hutang korporat di bawah CDRC selesai, yang dijangka pada Julai 2002, kualiti aset institusi perbankan boleh dijangka akan menurun sebanyak kira-kira 3 mata asas. Oleh itu, institusi perbankan berada di landasan yang kukuh bagi menyokong pemulihan ekonomi pada tahun 2002.

Adalah dijangka bahawa NPL akan terus kekal pada tahap yang terurus dengan sistem perbankan menjadi lebih kukuh hasil daripada usaha-usaha penstrukturan semula hutang-hutang yang menghadapi masalah serta pelbagai langkah-langkah yang diperkenalkan untuk memperbaiki pengurusan risiko institusi perbankan. Dengan ekonomi yang dijangka merekodkan prestasi yang lebih baik pada tahun 2002, kualiti aset institusi perbankan akan juga menjadi bertambah baik selaras dengan prospek pertumbuhan ekonomi yang positif.

Pengurusan Mudah Tunai

Rizab antarabangsa merosot di sepanjang setengah tahun pertama kepada RM98.9 bilion pada akhir Jun 2001. Untuk menstabilkan kedudukan mudah tunai, operasi mudah tunai BNM adalah ke arah pengembangan dengan melepaskan mudah tunai yang telah diserap daripada sistem perbankan pada tahun sebelumnya. Campurtangan BNM dalam bentuk jumlah pinjaman antara bank bersih dan penerbitan Bil Bank Negara (secara konvensional dan

Graf 4.10
Mudah Tunai Sistem Perbankan pada tahun 2001



Islam) menurun daripada RM49.6 bilion pada akhir 2000 kepada RM34.1 bilion pada akhir Jun 2001.

Walau bagaimanapun, tahap mudah tunai dalam sistem perbankan telah meningkat pada setengah tahun kedua apabila rizab antarabangsa bertambah sebanyak RM18.4 bilion, daripada RM98.9 bilion pada akhir Jun 2001 kepada RM117.2 bilion pada akhir Disember 2001. Lebihan akaun semasa yang ketara, kemasukan pelaburan langsung asing yang mantap dan bezaan kadar faedah yang menguntungkan Malaysia di sepanjang tempoh tersebut berikutan penurunan kadar faedah terselaras oleh ekonomi-ekonomi utama dunia di sepanjang tahun telah menyebabkan pertambahan dalam aliran masuk modal, lantas menyumbang kepada kenaikan tahap mudah tunai di dalam sistem perbankan. Untuk menyerap impak daripada lebihan mudah tunai, BNM telah meningkatkan tahap campurtangannya dan mensterilkan kesan aliran masuk tersebut di sepanjang setengah tahun kedua melalui pertambahan pinjaman antara bank (termasuk pinjaman secara Islam) sebanyak RM12 bilion, yang menyebabkan jumlah campurtangan BNM meningkat kepada RM46.1 bilion pada akhir Disember 2001. Ini telah memastikan kadar faedah antara bank terus stabil, dengan purata berwajaran kadar faedah tiga bulan berada di antara 2.85% dan 3.06% setahun sepanjang tahun.

Pengurusan mudah tunai institusi perbankan telah menunjukkan prestasi yang lebih baik secara keseluruhannya setelah rangka kerja mudah tunai baru diwajibkan mulai Januari 2001. Pada Disember 2001, lebihan mudah tunai kumulatif sistem perbankan (tidak termasuk dua institusi perbankan Islam) diunjurkan pada tahap RM51.7 bilion di dalam jangka masa paling pendek bagi tempoh sehingga seminggu dan RM69.6 bilion bagi tempoh satu bulan.

Jadual 4.12
Sistem Perbankan[1]: Unjuran Mudah Tunai pada 31 Disember 2001

	Ketidakpadanan kumulatif (RM bilion)		Penimbal sebagai % jumlah deposit	
	1 minggu	1 bulan	1 minggu	1 bulan
Bank perdagangan[1]	37.1	51.8	11.5	16.1
Syarikat kewangan	8.0	11.4	9.9	14.1
Bank saudagar	6.6	6.4	46.1	44.1
Sistem perbankan[1]	**51.7**	**69.6**	**67.5**	**74.3**

[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam.

Graf 4.11
Sistem Perbankan: Profil Unjuran Lebihan/ Kurangan Mudah Tunai Bagi Tempoh Satu Bulan Kehadapan pada 31 Disember 2001



Secara agregat, bank perdagangan, syarikat kewangan dan bank saudagar mengunjurkan lebihan yang amat besar untuk tempoh sebulan masing-masing sebanyak 16%, 14% dan 44% daripada jumlah deposit masing-masing.

Secara individu, sebahagian besar daripada institusi perbankan telah mengunjurkan lebihan mudah tunai jauh melebihi keperluan yang ditetapkan bagi tempoh satu minggu dan satu bulan dan hanya satu syarikat kewangan dan satu bank perdagangan telah mengunjurkan kekurangan di antara -5% dan 0% bagi tempoh satu bulan berbanding 12 institusi perbankan pada akhir Disember 2000. Dengan jumlah aset mudah tunai terus pada tahap yang tinggi iaitu sebanyak RM59.4 bilion (dalam bentuk nilai jualan terpaksa) pada akhir Disember 2001, kemampuan sistem perbankan untuk menyerap sebarang potensi kejutan mudah tunai telah meningkat dengan ketara. Mudah tunai sistem perbankan yang berada pada tahap yang selesa akan membolehkan institusi perbankan menjalankan aktiviti pengantaraannya yang bertambah bagi menyokong tahap pertumbuhan ekonomi.

Risiko Kadar Faedah

Berikutan peningkatan aktiviti pasaran hutang seiring dengan keadaan kadar faedah yang rendah serta pertumbuhan yang ketara di dalam pemberian pinjaman berkadar faedah tetap, terutamanya pinjaman untuk pembelian kenderaan

Graf 4.12
Sistem Perbankan[1]: Ketakpadanan Kedudukan Kadar Faedah Bersih pada 31 Disember 2001



[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam

pengangkutan, tahap risiko kadar faedah sistem perbankan berada pada paras yang terkawal. Namun demikian, profil keseluruhan ketakpadanan kadar faedah sistem perbankan pada akhir tahun 2001 dari segi strukturnya kekal sama dengan jurang kadar faedah negatif bertumpu kepada tempoh kematangan jangka pendek dan jurang kadar faedah positif bagi kedudukan tempoh panjang. Ini mencerminkan sifat aktiviti perbankan domestik serta kekurangan urus niaga instrumen lindung nilai jangka panjang, di mana aset yang mempunyai penentuan semula kadar faedah jangka panjang tidak dibiayai oleh liabiliti yang sepadan.

Menjurus kepada profil ketakpadanan kadar faedah jangka pendek, kedudukan jurang bersih positif untuk tempoh kematangan kurang daripada satu bulan adalah didorong oleh tumpuan kepada pinjaman berkadar faedah terapung berasaskan kadar pinjaman asas (BLR) yang tempoh matangnya ialah satu bulan ataupun akan ditentukan semula kadar faedah dalam tempoh satu bulan. Ini merangkumi lebih 40% daripada aset sistem perbankan yang sensitif kepada pergerakan kadar faedah. Namun demikian, dengan deposit jangka pendek yang pada kebiasaannya matang di antara 1 dan 12 bulan, kedudukan jurang negatif pada tempoh ini telah diimbangi oleh kedudukan jurang positif tempoh kematangan yang kurang daripada satu bulan. Setakat 31 Disember 2001, lebih 83.3% daripada jumlah liabiliti yang sensitif kepada pergerakan kadar faedah mempunyai tempoh kematangan kurang daripada satu tahun.

Sebaliknya, berdasarkan profil kematangan kadar faedah sistem perbankan jangka masa sederhana dan panjang, tahap pendanaan secara relatifnya masih rendah, berikutan kekurangan instrumen lindung nilai jangka panjang serta kecenderungan pendeposit terhadap deposit jangka pendek yang berada dalam suasana kadar faedah yang rendah. Ini telah mengakibatkan ketakpadanan kadar faedah positif. Sebagai peratusan daripada jumlah aset yang sensitif terhadap pergerakan kadar faedah yang mempunyai tempoh kematangan melebihi satu tahun, pinjaman kadar tetap merangkumi 67% manakala sekuriti hutang berkadar tetap pula merangkumi 30%.

Menggunakan konsep kedudukan berwajaran durasi untuk menganalisis risiko kadar faedah sistem perbankan pada akhir 2001 dengan anggaran bakal kerugian dalam nilai ekonomi sesebuah institusi perbankan, di dalam dan di luar kunci kira-kira akibat pergerakan satu mata peratusan dalam kadar faedah, kedudukan bersih berwajaran durasi sistem perbankan berjumlah RM4.4 bilion. Mencerminkan profil ketakpadanan kadar faedah, sebahagian besar daripada pendedahan risiko kadar faedah bertumpu kepada jurang kematangan melebihi tiga tahun. Kedudukan berwajaran durasi sistem perbankan untuk jurang penentuan semula kadar faedah bagi tempoh di antara 3 dan 10 tahun dan melebihi 15 tahun adalah masing-masing berjumlah RM2.4 bilion dan RM1.5 bilion yang merupakan 54% dan 35% daripada jumlah posisi durasi berwajaran sistem perbankan. Ini disebabkan terutamanya oleh aktiviti pinjaman berkadar tetap yang dijalankan oleh syarikat kewangan seperti pinjaman sewa beli, pendiskaunan blok dan pembiayaan pajakan, di samping pinjaman

Jadual 4.13
Sistem Perbankan[1]: Kesan Kenaikan Kadar Faedah Sebanyak 1% ke atas Kemampuan Membayar dan Kunci Kira-kira

	Kedudukan bersih berwajaran durasi					
	RM juta		Sebagai peratusan daripada			
			Modal asas (%)		Jumlah aset (%)	
	2000	2001	2000	2001	2000	2001
Bank perdagangan	-1,842	-2,281	-4.3	-5.2	-0.4	-0.4
Syarikat kewangan	-1,323	-1,846	-14.2	-19.3	-1.2	-1.5
Bank saudagar	-216	-224	-4.7	-4.9	-0.6	-0.6
Sistem perbankan	-3,381	-4,351	-6.0	-7.5	-0.5	-0.6

[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam.

jangka panjang berkadar tetap dan pegangan sekuriti berkadar tetap untuk tujuan mudah tunai ataupun pelaburan oleh bank-bank perdagangan dan bank-bank saudagar.

Dari segi jenis industri pula, sebahagian besar daripada pendedahan kepada risiko kadar faedah tertumpu kepada bank perdagangan dan syarikat kewangan, yang masing-masing mempunyai kedudukan bersih berwajaran durasi berjumlah RM2.3 bilion dan RM1.8 bilion ataupun 52.4% dan 42.4% daripada jumlah kedudukan berwajaran durasi sistem perbankan pada akhir 2001. Pertumbuhan risiko kadar faedah syarikat kewangan ini adalah berikutan pertumbuhan yang ketara di dalam pinjaman berkadar tetap di dalam jurang kematangan 3 hingga 5 tahun dan 5 hingga 10 tahun yang masing-masing meningkat sebanyak 56.1% dan 89% kepada RM8 bilion dan RM17.4 bilion. Sementara itu, pertumbuhan risiko kadar faedah bank perdagangan pula disebabkan oleh peningkatan aktiviti sekuriti hutang berkadar faedah tetap yang berjangka masa sederhana dan aktiviti pinjaman berkadar faedah tetap jangka panjang dua buah bank perdagangan yang kebanyakannya terdiri daripada pembiayaan secara Islam dan pinjaman kakitangan yang mempunyai tempoh kematangan melebihi 15 tahun berjumlah lebih RM9 bilion. Kedudukan bersih berwajaran durasi bank-bank saudagar pula masih kecil dengan jumlah sebanyak RM224 juta berbanding dengan RM216 juta pada akhir tahun 2000.

Dalam mengaitkan kesan risiko kadar faedah kepada kestabilan sistem perbankan, konsep kedudukan berwajaran durasi boleh digunakan untuk mengukur potensi hakisan nilai modal asas dan aset sesebuah institusi perbankan. Setakat 31 Disember 2001, pendedahan sistem perbankan kepada risiko kadar faedah sebagai peratusan jumlah aset adalah sangat kecil dengan potensi kerugian hanya sebanyak 0.6% daripada jumlah aset sistem perbankan bagi satu mata peratusan peningkatan kadar faedah. Walau bagaimanapun, hasilnya ialah hakisan sebanyak 7.5% daripada nilai modal asas sistem perbankan berbanding dengan 6% pada akhir 2000. Ini disebabkan oleh pendedahan syarikat kewangan kepada risiko kadar faedah yang tinggi berbanding dengan aktiviti pinjaman berkadar faedah tetap mereka. Potensi kerugian kepada modal asas syarikat kewangan berjumlah 19.3%, lebih tinggi berbanding 14.2% yang direkodkan pada tahun lepas. Pada masa yang sama, hakisan modal bank-bank perdagangan dan bank-bank saudagar pula mengalami peningkatan yang marginal

Graf 4.13
Sistem Perbankan[1]: Taburan Mengikut Kedudukan Bersih Berwajaran Durasi sebagai Peratusan daripada Modal Asas pada 31 Disember 2001



[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam

masing-masing sebanyak 4.9% dan 5.2%, sekiranya kadar faedah meningkat sebanyak satu mata peratusan. Secara individu pula, 12 institusi terdedah kepada risiko kadar faedah yang melebihi 10% daripada modal asas mereka, di mana sembilan institusi merupakan syarikat kewangan selaras dengan aktiviti mereka yang mempunyai pendedahan yang tinggi kepada risiko kadar faedah. Institusi yang selebihnya ialah satu bank perdagangan dan dua bank saudagar, yang telah meningkatkan aktiviti masing-masing di dalam pasaran hutang dengan ketaranya. Kebanyakan bank-bank perdagangan dan bank-bank saudagar yang selebihnya mengalami potensi hakisan modal asas yang kurang daripada 5% sekiranya kadar faedah meningkat sebanyak satu mata peratusan.

Risiko Ekuiti

Pendedahan sistem perbankan kepada pelaburan ekuiti adalah masih kecil pada akhir tahun 2001, dengan keseluruhan pegangan ekuiti hanya merupakan 0.2% daripada jumlah aset sistem perbankan. Pelaburan di dalam saham tersenarai sepanjang tahun menurun dari RM1.8 bilion kepada RM1.5 bilion, sebahagian besarnya disebabkan oleh prestasi hambar Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI), kesan daripada kelembapan ekonomi dunia. KLCI memuncak sedikit di atas paras 700 mata hanya pada suku pertama tahun 2001, tetapi kekal di bawah paras 700 mata sehingga akhir tahun, menyebabkan kadar penukaran pinjaman kepada ekuiti lebih rendah, yang menurun sebanyak 25% sepanjang tahun tersebut. Secara relatifnya, ketidaktentuan dan sentimen yang lemah dalam pasaran saham sepanjang tahun telah menyebabkan

Graf 4.14
Sistem Perbankan[1]: Komposisi Pelaburan Ekuiti



[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam

Graf 4.15
Sistem Perbankan[1]: Taburan mengikut Ekuiti sebagai Peratusan daripada Modal Asas pada 31 Disember 2001



[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam

pegangan ekuiti hasil daripada taja jamin yang lebih besar bagi institusi perbankan, yang meningkat sebanyak 5% daripada RM64.5 juta pada akhir tahun 2000 kepada RM143.7 juta pada akhir tahun 2001. Pegangan saham yang tidak tersenarai yang merupakan 0.1% daripada jumlah aset sistem perbankan juga mencatatkan penurunan.

Mencerminkan pasaran saham yang lemah, bank perdagangan dan syarikat kewangan kedua-duanya telah mengurangkan pegangan ekuiti masing-masing sebanyak 25% dan 15% pada tahun 2001. Walau bagaimanapun, bank saudagar mencatatkan kenaikan dalam pegangan ekuiti mereka sebanyak 30.2%, sebahagian besarnya daripada aktiviti taja jamin akibat tawaran awam awal yang muram pada setengah tahun pertama. Akibatnya, bank saudagar telah mencatatkan kadar pendedahan ekuiti tertinggi, dengan pegangan saham tersenarai mencatatkan kadar melebihi 8% daripada modal asas mereka, manakala pendedahan ekuiti bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan masing-masing hanya sebanyak 1.8% dan 3.7% daripada modal asas mereka. Dari segi institusi perbankan secara individu, kebanyakan bank mempunyai kurang 2% daripada modal asas mereka yang terdedah kepada risiko ekuiti. Walau bagaimanapun, tiga buah bank saudagar mempunyai pendedahan ekuiti melebihi 20% daripada modal asas.

Dalam keadaan pasaran yang lebih mudah berubah, anggaran potensi kerugian berdasarkan kadar kemudahubahan KLCI bagi tempoh 10 hari adalah lebih tinggi pada kadar 17% pada tahun 2001 berbanding hanya 10% pada tahun 2000. Meskipun kadar kemudahubahan adalah lebih tinggi, potensi kerugian bagi sistem perbankan, sekiranya terdapat penurunan dalam pasaran saham, dianggarkan hanya 0.4% daripada jumlah modal asas dalam tahun 2001, berbanding 0.5% pada tahun 2000. Kerugian

Jadual 4.14
Sistem Perbankan[1]: Pendedahan kepada Ekuiti

	Pegangan ekuiti[2] (RM juta)		Ekuiti[2] / Modal asas (%)		Potensi kerugian ekuiti[2] / Modal asas (%)	
	2000	2001	2000	2001	2000	2001
Bank perdagangan	1,031.2	768.5	2.4	1.8	0.4	0.3
Syarikat kewangan	417.3	354.9	4.6	3.7	0.8	0.6
Bank saudagar	305.8	398.1	6.6	8.7	1.1	1.5
Sistem perbankan[1]	1,754.3	1,521.6	3.1	2.6	0.5	0.4

[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam.
[2] Jumlah pelaburan dalam saham tersenarai.

marginal ini adalah kerana penurunan menyeluruh dalam pegangan ekuiti oleh institusi perbankan.

Sementara potensi kerugian ekuiti bank perdagangan dan syarikat kewangan masing-masing menurun kepada 0.3% dan 0.6% daripada modal asas mereka, bank saudagar, bagaimanapun mempunyai kadar potensi kerugian dari risiko ekuiti tertinggi sebanyak 1.5%, iaitu 40 mata asas lebih tinggi berbanding tahun 2000, kesan daripada pegangan ekuiti yang lebih tinggi, serta modal asas yang kecil. Walau bagaimanapun, pendedahan ini adalah kecil dan tidak memberi sebarang ancaman kepada kestabilan sistem perbankan.

Risiko Mata Wang Asing

Perbezaan kadar faedah di antara Dolar Amerika dan Ringgit terus mengecil di sepanjang tempoh enam bulan pertama tahun 2001 sehingga menyebabkan penurunan yang ketara di dalam kadar diskaun bagi kontrak hadapan mata wang asing. Namun begitu, permintaan terhadap kontrak hadapan mata wang asing daripada para pengimport terus kukuh sepanjang tempoh tersebut. Penjualan kontrak hadapan mata wang asing oleh institusi perbankan meningkat sebanyak RM10 bilion semasa spekulasi sedang memuncak bahawa kadar pertukaran bersandar Ringgit dengan Dolar Amerika akan diturunkan. Bagi melindungi nilai kedudukan kontrak hadapan tersebut,

Graf 4.16
Sistem Perbankan[1]: Pendedahan kepada Mata Wang Asing



[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam

Jadual 4.15
Sistem Perbankan[1]: Pendedahan kepada Mata Wang Asing

	Kedudukan Mata Wang Asing Terbuka Bersih (RM juta)		Kedudukan Mata Wang Asing Terbuka Bersih/ Modal Asas (%)	
	akhir 2000	akhir 2001	akhir 2000	akhir 2001
Bank perdagangan	1,824	2,221	4.2	5.1
Bank saudagar	-8	47	0.2	1.0
Sistem perbankan	1,816	2,268	3.8	4.7

[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam..

pegangan aset mata wang asing oleh institusi perbankan memuncak kepada RM21.3 bilion pada akhir Mei 2001. Akibatnya, kedudukan tukaran mata wang asing yang terbuka bersih bagi sistem perbankan meningkat kepada RM3.1 bilion pada akhir Jun 2001 sebelum mencatat penurunan pada setengah tahun kedua 2001 kepada RM2.3 bilion.

Pada setengah tahun kedua 2001, penurunan berterusan kadar faedah Dolar Amerika telah mengecilkan lagi perbezaan kadar faedah di antara Dolar Amerika dan Ringgit dan dengan penurunan kadar faedah yang selanjutnya oleh Federal Reserve Board, telah mengakibatkan kadar Dolar Amerika terus menjunam ke paras yang lebih rendah daripada kadar faedah domestik bermula dari bulan September 2001. Ini telah mengurangkan permintaan terhadap kontrak hadapan mata wang asing oleh para pengimport yang seterusnya mengakibatkan jualan kontrak hadapan mata wang asing oleh insititusi perbankan menurun daripada RM25.9 bilion pada akhir Mei 2001 kepada RM13.6 bilion pada akhir 2001. Akibatnya, pegangan aset dalam mata wang asing oleh institusi perbankan mengecut berikutan pengurangan keperluan perlindungan nilai. Menjelang akhir tahun, pegangan aset mata wang asing bersih sistem perbankan menurun kepada RM8.4 bilion berbanding RM9.8 bilion pada akhir 2000.

Risiko mata wang asing yang diambil oleh institusi perbankan kekal di dalam lingkungan tahap berhemat berdasarkan peningkatan marginal di dalam pendedahan mata wang asing berbanding akhir tahun 2000. Kedudukan mata wang asing yang terbuka bersih sebagai peratusan modal asas bagi bank perdagangan meningkat sebanyak 0.9 mata peratusan

Graf 4.17
Sistem Perbankan[1]: Taburan Kedudukan Mata Wang Asing Terbuka Bersih pada 31 Disember 2001



[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam

kepada 5.1% dan sebanyak 0.8 mata peratusan kepada 1% bagi bank saudagar. Secara institusi perbankan individu, hanya enam buah bank perdagangan dan sebuah bank saudagar daripada 35 buah bank perdagangan dan bank saudagar mempunyai kedudukan tukaran mata wang asing yang terbuka bersih sebagai peratusan modal asas melebihi paras 5%. Daripada tujuh buah bank tersebut, empat buah bank mempunyai pendedahan bersih melebihi paras 10%. Pendedahan yang tinggi di kalangan institusi perbankan tersebut secara amnya adalah disebabkan oleh peningkatan di dalam pembelian kontrak hadapan di samping pembiayaan luar kunci kira-kira bagi aktiviti-aktiviti domestik melalui pasaran swap.

Kekukuhan Modal

Kedudukan modal sistem perbankan menjadi bertambah kukuh di sepanjang tahun kepada 12.8% pada akhir tahun 2001 hasil daripada keuntungan yang diperolehi dan peningkatan dana modal. Suntikan modal tersebut adalah untuk menyokong perluasan operasi perbankan mereka berikutan tamatnya proses penggabungan institusi-institusi perbankan di samping usaha untuk mematuhi tarikh akhir 31 Disember 2001 mengenai keperluan dana modal minimum yang lebih tinggi. Keuntungan (tidak termasuk keuntungan yang belum diaudit) telah meningkatkan modal asas institusi perbankan sebanyak RM2.8 bilion sementara suntikan baru dana modal telah menyumbangkan sejumlah RM3.7 bilion. Mengikut jumlah bersih, modal asas sistem perbankan meningkat sebanyak RM1.6 bilion. Ini adalah disebabkan terutamanya kerana modal asas 16 institusi kewangan berjumlah RM4.1 bilion yang telah bergabung atau diserap hasil daripada proses penggabungan institusi-institusi perbankan pada suku pertama tahun 2001 yang tidak diambil kira.

Selaras dengan keuntungan yang diperolehi dan peningkatan dalam dana modal, jumlah modal kumpulan-1 sistem perbankan meningkat sebanyak RM2.6 bilion atau 5.2% kepada RM53.4 bilion pada akhir tahun 2001. Walau bagaimanapun, jumlah modal kumpulan-2 mencatatkan penurunan marginal sebanyak RM0.2 billion. Mencerminkan kedudukan sistem perbankan yang bertambah kukuh pada tahun 2001, nisbah aset berwajaran risiko telah meningkat kepada 12.8% pada akhir tahun 2001 daripada 12.5% pada akhir tahun 2000 sementara nisbah modal utama meningkat sebanyak 10 mata asas kepada 10.8%. Kedua-dua nisbah berwajaran risiko dan nisbah modal utama jauh melebihi piawaian minimum antarabangsa iaitu 8% dan 4%. Secara keseluruhan, nisbah modal berwajaran risiko sistem perbankan sentiasa melebihi 12% di sepanjang tahun 2001 kecuali pada bulan Januari apabila ia mencecah 11.8%. Sementara itu, nisbah modal utama berada pada tahap melebihi 10% di sepanjang tahun 2001.

Sungguhpun modal asas bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan menunjukkan peningkatan berbanding dengan kedudukan pada akhir tahun 2000, hanya bank perdagangan sahaja yang menunjukkan peningkatan di dalam nisbah aset berwajaran risiko dari 12.2% pada akhir tahun 2000 kepada 12.6% pada akhir tahun 2001. Peningkatan modal asas syarikat kewangan menjadi sederhana disebabkan peningkatan pelaburan di dalam anak-anak syarikat berikutan pengambilalihan sebuah syarikat kewangan. Faktor ini disokong oleh permintaan yang tinggi bagi pembiayaan sewa beli pada tahun 2001, yang menyebabkan nisbah asset berwajaran risiko syarikat kewangan menurun sebanyak 10 mata asas kepada 11.4% pada akhir tahun 2001. Jumlah modal asas bagi bank saudagar menurun setelah menolak pelaburan di dalam anak-anak syarikat yang meningkat sebanyak 658% pada 2001, berikutan pengambilalihan/penubuhan dua anak syarikat baru oleh sebuah bank saudagar. Walau bagaimanapun, nisbah aset berwajaran risiko bagi bank saudagar telah meningkat kepada 19.1% dari 17.1% pada akhir tahun 2000 kerana jumlah aset berwajaran risiko telah berkurangan akibat penurunan jumlah pinjaman. Ini adalah selaras dengan trend untuk mengalihkan tumpuan aktiviti daripada pemberian pinjaman kepada penyediaan khidmat nasihat.

Jumlah aset berwajaran risiko bagi sistem perbankan meningkat secara marginal sebanyak 0.2% atau

Jadual 4.16
Sistem Perbankan[1]: Komponen Modal

	Pada akhir		Perubahan tahunan	
	2000	2001		
	RM juta		RM juta	%
Modal kumpulan-1	50,786.9	53,419.5	2,632.6	5.2
Modal kumpulan-2	14,753.6	14,960.2	206.6	1.4
Jumlah modal	65,540.5	68,379.7	2,839.2	4.3
Selepas menolak:				
Pelaburan di dalam anak-anak syarikat dan pegangan modal institusi perbankan lain	7,662.6	8,923.6	1,261.0	16.5
Modal asas	57,877.9	59,456.1	1,578.2	2.7
Aset berisiko:				
0%	121,482.3	124,822.2	3,339.9	2.7
10%	17,864.5	15,985.5	-1,879.0	-10.5
20%	104,355.8	97,728.5	-6,627.3	-6.4
50%	80,985.4	92,666.9	11,681.5	14.4
100%	401,143.3	397,872.7	-3,270.6	-0.8
Jumlah aset berwajaran risiko	464,293.6	465,350.4	1,056.8	0.2
Nisbah modal berwajaran risiko (%)				
Sistem perbankan[1]	**12.4**	**12.8**	**0.4**	**3.2**
Bank perdagangan	12.2	12.6	0.4	3.3
Syarikat kewangan	11.5	11.4	-0.1	-0.9
Bank saudagar	17.1	19.0	1.9	11.1

[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam.

RM1.1 bilion kepada RM465.4 bilion pada akhir tahun 2001 selaras dengan pertumbuhan jumlah pinjaman yang sederhana. Daripada pelbagai kategori aset berwajaran risiko, aset berwajaran risiko 0% dan 50% meningkat disebabkan pelaburan di dalam aset berisiko rendah dan pinjaman rumah bercagar caj pertama. Aset berwajaran risiko 10% telah menurun disebabkan pengurangan pemegangan kertas Cagamas sementara aset berwajaran risiko 20% menguncup disebabkan pengurangan pelaburan kertas korporat yang dijamin oleh institusi-institusi perbankan domestik setelah kertas korporat ini matang. Aset berwajaran risiko 100% pula menurun disebabkan penghapusan kira amaun yang boleh dikutip semula daripada Danaharta.

Dengan modal asas sistem perbankan yang kukuh berikutan keperluan dana modal minimum yang lebih tinggi, penyempurnaan proses penggabungan institusi-institusi perbankan serta keuntungan yang dicatatkan pada tahun 2001, sistem perbankan berada pada kedudukan yang baik untuk memenuhi permintaan pinjaman. Ini adalah satu petanda baik bagi pertumbuhan ekonomi pada tahun 2002.

PERBANKAN ISLAM

Ketika mana negara mengalami pertumbuhan ekonomi yang agak perlahan pada tahun 2001, sektor perbankan Islam berjaya mengekalkan tahap perkembangan yang memberangsangkan. Bahagian pasaran perbankan Islam berbanding sistem perbankan keseluruhannya terutamanya dari segi aset dan deposit berjaya melepasi sasaran yang telah ditetapkan oleh BNM dengan masing-masing meningkat daripada 6.9% dan 7.4% pada tahun 2000 kepada 8.2% dan 9.5% pada tahun 2001. Jumlah pembiayaan meningkat daripada 5.3% pada tahun 2000 kepada 6.5% pada tahun 2001. Pertumbuhan positif sektor perbankan Islam adalah hasil pelbagai langkah bersepadu dan terancang oleh BNM serta usaha berterusan oleh peserta industri perbankan Islam untuk memperkenalkan instrumen-instrumen baru. Ia turut disokong oleh pelaksanaan langkah dan saranan untuk memajukan sektor perbankan Islam dalam bidang-bidang yang telah digariskan di dalam Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK).

PISK telah menetapkan sasaran pasaran dari segi aset sebanyak 20% daripada sistem perbankan yang harus dikuasai oleh sektor perbankan Islam menjelang 2010. Pembangunan satu rangka kerja yang lengkap dan mantap serta dapat memelihara integriti sektor perbankan Islam merupakan satu komponen yang penting dalam usaha-usaha yang giat dijalankan untuk mewujudkan satu piawai yang berhemat untuk industri perbankan Islam. Bagi memperkukuhkan lagi rangka kerja perbankan Islam dengan tujuan untuk meningkatkan efisiensi operasi institusi perbankan Islam, BNM telah memperkenalkan langkah-langkah berikut dalam tahun 2001:

- **Kepatuhan kepada rangka kerja nisbah modal berwajaran risiko bagi portfolio perbankan Islam institusi perbankan konvensional yang terlibat dalam Skim Perbankan Islam (institusi perbankan SPI)**
  Berkuatkuasa 2 Januari 2002, untuk memacu pertumbuhan perbankan Islam, BNM telah meletakkan beberapa siri sasaran bertahap yang perlu dicapai oleh institusi perbankan SPI. Institusi perbankan SPI dikehendaki mematuhi nisbah modal asas sebanyak 4% dan nisbah modal berwajaran risiko sebanyak 8% daripada

Jadual 4.17
Perbankan Islam: Data Utama

	Pada akhir tahun		Perubahan (%)
	2000	2001	2001
Bilangan institusi	**49**	**38**	**–22.4**
Bank perdagangan	21	14	–33.3
Syarikat kewangan	14	10	–28.6
Bank saudagar	5	5	0.0
Bank Islam	2	2	0.0
Syarikat diskaun	7	7	0.0
Jumlah aset (RM juta)	**47,068**	**58,929**	**25.2**
Bank perdagangan	20,094	26,750	33.1
Syarikat kewangan	7,150	9,749	36.3
Bank saudagar	1,507	1,353	–10.2
Bank Islam	14,029	17,328	23.5
Syarikat diskaun	4,288	3,749	–12.6
Jumlah deposit (RM juta)	**35,923**	**47,106**	**31.1**
Bank perdagangan	16,091	22,031	36.9
Syarikat kewangan	5,393	7,664	42.1
Bank saudagar	867	673	–22.4
Bank Islam	11,304	14,375	27.2
Syarikat diskaun	2,268	2,363	4.2
Jumlah pembiayaan (RM juta)	**20,891**	**28,201**	**35.0**
Bank perdagangan	8,606	12,256	42.4
Syarikat kewangan	5,090	7,613	49.6
Bank saudagar	769	771	0.3
Bank Islam	6,426	7,561	17.7
Syarikat diskaun	–	–	0.0
Nisbah pembiayaan-deposit (%)	**58.2**	**59.9**	**1.7**
Bank perdagangan	53.5	55.6	2.1
Syarikat kewangan	94.4	99.3	5.0
Bank saudagar	88.7	114.6	25.9
Bank Islam	56.8	52.6	–4.2
Syarikat diskaun	–	–	0.0
Bilangan cawangan	**131**	**132**	**0.8**
Bank perdagangan	7	8	14.3
Syarikat kewangan	2	2	0.0
Bank Islam	122	122	0.0
Bilangan kaunter	**2,087**	**2,065**	**–1.1**
Bank perdagangan	1,338	1,335	–0.2
Syarikat kewangan	745	730	–2.0
Bank saudagar	4	0	-100.0

portfolio perbankan Islam mereka. Langkah kepatuhan ini dijangka akan dapat merangsang penggunaan dana modal perbankan Islam dengan lebih efisien di samping memperbaiki kedudukan pasaran yang lebih saksama di kalangan institusi perbankan SPI. Rangka kerja ini merupakan langkah awal dalam usaha seterusnya untuk menggubal satu rangka pengawalseliaan yang mempunyai kepekaan yang tinggi dan dapat disesuaikan untuk menerapkan ciri-ciri risiko perbankan Islam yang unik. Bagi memastikan penzahiran yang lengkap dan telus, institusi perbankan SPI dikehendaki untuk menyediakan penyata penzahiran yang berasingan bagi nisbah kecukupan modal portfolio perbankan Islam di dalam laporan kewangan mereka.

- **Rangka kerja kadar pulangan seragam bagi institusi perbankan Islam**
  BNM telah memperkenalkan satu rangka kerja seragam bagi pengiraan kadar pulangan institusi perbankan Islam dengan tujuan untuk mewujudkan platform yang lebih saksama dan sumber rujukan di kalangan peserta perbankan Islam dalam pengiraan kadar pulangan mereka. Selain itu, rangka kerja ini akan memudahkan BNM untuk menilai tahap keefisienan, keuntungan, kehematan pengurusan dan kemunasabahan kadar pulangan institusi perbankan Islam dengan lebih berkesan. Penyeragaman pengiraan kadar pulangan ini diharapkan akan dapat menangani ketidakseimbangan maklumat di antara pihak bank dan pihak pendeposit menerusi darjah ketelusan yang lebih tinggi di samping memastikan pendeposit menerima pulangan yang setimpal dengan pelaburan mereka di samping kepatuhan sepenuhnya kepada prinsip Shariah.

Dalam usaha memberikan fokus yang lebih strategik kepada pengendalian operasi perbankan dan menggalakkan ekonomi mengikut bidangan, BNM telah menyarankan institusi perbankan SPI agar merasionalisasikan operasi perbankan Islam mereka mengikut kumpulan perbankan masing-masing. Dengan menyatukan sumber-sumber mengikut kumpulan perbankan, ia akan dapat menawarkan kemudahan perbankan Islam yang lebih meluas, menghasilkan sinergi di dalam kumpulan dan keberkesanan kos dan efisiensi. Ia juga bermatlamatkan agar institusi perbankan SPI akan mempunyai landasan yang lebih kukuh untuk memperkembangkan operasi perbankan Islam mereka. Satu kumpulan perbankan tempatan telah menubuhkan pusat kewangan Islam sehenti tempatan yang pertama menawarkan kemudahan perbankan yang lengkap dan meluas untuk memenuhi citarasa dan keperluan pelanggan.

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk mewarwarkan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam serantau, Persidangan Antarabangsa Kuala Lumpur untuk perbankan Islam telah diadakan pada 19-21 Februari 2001. Persidangan tersebut menghimpunkan pengawalselia, pengamal dan ahli akademik untuk membincangkan isu-isu dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh perbankan dan kewangan Islam. Bersempena persidangan tersebut, Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (IPKIM) iaitu sebuah institut penyelidikan

dan latihan milik industri perbankan dan kewangan Islam telah dilancarkan. IPKIM akan menjadi pusat sehenti dalam menyediakan pendidikan, latihan dan penyelidikan bagi perkhidmatan kewangan Islam merangkumi perbankan Islam, takaful dan pasaran modal, baik di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Dalam usaha untuk memperluaskan penyebaran maklumat perbankan dan kewangan Islam dengan lebih berkesan, Minggu Perbankan Islam dan Takaful (MPIT) telah diadakan pada 26 Oktober hingga 2 November 2001. Objektif utama MPIT adalah untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan umum mengenai perbankan Islam dan takaful di samping membina satu kempen keberkesanan tinggi terhadap perbankan Islam dan takaful di kalangan institusi kewangan Islam. Selain institusi perbankan Islam (yang terdiri daripada bank Islam dan bank SPI) dan syarikat-syarikat takaful, kempen tersebut turut disertai oleh institusi pembangunan kewangan yang menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan Islam.

Sempena MPIT, logo perbankan Islam telah dilancarkan. Objektif utama logo tersebut adalah untuk meningkatkan visibiliti perbankan Islam, terutamanya di institusi perbankan konvensional yang menawarkan kedua-dua produk dan perkhidmatan perbankan secara konvensional dan secara Islam. Institusi perbankan Islam dikehendaki untuk mempamerkan logo tersebut di premis perniagaan mereka bagi menandakan bahawa produk dan perkhidmatan perbankan Islam ditawarkan oleh institusi berkenaan. Logo tersebut juga akan digunakan oleh institusi perbankan Islam dalam dokumen dan brosur yang berkaitan dengan urus niaga perbankan Islam. Bersempena dengan MPIT juga, Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (IPIM) telah memperkenalkan dua anugerah iaitu "Anugerah Jurubank Islam" untuk sumbangan individu dan "Anugerah Pencapaian Institusi Terbaik" bagi sumbangan institusi. Anugerah ini bertujuan untuk mengiktiraf sumbangan yang telah dicurahkan oleh individu dan institusi dalam pembangunan industri perbankan Islam di Malaysia.

Sejajar dengan saranan PISK untuk meningkatkan penembusan pasaran dan memperdalamkan pasaran kewangan Islam, BNM telah menubuhkan dua buah jawatankuasa perunding iaitu Jawatankuasa Perunding Perkhidmatan (JPP) dan Jawatankuasa Perunding Pembangunan Produk dan Pasaran (JPPP) yang terdiri daripada BNM dan wakil institusi perbankan Islam dan syarikat takaful. JPP ditubuhkan dengan objektif untuk merangka piawai amalan terbaik yang minimum untuk perkhidmatan pelanggan perbankan Islam, membina imej yang lebih kukuh dan menggalakkan kesedaran dan pengetahuan umum terhadap perbankan dan kewangan Islam. JPPP ditubuhkan untuk merangsang inovasi dan pembangunan produk perbankan Islam.

Logo perbankan Islam memberi satu jenama kepada produk dan perkhidmatan kewangan Islam dan mencerminkan komitmen institusi-institusi perbankan Islam dalam membangunkan perbankan dan kewangan Islam sebagaimana digambarkan oleh PISK.

Dalam satu langkah berterusan untuk meningkatkan pilihan simpanan bagi warga tua dan pertubuhan kebajikan, Bon Simpanan Malaysia (BSM) siri 03 telah diterbitkan dengan separuh daripadanya diterbitkan berlandaskan konsep Bai' Al-Inah (jual dan beli balik) di mana pihak bank mengenalpasti dan menjual aset tersebut kepada pelanggan. Pelanggan kemudiannya menjual semula aset tersebut kepada pihak bank pada harga yang lebih tinggi dan sebagai balasan, pihak bank menerbitkan bon kepada pelanggan. Bon secara Islam ini mempunyai tempoh kematangan dua tahun dan kadar pulangan lima peratus setahun. Pada tahun 2001, BNM telah mengeluarkan garis panduan operasi bagi mengawalselia tiga buah tabung Kerajaan yang turut mengandungi komponen pembiayaan secara Islam. Tabung-tabung tersebut ialah Tabung Usahawan Baru 2 (TUB2), Tabung Pemulihan dan Pembangunan Usahawan (TPPU) dan Tabung Untuk Makanan (TUM).

Pada tahun 2001, Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (LPPM) telah mengeluarkan Piawai MASB *i*-1 (Penyampaian Penyata Kewangan oleh Institusi Kewangan Islam). Objektif piawai tersebut adalah untuk menggariskan asas bagi penyampaian dan

penzahiran penyata kewangan oleh institusi kewangan yang menjalankan aktiviti perbankan Islam.

Sumber dan Kegunaan Dana

Pada tahun 2001, jumlah aset sektor perbankan Islam meningkat sebanyak RM11.9 bilion atau 25.2% kepada RM58.9 bilion pada akhir tahun 2001. Sebahagian besar daripada pertumbuhan aset (RM7.3 bilion atau 61.3%) disumbangkan oleh pembiayaan yang diberikan pada tahun 2001. Sebagaimana pada tahun-tahun lepas, jumlah terbesar aset perbankan Islam masih dikuasai oleh bank perdagangan SPI dengan bahagian pasaran sebanyak 45.4%, diikuti oleh bank Islam (29.4%) dan syarikat kewangan SPI (16.5%). Kedua-dua bank perdagangan SPI dan syarikat kewangan SPI, masing-masing mencatatkan pertumbuhan aset yang sederhana sebanyak 33.1% dan 36.3%. Pertumbuhan aset disebabkan oleh peningkatan di dalam keseluruhan pembiayaan bank perdagangan SPI (42.4%) dan syarikat kewangan SPI (49.6%), yang mencakupi 70.5% daripada jumlah keseluruhan pembiayaan.

Sebahagian besar dana sektor perbankan Islam terus diperolehi daripada deposit, yang mencakupi 79.9% daripada jumlah keseluruhan sumber dana. Jumlah deposit mencatatkan pertumbuhan sederhana sebanyak 31.1% atau RM11.2 bilion kepada RM47.1 bilion pada akhir tahun 2001, menguasai bahagian pasaran sebanyak 9.5% (7.4% pada tahun 2000) daripada jumlah keseluruhan industri perbankan. Walaupun jumlah deposit syarikat kewangan SPI telah mencatatkan pertumbuhan tertinggi (42.1%), sebahagian besar deposit perbankan Islam (46.8%) masih kekal dikuasai oleh bank perdagangan SPI. Pertumbuhan jumlah deposit mencerminkan tahap keyakinan dan penerimaan umum terhadap perbankan Islam serta kadar pulangan deposit yang kompetitif.

Dari segi jenis pelanggan, sebahagian utama deposit diperolehi dari syarikat perniagaan, yang mencakupi 30.5% daripada jumlah deposit, diikuti oleh kerajaan (23.7%) dan institusi kewangan tempatan bukan bank (20.2%). Deposit pelaburan terus kekal menguasai sebahagian besar deposit perbankan Islam (71.1%), dengan mencatatkan pertumbuhan yang kukuh sebanyak 37% kepada RM33.5 bilion pada akhir tahun 2001. Deposit simpanan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 24.7%, manakala deposit permintaan mencatatkan penurunan sebanyak 1.6% bagi tempoh tersebut.

Dari segi profil kematangan deposit pelaburan pula, 61.1% daripada jumlah deposit kekal tertumpu kepada tempoh matang jangka-pendek, terutamanya antara satu hingga tiga bulan (65.3% pada tahun 2000). Tempoh matang antara satu hingga tiga bulan mencakupi 59.4% daripada deposit pelaburan am dan 72% daripada deposit pelaburan khas (masing-masing mencatatkan 63.6% dan 80.8% pada tahun 2000). Arah aliran yang sama turut ditunjukkan oleh deposit tetap dalam sistem perbankan konvensional di mana 49.3% daripada peletakan deposit telah tertumpu kepada tempoh matang jangka-pendek (53.4% pada tahun 2000). Kadar pulangan purata bagi deposit pelaburan adalah di antara 2.6% hingga 3.6% bagi tempoh pelaburan matang kurang daripada tiga bulan dan di antara 3.3% hingga 4.5% bagi tempoh matang pelaburan satu tahun ke atas. Kadar kenaikan pulangan yang tidak setimpal berbanding risiko jangka-panjang serta ketidakpastian tentang kadar pulangan pada masa

Jadual 4.18
Perbankan Islam: Sumber dan Kegunaan Dana

	Pada akhir tahun			
	2000		2001	
	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian
Sumber:				
Modal dan rizab	2,526	5.4	3,434	5.9
Debentur dan nota				
Deposit	*35,923*	*76.3*	*47,106*	*79.9*
di antaranya:	–	…	–	…
IBNI yang dikeluarkan	*500*	*1.1*	*1,222*	*2.1*
Repo	*431*	*0.9*	*1,655*	*2.8*
Jumlah belum dibayar kepada institusi kewangan	4,796	10.2	4,173	7.1
Tempatan	*4,796*	*10.2*	*4,173*	*7.1*
Asing	–	…	–	…
Penerimaan jurubank	597	1.3	728	1.2
Lain-lain	3,227	6.9	3,488	5.9
Jumlah	**47,069**	**100.0**	**58,929**	**100.0**
Kegunaan:				
Wang tunai	348	0.7	201	0.3
Rizab dengan BNM	724	1.5	878	1.5
Jumlah belum diterima daripada institusi kewangan	8,743	18.6	11,502	19.5
Tempatan	*8,743*	*18.6*	*11,062*	*18.8*
Asing	–	…	*440*	*0.7*
Pelaburan	3,135	6.7	10,148	17.2
di antaranya:				
Stok dan saham	*82*	*0.2*	*45*	*0.1*
Debentur	*2,808*	*6.0*	*9,909*	*16.8*
Aset tetap	*245*	*0.5*	*194*	*0.3*
Pelaburan asing	–	…	–	*0.0*
Simpanan dengan rumah diskaun	–	…	–	…
Sekuriti boleh niaga	12,877	27.4	5,309	9.0
di antaranya:				
Bil perbendaharaan	–	–	–	–
TPK	*357*	*0.8*	*908*	*1.5*
IBNI yang dipegang	*212*	*0.5*	*184*	*0.3*
Bon Cagamas	*134*	*0.3*	*84*	*0.1*
Pembiayaan	20,891	44.4	28,201	47.9
Lain-lain	351	0.7	2,690	4.6
Jumlah	**47,069**	**100.0**	**58,929**	**100.0**

Jadual 4.19
Perbankan Islam: Deposit mengikut Jenis dan Institusi

	Perubahan tahunan				Pada akhir tahun
	2000		2001		2001
	RM juta	%	RM juta	%	RM juta
Deposit permintaan	**1,190**	**22.1**	**–107**	**–1.6**	**6,457**
Bank perdagangan	580	18.1	55	1.5	3,841
Bank Islam	610	28.1	–162	–5.8	2,616
Deposit tabungan	**817**	**32.5**	**822**	**24.7**	**4,149**
Bank perdagangan	567	56.0	553	35.0	2,133
Syarikat kewangan	145	50.7	131	30.4	562
Bank Islam	105	8.7	138	10.5	1,454
Deposit pelaburan	**9,405**	**62.5**	**9,041**	**37.0**	**33,505**
Bank perdagangan	3,917	66.6	3,808	38.8	13,610
Syarikat kewangan	2,214	87.3	2,237	47.1	6,986
Bank saudagar	129	32.2	–160	–30.2	370
Bank Islam	877	14.1	3,066	43.1	10,181
Syarikat diskaun	1,159	104.5	90	4.0	2,358
Lain-lain deposit	**814**	**108.1**	**1,428**	**91.1**	**2,995**
Bank perdagangan	451	95.6	1,524	165.1	2,447
Syarikat kewangan	–	–	–96	–45.3	116
Bank saudagar	337	–	–34	–10.1	303
Bank Islam	26	37.7	29	30.5	124
Syarikat diskaun	–	–	5	–	5

hadapan telah menyebabkan deposit terus tertumpu kepada deposit jangka-pendek.

Pada akhir tahun 2001, dana pemegang saham bank Islam dan dana modal perbankan Islam institusi perbankan SPI menunjukkan peningkatan ketara sebanyak RM908 juta kepada RM3.4 bilion. Kenaikan ini disumbangkan oleh jumlah keuntungan tidak diagihkan yang lebih tinggi sepanjang tahun. Jumlah keuntungan sektor perbankan Islam mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM905.9 juta pada tahun 2001 berbanding RM533.3 juta pada tahun 2000.

Jumlah pembiayaan sektor perbankan Islam meningkat sebanyak RM7.3 bilion atau 35% (RM7.2 bilion atau 52.2% pada tahun 2000). Nisbah pembiayaan-deposit meningkat sebanyak 59.9% pada akhir 2001 daripada 58.2% pada akhir tahun 2000. Seperti tahun-tahun yang lalu, pembiayaan sektor harta benda yang meluas dan kredit penggunaan masih menguasai jumlah pembiayaan masing-masing sebanyak 38.2% dan 24.2%. Permintaan yang tinggi terhadap sektor harta tanah ini adalah disebabkan oleh peningkatan pembiayaan rumah kediaman (72.2%), hasil daripada Kempen Pemilikan Harta Tanah yang dilancarkan oleh Kerajaan sepanjang tahun. Di samping itu, pembiayaan pembelian kenderaan penumpang juga meningkat sebanyak 65.9% daripada RM3.7 bilion pada tahun

Jadual 4.20
Perbankan Islam: Arah Aliran Pembiayaan

	Pada akhir tahun			
	2000		2001	
	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	1,577.7	7.6	1,639.6	5.8
Perlombongan dan kuari	78.5	0.4	64.0	0.2
Perkilangan	2,044.3	9.8	3,073.4	10.9
Elektrik, gas dan air	855.6	4.1	543.6	1.9
Masyarakat, perkhidmatan sosial dan persendirian	292.7	1.4	353.1	1.3
Sektor harta benda yang luas	7,506.3	35.9	10,782.5	38.2
Harta tanah	*363.1*	*1.7*	*565.8*	*2.0*
Pembinaan	*1,572.0*	*7.5*	*1,698.3*	*6.0*
Pembelian harta kediaman	*3,974.4*	*19.0*	*6,845.9*	*24.3*
Pembelian harta bukan kediaman	*1,596.8*	*7.6*	*1,672.4*	*5.9*
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	854.7	4.1	1,135.2	4.0
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	787.9	3.8	763.0	2.7
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	595.7	2.9	1,229.5	4.4
Pembelian sekuriti	705.0	3.4	872.6	3.1
Kredit penggunaan	4,043.1	19.4	6,812.7	24.2
Kad kredit	*1.4*	*…*	*3.0*	*…*
Kegunaan persendirian	*340.2*	*1.6*	*686.9*	*2.4*
Pembelian barangan pengguna	*43.1*	*0.2*	*55.2*	*0.2*
Pembelian kenderaan pengangkutan	*3,658.4*	*17.5*	*6,067.7*	*21.5*
Lain-lain	1,549.7	7.4	932.1	3.3
Jumlah	**20,891.2**	**100.0**	**28,201.3**	**100.0**

2000 kepada RM6.1 bilion pada 2001, ekoran daripada pengurangan nisbah pengambilan untung secara purata sebanyak 4.5% setahun pada 2001 (6% secara purata setahun pada 2000) yang dikenakan ke atas pembiayaan.

Graf 4.18
Pembiayaan Islam Mengikut Konsep pada akhir tahun 2001



Sejajar dengan penguasaan pembiayaan Islam yang berterusan di dalam sektor harta benda yang meluas, pembiayaan berdasarkan Bai Bithaman Ajil (BBA) merupakan penyumbang terbesar pembiayaan (48.3%), mencatatkan jumlah sebanyak RM13.6 bilion pada akhir tahun 2001. Ini diikuti dengan pembiayaan berdasarkan Al-Ijarah Thumma Al-Bai (AITAB) yang mencatatkan peningkatan yang ketara sebanyak 68.3% hasil daripada permintaan yang tinggi terhadap pembiayaan sewa beli Islam sepanjang tahun.

Keuntungan

Seperti tahun lepas, sektor perbankan Islam terus mencatatkan peningkatan yang ketara di dalam perolehan keuntungan. Keuntungan sebelum cukai meningkat sebanyak 69.9% kepada RM905.9 juta bagi tahun kalendar 2001 (RM533.3 juta pada tahun 2000). Dengan peningkatan di dalam keuntungan, sektor perbankan Islam dapat menjana kadar pulangan aset yang positif sebanyak 1.5% (1.1% pada tahun 2000) dan pulangan ekuiti sebanyak 26.4% (21.2% pada tahun 2000).

Keuntungan tinggi yang dicatat pada tahun 2001 adalah hasil daripada peningkatan di dalam jumlah pendapatan pembiayaan (termasuk pendapatan daripada sekuriti) sebanyak RM2.9 bilion, di mana pendapatan pembiayaan menyumbang sebanyak 67% daripada pendapatan pembiayaan tersebut. Pendapatan pelaburan juga meningkat sebanyak 206.8% atau RM89.1 juta dalam tahun 2001 (RM29 juta pada tahun 2000) ekoran daripada perolehan jualan sekuriti pelaburan, manakala pendapatan dagangan meningkat sebanyak 60.4% kepada RM108.1 juta dalam tahun 2001 (RM67.4 juta dalam tahun 2000).

Kualiti Aset

Kualiti aset pembiayaan Islam merosot secara sederhana sepanjang tahun 2001, dengan nisbah pembiayaan tidak berbayar (NPF) bersih meningkat kepada 7.2% daripada 7% pada tahun 2000. Peruntukan kerugian pembiayaan (pendapatan tergantung, peruntukan khas dan peruntukan am) meningkat sedikit kepada RM1.4 bilion daripada RM1 bilion dalam tahun 2000. Peningkatan peruntukan kerugian pembiayaan disebabkan oleh peningkatan peruntukan am sebanyak 49.4% dan peruntukan khas sebanyak 49%.

Sebahagian besar NPF tertumpu kepada sektor harta benda yang meluas, di mana NPF meningkat sebanyak 57.4% atau RM609.8 juta dalam tahun 2001 yang mencakupi 56.7% daripada jumlah NPF (50.2% dalam tahun 2000). Kadar NPF yang tinggi dalam sektor harta tanah yang meluas adalah berpunca daripada peningkatan ketara NPF di dalam sektor rumah kediaman dan bukan kediaman masing-masing sebanyak RM371.1 juta dan RM128.3 juta.

Jadual 4.21
Perbankan Islam: Pembiayaan Tak Berbayar dan Peruntukan Kerugian Pembiayaan

	Pada akhir tahun	
	2000	2001
	RM juta	
Perbankan Islam		
Peruntukan am	314	469
Pendapatan tergantung	163	182
Peruntukan khas	535	797
Pembiayaan tak berbayar (NPF)	**2,119**	**2,949**
Nisbah NPF bersih (%)	7.04	7.24
Jumlah peruntukan/NPF (%)	47.76	49.10

Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam (PWABI)

Jumlah tertunggak mudah tunai yang diserap daripada PWABI melalui operasi BNM meningkat sebanyak 51.3% kepada RM5.9 bilion, berikutan daripada penumpuan operasi mudah tunai BNM dalam pelaburan bagi tempoh matang yang sederhana melalui Tender Pasaran Wang Mudharabah. Ini terbukti dengan peningkatan jumlah urus niaga sebanyak 46.3% dalam Pelaburan Mudharabah Antara Bank yang mempunyai tempoh matang sebulan. Walau bagaimanapun, jumlah dana Mudharabah semalaman dan seminggu telah mengalami penurunan masing-masing sebanyak 17.8% dan 26.4%, dan seterusnya mengurangkan jumlah keseluruhan urus niaga pelaburan Mudharabah antara bank sebanyak 14.9% daripada RM283.6 bilion dalam tahun 2000. Penurunan ini juga disebabkan oleh pemindahan dana Mudharabah kepada aktiviti-aktiviti pelaburan berasaskan instrumen-instrumen Islam yang lain.

Jumlah urus niaga instrumen Islam meningkat sebanyak 42.5% kepada RM12.2 bilion dalam tahun 2001 (RM8.6 bilion dalam tahun 2000). Satu perkembangan penting di dalam urus niaga jangka-pendek instrumen Islam adalah peningkatan pertumbuhan dalam jumlah dagangan Nota Boleh Niaga Bank Negara (BNNN), iaitu sebanyak RM1.2 bilion (RM70 juta pada tahun 2000). Peningkatan di dalam jumlah urus niaga BNNN dikaitkan dengan terbitan BNNN yang tinggi sebanyak RM1 bilion (RM250 juta pada tahun 2000) dan permintaan yang tinggi bagi instrumen Islam jangka-pendek. Jumlah urus niaga jurubank hijau juga mencatatkan pertumbuhan yang tinggi sebanyak 43.4% (RM19.5 bilion). Sebaliknya, jumlah urus niaga bil penerimaan

Jadual 4.22
Pasaran Wang Antara Bank secara Islam (PWABI)*

	2000		2001	
	Jumlah (RM bilion)	Perubahan tahunan (%)	Jumlah (RM bilion)	Perubahan tahunan (%)
Pelaburan Mudharabah Antara Bank	283.6	-32.8	241.2	-14.9
Penerimaan Jurubank Hijau	13.6	7.9	19.5	43.4
Bil Penerimaan Secara Islam	4.7	291.7	3.9	-17.0

*Jumlah urus niaga melalui broker pasaran wang.

secara Islam menurun kepada RM3.9 bilion berbanding RM4.7 bilion pada tahun 2000.

Urus niaga instrumen Islam jangka-panjang terus menunjukkan peningkatan dalam tahun 2001. Jumlah urus niaga pada 2001 adalah sebanyak RM11 bilion berbanding RM8.5 bilion pada tahun 2000. Ini disebabkan oleh peningkatan di dalam jumlah urus niaga bon Khazanah berjumlah RM5.9 bilion (RM5.4 bilion pada tahun 2000). Jumlah dagangan Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK) sebanyak RM2.4 bilion turut menyumbang kepada peningkatan jumlah urus niaga instrumen Islam jangka-panjang. Sebelum bulan Jun 2001, TPK merupakan satu instrumen yang tidak boleh diniagakan memandangkan ianya diterbitkan di bawah prinsip Islam Qardhul Hasan (pinjaman ihsan), yang tidak membenarkan urus niaga sekundar. Sebagai salah satu usaha BNM untuk membangun serta menggalakkan urus niaga sekundar bagi instrumen Islam, konsep terbitan TPK telah ditukar daripada Qardhul Hasan kepada konsep Bai' Al-Inah (jual dan beli semula) untuk membolehkan TPK menjadi satu instrumen boleh niaga di dalam PWABI. Pada akhir tahun 2001, jumlah tertunggak TPK adalah sebanyak RM4 bilion.

Jadual 4.23
Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam (PWABI) - Profil Kematangan *

	2000 Jumlah (RM bilion)	2001 Jumlah (RM bilion)	Perubahan tahunan (%)
Semalaman dan hujung minggu	**223.8**	**184**	**-17.8**
1 minggu	**66.3**	**48.8**	**-26.4**
1 bulan	**13.4**	**19.6**	**46.3**

* Jumlah urus niaga melalui broker dan tender pasaran wang Mudharabah.

Purata kadar pulangan kasar institusi perbankan Islam pada tahun 2001 adalah di antara 2.9% hingga 8.7%, dengan purata sebanyak 5.3%. Sementara itu, kadar purata Mudharabah antara bank di dalam PWABI adalah di antara 2.8% hingga 3.1% untuk tempoh di antara semalaman hingga enam bulan. Tiada terdapat aktiviti bagi tempoh enam bulan ke atas disebabkan oleh ketidakyakinan peserta pasaran terhadap pulangan pelaburan dan kekurangan instrumen perlindungan nilai yang sedia ada untuk peserta pasaran melindungi pendedahan jangka-panjang mereka.

Majlis Penasihat Shariah Kebangsaan

Dalam tahun 2001, BNM telah melantik semula tujuh ahli Majlis Penasihat Shariah Kebangsaan untuk Perbankan Islam dan Takaful (Majlis) bagi tempoh 2001 hingga 2003. Majlis telah bermesyuarat sebanyak empat kali sepanjang tahun dan membincangkan lebih daripada 15 isu-isu Shariah. Di antara isu penting yang dibincangkan dan diputuskan oleh Majlis adalah:

(i) Pembiayaan yang diterima melalui Tabung Usahawan Baru (TUB) harus berdasarkan kepada konsep *Bai' Al-Inah* (perjanjian jual dan beli semula) dan bukannya *Bai' Ad-Dayn* (penjualan hutang). Ini untuk mengelakkan kemungkinan penjualan dan pembelian hutang tidak wujud yang mungkin terjadi di dalam mekanisma pembiayaan TUB sebelum ini, yang berdasarkan kepada *Bai' Ad-Dayn*;

(ii) Institusi perbankan Islam dibenarkan untuk menjual hutang yang terhasil daripada pembiayaan kenderaan yang berdasarkan kepada konsep *Ijarah Thumma Al-Bai'* kepada Cagamas Berhad, di mana, Cagamas akan menerbitkan *bon Mudharabah Cagamas* untuk membiayai urus niaga tersebut. Ini membolehkan pensekuritian pembiayaan secara Islam dan memberi peluang pelaburan yang lain kepada peserta pasaran; dan

(iii) Peserta pasaran wang secara Islam dibenarkan untuk menyertai urus niaga harian dalam mengurus keperluan mudah tunai jangka-pendek mereka. Mekanisma urus niaga harian ini adalah serupa dengan pelaburan *Mudharabah* antara bank yang dipraktikkan sekarang. Tempoh matang urus niaga harian yang pendek akan mengurangkan masalah mudah tunai dan memberi peluang kepada peserta pasaran untuk mengendalikan kedudukan mudah tunai mereka dengan lebih efisien.

Perkembangan Antarabangsa

Ketika mana PISK tertumpu kepada pembangunan industri perbankan Islam di peringkat domestik, BNM turut serta secara aktif di dalam pembangunan perbankan dan kewangan Islam global. Memandangkan pembangunan pesat dalam industri kewangan Islam global, satu keperluan telah dikenalpasti bagi sebuah badan piawaian untuk menyesuai, membangun dan menyeragamkan piawaian bagi produk dan perkhidmatan kewangan Islam yang akan memperkukuhkan pembangunan industri. Berdasarkan perkembangan ini, mesyuarat mengenai Pengurusan Risiko dan Piawaian Pengawalseliaan untuk Institusi Kewangan Islam di antara bank pusat negara-negara Islam, Bank Pembangunan Islam, Pertubuhan Perakaunan dan Perauditan Institusi Kewangan Islam dan IMF telah bersepakat untuk menubuhkan satu entiti piawaian antarabangsa, dikenali sebagai Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (LPKI). Di antara objektif LPKI adalah untuk meningkatkan pembangunan industri perkhidmatan kewangan Islam serta penyeliaan dan pengawalseliaan yang efektif bagi institusi yang menawarkan perkhidmatan kewangan Islam melalui penyesuaian piawaian baru atau sedia ada berdasarkan kepada risiko unik dalam produk dan amalan kewangan Islam. LPKI juga akan berhubung dan bekerjasama dengan badan piawaian lain serta menyediakan latihan dan pembangunan kakitangan di dalam bidang tertentu bagi memastikan penyeliaan industri yang berkesan. Di samping itu, ia akan mempertingkat dan menyelaraskan inisiatif dalam membangunkan instrumen dan tatacara untuk operasi yang efisien dan pengurusan risiko serta menjalankan penyelidikan mengenai industri kewangan Islam. LPKI dijangka akan ditubuhkan dalam tahun 2002 dan Malaysia telah dipilih untuk menjadi ibu pejabat kepada Sekretariat LPKI.

Tahun 2001 juga menyaksikan perkembangan penting dalam Pasaran Kewangan Islam Antarabangsa (PKIA). Bahrain, Indonesia, Bank Pembangunan Islam, Iran, Malaysia dan Sudan memeterai Perjanjian Artikel untuk penubuhan Lembaga PKIA pada 13 November 2001. Ini menandakan komitmen dan sokongan global terhadap inisiatif untuk mewujudkan dan menyusun struktur pasaran kewangan antarabangsa mengikut prinsip-prinsip Islam. Lembaga PKIA telah dipertanggungjawabkan untuk membangunkan dan menyelia pembangunan teratur PKIA. Lembaga disokong oleh dua jawatankuasa, iaitu Jawatankuasa Pasaran dan Pembangunan Produk (JPPP) dan Jawatankuasa Penyeliaan Shariah (JPS). JPPP akan menjalankan penyelidikan dan pembangunan mengenai produk kewangan yang diterima pakai di peringkat antarabangsa serta menepati prinsip-prinsip Shariah, manakala JPS akan meluluskan produk baru sebelum ianya didagangkan di pasaran. Untuk tujuan ini, cendekiawan Shariah dari beberapa rantau akan dilantik menjadi ahli JPS bagi memastikan keseragaman penjelasan isu Shariah. Di samping itu, Sekretariat PKIA akan ditempatkan di Bahrain. Pusat Kewangan Antarabangsa Luar Pesisir Labuan (Labuan IOFC) dan peserta Luar Pesisir Labuan dijangka mengambil peluang perkembangan ini dalam mempromosi Labuan IOFC sebagai salah satu pusat yang aktif bagi pasaran wang dan modal Islam, khususnya di rantau ini.

Pada 1 November 2001, Malaysia telah memeterai satu Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Bahrain untuk bersama-sama mempertingkatkan pembangunan perbankan dan kewangan Islam di arena antarabangsa. MoU tersebut menggariskan rangka kerjasama di antara Malaysia dan Bahrain bagi pembangunan PKIA, pembangunan piawaian berhemat bagi mengawal operasi institusi kewangan Islam, penyatuan piawaian perakaunan, pengauditan dan Shariah untuk penyeragaman antarabangsa serta latihan dan penyelidikan dalam bidang perbankan dan kewangan Islam.

INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN PEMBANGUNAN (IKP)

Latarbelakang

Institusi-institusi Kewangan Pembangunan (IKP) merupakan institusi-institusi yang ditubuhkan dan sebahagian besarnya dibiayai oleh Kerajaan bagi menggalakkan pembangunan sektor-sektor utama dan sub-sektor ekonomi yang dikenalpasti seperti sektor pertanian, pembangunan infrastruktur, perkapalan, industri berintensifkan modal dan berteknologi tinggi serta bagi mencapai matlamat-matlamat sosial tertentu, dengan menyediakan perkhidmatan kewangan dan sokongan sebagai melengkapi institusi-institusi perbankan. IKP ini secara amnya mengkhusus di dalam penyediaan pembiayaan jangka sederhana dan jangka panjang bagi projek-projek yang lazimnya mempunyai risiko kredit atau risiko pasaran yang lebih tinggi disebabkan jangkamasa pelaburan yang lebih lama. IKP telah memainkan peranan penting di dalam pembangunan sosio ekonomi negara. Adalah dijangkakan dalam dekad akan datang, IKP akan terus berkembang dan memainkan peranan yang

lebih penting dalam mencapai matlamat-matlamat dasar Kerajaan ke arah pembangunan sosial dan ekonomi yang strategik. Pelaksanaan visi ini disokong oleh saranan-saranan bagi IKP di dalam Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK) yang bertujuan untuk memperbaiki rangka kerja penyeliaan IKP dan untuk mempertingkatkan keberkesanan dan kecekapan IKP dalam menyediakan perkhidmatan kewangan terkhusus.

Rangka Kerja Pengawalseliaan IKP

IKP sebelum ini dikawalselia oleh beberapa Kementerian dan Agensi Kerajaan. Akta Institusi-institusi Kewangan Pembangunan 2002 (AIKP) yang berkuatkuasa mulai 15 Februari 2002 bertujuan untuk menyediakan rangka kerja pengawalan yang komprehensif bagi memastikan pengurusan kewangan IKP selamat dan kukuh. AIKP mengambilkira keunikan peranan, fungsi dan objektif setiap IKP, peruntukan-peruntukan berkaitan yang terkandung di dalam statut sedia ada, standard penyeliaan terkini yang terdapat di dalam Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 (ABIK) dan Akta Insurans 1996. Ia bertujuan bagi memastikan dasar-dasar dan objektif-objektif IKP adalah selaras dengan hasrat Kerajaan. Di bawah AIKP, BNM merupakan badan pengawalseliaan tunggal bagi IKP. Dalam menjalankan peranannya, tumpuan BNM adalah untuk menghasilkan IKP yang efektif dan efisien yang seterusnya akan mencapai matlamat-matlamat dasar Kerajaan dengan kos yang minimum. Ini akan menyumbang ke arah pelaksanaan visi dan objektif IKP sepertimana yang terkandung di dalam PISK.

Aspek-aspek penting AIKP termasuklah:-

(a) Pemakaian Akta secara selektif

Dengan mengambilkira ciri-ciri unik setiap IKP, AIKP dirangka bagi membenarkan pemakaian Akta secara fleksibel samada ke atas sesebuah IKP atau ke atas peranan, fungsi dan struktur operasi tertentu sesebuah IKP terpilih.

(b) Badan penyeliaan berpusat

Usaha-usaha untuk membangunkan IKP yang efektif dan efisien memerlukan penyeliaan yang efektif dan dinamik oleh sebuah badan berkuasa pengawalan berpusat yang akan memainkan peranan penting dalam menyelaras keseluruhan penyeliaan IKP. Perlantikan BNM sebagai badan penyeliaan berpusat bagi IKP adalah bertujuan untuk memenuhi keperluan-keperluan ini.

(c) Memantau peranan dan objektif IKP

Penekanan yang lebih diberikan ke atas penilaian kecekapan dan keberkesanan IKP dalam menjalankan peranan-peranan dan objektif-objektif mereka bagi memastikan ianya konsisten dengan dasar-dasar Kerajaan. Pengukuran tahap prestasi IKP akan merangkumi petunjuk-petunjuk kuantitatif dan kualitatif bagi menilai sumbangan ekonomi dan sosial serta prestasi kewangan.

(d) Kecekapan pengurusan dan keberkesanan urus tadbir korporat

AIKP memberi penekanan ke atas pengurusan IKP yang efisien dan urus tadbir korporat yang efektif menerusi perlantikan lembaga pengarah dan pengurusan kanan yang cekap. Di samping itu, ini akan dipertingkatkan dengan adanya juruaudit luar yang berkebolehpercayaan dan pendedahan maklumat secara telus. Semua ini bertujuan untuk mewujudkan semakan dan sekatan yang mencukupi serta pengurusan yang lebih bertanggungjawab.

(e) Mekanisme penyeliaan yang komprehensif

Sebuah rangka kerja penyeliaan yang formal dan komprehensif adalah diperlukan bagi memastikan keselamatan dan kekukuhan IKP, juga bagi meminimumkan keperluan bantuan kewangan daripada Kerajaan. Undang-undang ini mengandungi peraturan-peraturan kehematan, penyeliaan luar premis dan pemeriksaan di premis, keperluan pelaporan, standard pendedahan dan memberi kuasa kepada pengawalselia untuk berurusan dengan apa-apa salah laku dan penyelewengan oleh pihak pengurusan IKP.

(f) Menguatkan kedudukan kewangan dan memperbaiki kecekapan pengurusan asset dan liabiliti

AIKP menyediakan mekanisme untuk memantapkan kedudukan kewangan IKP. Keperluan-keperluan kehematan dikenakan dengan tujuan untuk memastikan operasi IKP selamat dan kukuh, selaras dengan amalan terbaik yang terdapat di dalam syarikat insurans dan institusi perbankan.

INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN YANG LAIN

Syarikat Diskaun

Jumlah sumber kewangan syarikat diskaun terus meningkat pada tahun 2001 sebanyak RM2.7 bilion atau 12.8% (RM2.6 bilion atau 13.8% pada tahun 2000), mencerminkan terutamanya peningkatan dalam pinjaman antara bank dan deposit. Oleh kerana deposit meningkat pada kadar yang lebih perlahan (8%; 38.2% pada tahun 2000), syarikat diskaun beralih kepada sumber dana yang lain untuk

membiayai pelaburan mereka. Oleh itu, terdapat pergantungan yang lebih kepada pinjaman antara bank, yang meningkat sebanyak 23.8% pada tahun 2001 (-25.3% pada tahun 2000). Tambahan lagi, memandangkan pelanggan mereka cenderung untuk membuat pengeluaran pada penghujung tahun, syarikat diskaun telah meningkatkan pinjaman antara bank mereka untuk melindungi kedudukan urus niaga mereka pada akhir tahun. Deposit yang diterima meningkat pada kadar yang lebih perlahan pada tahun ini, berikutan pengeluaran dalam deposit Sistem Perbankan Islam (SPI) yang telah matang serta kadar faedah yang kurang kompetitif yang ditawarkan oleh syarikat diskaun.

Peningkatan dalam jumlah sumber kewangan terus dilaburkan terutamanya dalam sekuriti, yang meningkat sebanyak RM1.7 bilion atau 8.9% pada tahun 2001 (RM2.3 bilion atau 14.3% pada tahun 2000). Terdapat pemindahan pelaburan kepada bon jangka panjang, khususnya kepada Sekuriti Kerajaan Malaysia, bon Danaharta dan Danamodal, serta bon yang diterbitkan oleh sektor swasta (PDS). Pemindahan ini mencerminkan keadaan kadar faedah yang menurun, yang menjadikan pelaburan di dalam sekuriti jangka panjang lebih menarik berbanding instrumen pelaburan jangka pendek.

Jadual 4.24
Syarikat Diskaun: Sumber dan Kegunaan Dana

	Perubahan Tahunan		Pada akhir tahun 2001
	2000	2001	
	RM juta		
Sumber:			
Dana modal yang diluluskan	191	277	2,065
Deposit	3,858	1,117	15,070
Pinjaman antara bank	-1,670	1,173	6,099
Lain-lain	181	129	582
Jumlah	**2,561**	**2,696**	**23,816**
Kegunaan:			
Pelaburan dalam sekuriti:	2,337	1,657	20,382
Sekuriti hutang kerajaan	*46*	*1,111*	*1,788*
Sekuriti Kerajaan Malaysia	*-122*	*993*	*1,462*
Bon Khazanah	*163*	*222*	*655*
Bil BNM	*709*	*-590*	*120*
Sekuriti hutang swasta	*342*	*942*	*11,647*
Penerimaan jurubank	*990*	*-941*	*3,234*
Instrumen deposit boleh niaga	*-603*	*-124*	*220*
Sekuriti hutang Cagamas	*858*	*-224*	*1,087*
Lain-lain[1]	*-169*	*1,259*	*1,631*
Penyimpanan antara bank	313	724	2,856
Lain-lain	-90	315	578
	1999	2000	2001
Bilangan syarikat diskaun	7	7	7

[1] Termasuk bon Danaharta dan Danamodal.
Nota: Angka-angka tidak semestinya sejumlah disebabkan oleh penggenapan.

Pada tahun ini, syarikat diskaun turut memperluaskan aktiviti berasaskan fi mereka. Industri ini terlibat sebagai pengatur, pengurus utama dan pengurus bersama terbitan sekuriti hutang swasta berjumlah RM4.4 bilion (RM2.8 bilion pada tahun 2000). Jumlah yang ditanggung jamin oleh syarikat diskaun adalah sebanyak RM1.6 bilion (RM2.5 bilion pada tahun 2000), yang melibatkan 16 terbitan sekuriti hutang swasta (58 terbitan pada tahun 2000). Berikutan semakan tahunan Sistem Peniaga Utama oleh BNM pada awal tahun 2001, hanya sebuah syarikat diskaun telah dilantik sebagai peniaga utama (dua pada tahun 2000).

Bank Simpanan Nasional

Jumlah sumber kewangan Bank Simpanan Nasional (BSN) terus meningkat sebanyak RM451 juta atau 4% kepada RM11.8 bilion pada akhir tahun 2001. Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh kenaikan dalam deposit GIRO dan deposit perbankan Islam, yang telah mengimbangi penurunan dalam deposit tabungan dan tetap. Deposit GIRO telah meningkat sebanyak RM427 juta atau 14.9%.

Jadual 4.25
Bank Simpanan Nasional

	Perubahan Tahunan		Pada akhir tahun 2001*a*
	2000	2001*a*	
	RM juta		
Deposit[1]	3,299	243	10,307
Tabungan	-69	-84	1,230
Tetap	3,092	-317	5,400
GIRO	384	427	3,300
Perbankan Islam	-108	216	360
Lain-lain	1	1	17
Sijil Simpanan Premium	40	97	700
Pelaburan (nilai buku)	1,212	1,687	6,053
Sekuriti Kerajaan Malaysia	178	18	1,111
Saham	32	913	2,045
Bon jaminan kerajaan	544	458	1,587
Lain-lain pelaburan	458	298	1,310
Deposit dengan institusi kewangan	2,793	-986	2,700
Pinjaman kasar	310	-69	2,302
Pinjaman bersih (setelah diambil kira peruntukan hutang ragu, hutang lapuk dan faedah digantung)	312	-74	2,164
Bilangan cawangan BSN[2]	-3	-9	414
Bilangan pejabat pos yang mempunyai kemudahan BSN[3]	-18	-180	443
Bilangan pemegang akaun ('000)	600	390	9,500
Bilangan mesin juruwang automatik (ATM)	14	-5	606

[1] Termasuk faedah yang dikreditkan
[2] Termasuk cawangan mini dan cawangan kecil
[3] Termasuk pejabat tetap dan pejabat bergerak
a Awalan

Peningkatan dalam deposit GIRO disebabkan terutamanya oleh pengenalan produk yang menarik serta penawaran pelbagai insentif kepada penyimpan. Skim deposit perbankan Islam yang diperkenalkan pada tahun 1994 semakin mendapat sambutan, dengan deposit perbankan Islam meningkat sebanyak RM216 juta pada tahun 2001. Walaupun deposit tetap menurun sedikit, ia kekal sebagai sumber utama dana deposit, merangkumi sebanyak 52.4% daripada jumlah deposit pada akhir tahun 2001, diikuti oleh skim simpanan GIRO dengan sumbangan iaitu sebanyak 32%.

Dari segi komposisi aset BSN, terdapat perubahan daripada simpanan deposit dengan institusi kewangan kepada pelaburan di dalam saham dan bon jaminan Kerajaan. Pelaburan di dalam saham dan bon jaminan Kerajaan telah meningkat masing-masing sebanyak RM913 juta (+80.7%) dan RM458 juta (+40.6%). Sementara itu, deposit dengan institusi kewangan telah menurun sebanyak RM986 juta mencerminkan suasana kadar faedah yang rendah. Pada akhir tahun 2001, aset utama BSN adalah dalam bentuk pelaburan di dalam sekuriti (51.1%), deposit dengan institusi kewangan (22.8%) dan pinjaman (18.3%).

Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen

Jumlah sumber kewangan bagi 14 kumpulan wang simpanan dan pencen (PPF) yang dikaji selidik oleh Bank Negara Malaysia meningkat pada kadar 6.7% pada tahun 2001, kepada RM231.5 bilion. Sebahagian besar daripada peningkatan ini merupakan caruman baru kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Walau bagaimanapun, caruman terkumpul meningkat pada kadar yang lebih perlahan iaitu sebanyak 6% atau RM11.7 bilion pada tahun 2001, mencerminkan caruman bersih dan juga dividen yang lebih rendah dikreditkan pada tahun ini. Pada masa yang sama, pengeluaran adalah lebih tinggi (RM6.6 bilion kepada RM17.3 bilion), dan ini menyebabkan PPF mencatat caruman bersih yang lebih rendah iaitu sebanyak RM3.4 bilion pada tahun 2001 (2000: RM9.5 bilion).

Pengeluaran yang lebih tinggi dicatat terutamanya daripada empat skim KWSP, di mana prosedur pengeluarannya telah menjadi lebih fleksibel. Pengeluaran caruman daripada KWSP adalah lebih fleksibel bagi kakitangan dalam skim pencen serta pesara yang bersara secara pilihan; bagi semua pencarum untuk pembelian rumah kedua dengan syarat rumah pertama dijual terlebih dahulu; pembelian komputer untuk kegunaan sendiri; dan untuk pembayaran yuran pengajian tinggi. Pengeluaran di bawah skim anuiti juga tinggi pada tahun 2001 sebelum skim ini dimansuhkan pada 5 Oktober 2001. Peningkatan kecekapan yang berterusan yang membolehkan tempoh pemprosesan permohonan pengeluaran menjadi lebih singkat, turut menyumbang kepada pengeluaran tinggi pada tahun 2001.

Pada tahun ini, caruman kasar kepada PPF meningkat dengan kadar yang lebih perlahan iaitu sebanyak 2.6% (2000: 15.1%) disebabkan terutamanya oleh peningkatan yang lebih sederhana bagi caruman kasar kepada KWSP. Pada bulan April, pencarum KWSP telah diberi pilihan untuk mengurangkan caruman bulanan mereka daripada 11% kepada 9% selaras dengan usaha Kerajaan merangsang permintaan domestik. Kira-kira 75% daripada pencarum aktif memilih untuk caruman yang lebih rendah ini. Bilangan pencarum PPF berkurangan sebanyak 0.1% kepada 19.1 juta berikutan kejatuhan bilangan ahli tidak aktif Pertubuhan Keselamatan Sosial. Sementara itu, jumlah dividen yang dikreditkan pada tahun 2001 adalah lebih rendah, iaitu sebanyak RM9.4 bilion, disebabkan oleh pendapatan pelaburan yang lebih rendah berikutan keadaan kadar faedah yang rendah.

Dari segi komposisi aset PPF, telah berlaku peralihan daripada pemegangan deposit dan pelaburan di pasaran wang kepada pemegangan Sekuriti Kerajaan

Jadual 4.26
Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen: Penunjuk Terpilih

	2000	2001*a*
	RM milion	
Pada akhir tahun		
Bilangan pencarum ('000)	19,075	19,058
di mana: KWSP	*9,966*	*10,074*
Perkeso	*8,877*	*8,769*
Caruman terkumpul	196,290	208,023
Aset	216,936	231,479
diantaranya:		
Pelaburan dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia	*65,810*	*72,512*
Sepanjang tahun		
Caruman kasar	20,178	20,701
Pengeluaran	10,689	17,314
Caruman bersih	9,489	3,387
Dividen yang dikreditkan	10,237	9,366
Pendapatan pelaburan	12,150	11,113

a Awalan

Sumber: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Kumpulan Wang Amanah Pencen, Pertubuhan Keselamatan Sosial, Tabung Angkatan Tentera, Kumpulan Wang Simpanan Kakitangan Estet Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Guru-guru dan lapan buah kumpulan wang simpanan dan pencen.

Graf 4.19
Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen: Komposisi Aset Utama



Malaysia (SKM) dan bon korporat. Bahagian SKM dan bon korporat masing-masing meningkat kepada 31.3% dan 9.8%, sementara bahagian deposit dan pelaburan di pasaran wang merosot kepada 17.7% pada akhir tahun 2001. Peralihan ini mencerminkan keutamaan untuk melabur dalam aset pulangan tinggi dan juga terbitan SKM dan bon korporat yang lebih besar pada tahun ini. Sementara itu, pelaburan dalam ekuiti mencatat bahagian yang lebih besar iaitu sebanyak 25.4% dan bahagian pinjaman pula merosot kepada 11.8%, mencerminkan peralihan dalam strategi pelaburan PPF pada tahun 2001.

Beberapa cadangan yang berkaitan dengan industri PPF terkandung di dalam Pelan Induk Pasaran Modal yang dilancarkan pada bulan Februari 2001. Ini termasuk cadangan supaya PPF melibatkan diri dalam modal teroka untuk mempelbagaikan pemegangan mereka dan meningkatkan pulangan daripada portfolio mereka; melonggarkan sekatan ke atas penyertaan mereka dalam derivatif dagangan pertukaran; dan melonggarkan sekatan ke atas pengurusan dana oleh syarikat pengurusan dana asing. Bagi KWSP, khususnya cadangan adalah termasuk kajian semula ke atas sekatan yang dikenakan kepada KWSP bagi memberi kebebasan melabur dalam SKM; dan mempelbagaikan pengurusan dana dengan memperuntukkan bahagian dana yang lebih tinggi kepada pengurus dana asing. Pada bulan Januari 2002, Skim Anuiti KWSP telah digantikan dengan Skim Pembayaran Pengeluaran. Di bawah skim ini, pencarum boleh memindahkan tidak lebih daripada 50% daripada tabungan mereka daripada Akaun 1 kepada akaun baru iaitu Akaun 4. Skim ini membenarkan pencarum membuat pengeluaran bulanan daripada Akaun 4 untuk tempoh 20 tahun selepas mencapai umur 55 tahun.

Institusi-institusi Pembiayaan Perindustrian

Institusi-institusi pembiayaan perindustrian terdiri daripada Bank Pembangunan dan Infrastuktur Malaysia Berhad (BPIMB), Bank Industri dan Teknologi Malaysia Berhad (BITMB), Sabah Development Bank Berhad (SDB), Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank), Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF), Malaysian Industrial Estates Berhad (MIEL), Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad (BDC Sabah) dan Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad (BDC Sarawak).

Jumlah aset institusi-institusi pembiayaan perindustrian terus meningkat pada tahun 2001 sebanyak RM3.4 bilion atau 16.7% berbanding RM2.5 bilion atau 14.1% pada tahun 2000. Pertumbuhan dalam jumlah aset sebahagian besarnya disumbangkan oleh peningkatan di dalam deposit dengan institusi-institusi kewangan dan pinjaman dan pendahuluan yang masing-masing merupakan 53.9% (+RM1.8 bilion) dan 38.9% (+RM1.3 bilion) daripada peningkatan tersebut.

Berian pinjaman oleh institusi-institusi pembiayaan perindustrian mencatatkan pertumbuhan yang lebih rendah iaitu sebanyak 12.1% pada tahun 2001 berbanding 16.3% bagi tahun 2000. Pertumbuhan tersebut banyak dipengaruhi oleh berian pinjaman oleh BPIMB dan SDB yang masing-masing mencatatkan peningkatan sebanyak 28.9% (+RM1.5 bilion) dan 18.5% (+RM178.7 juta). Walau bagaimanapun, jika jumlah berian pinjaman oleh kedua-dua institusi tersebut tidak diambilkira, jumlah berian pinjaman oleh institusi pembiayaan perindustrian lain akan mencatatkan penurunan sebanyak 6.9% (-RM329.9 juta) pada tahun 2001.

Jumlah berian pinjaman oleh BPIMB dan SDB merangkumi sebanyak 63.3% (RM7.6 bilion) daripada jumlah berian pinjaman institusi-institusi pembiayaan perindustrian. Pertumbuhan di dalam berian pinjaman disebabkan oleh peningkatan dalam pinjaman pembangunan dan infrastruktur yang dikeluarkan oleh BPIMB, sebagaimana ditunjukkan oleh kadar pertumbuhan sebanyak 29.2% (+RM862.7 juta) bagi pinjaman kepada sektor pengangkutan dan penyimpanan (terutamanya sub sektor infrastruktur). Di dalam kes SDB, peningkatan ini disebabkan oleh pelaksanaan strategi-strategi untuk meningkatkan berian pinjaman pada tahun 2001. Penurunan jumlah berian pinjaman oleh institusi pembiayaan perindustrian lain sebahagian besarnya dikaitkan dengan pembayaran awal pinjaman oleh peminjam-peminjam BITMB dan

Jadual 4.27
Institusi Pembiayaan Perindustrian : Perubahan Dalam Arah Aliran Pinjaman

Sektor	Perubahan tahunan					
	1999		2000		2001	
	RM juta	% perubahan	RM juta	% perubahan	RM juta	% perubahan
Pengangkutan dan penyimpanan	995.3	291.6	1,612.7	120.7	862.7	29.3
Pertanian	-13.4	-13.1	38.3	42.9	-3.9	-3.0
Perkilangan	-0.8	...	-96.8	-2.8	128.5	3.9
Perdagangan am	-24.8	-7.9	-212.9	-73.6	8.0	10.4
Hartanah dan pembinaan	838.2	37.9	-372.7	-12.2	315.0	11.8
Lain-lain	-198.8	-15.7	541.7	50.7	-2.7	-0.2
Jumlah	1,595.7	20.8	1,510.4	16.3	1,307.6	12.2

MIDF serta penukaran pinjaman kepada stok pinjaman oleh peminjam-peminjam MIDF.

Deposit yang disimpan oleh institusi-institusi pembiayaan perindustrian dengan institusi-institusi kewangan meningkat sebanyak 40.4% (+RM1.8 bilion) pada tahun 2001 berbanding 46.4% (+RM1.4 bilion) pada tahun 2000. Peningkatan yang besar ini sebahagiannya disebabkan oleh permintaan yang rendah terhadap pinjaman seperti mana yang dialami oleh kebanyakan institusi pembiayaan perindustrian.

Secara tradisinya, institusi-institusi pembiayaan perindustrian banyak bergantung kepada dana daripada Kerajaan dan institusi-institusi Kerajaan dalam bentuk ekuiti, geran, pinjaman dan deposit untuk membiayai operasi memandangkan mereka tidak dilesenkan untuk mengambil deposit daripada orang awam. Institusi-institusi pembiayaan perindustrian turut bergantung, walaupun di dalam jumlah yang kecil, kepada sumber pembiayaan luar, pada terma-terma keutamaan di bawah perjanjian-perjanjian dua hala tertentu dengan institusi-institusi kewangan pembangunan pelbagai hala antarabangsa. Walau bagaimanapun, beberapa institusi pembiayaan perindustrian baru-baru ini telah mula mendapatkan dana-dana daripada pasaran modal untuk memadankan dengan lebih baik sumber kewangan dengan tempoh pelaburan yang panjang bagi projek-projek yang dibiayai mereka dan untuk mengurangkan penggantungan kepada dana Kerajaan.

Jumlah peminjaman yang dibuat oleh institusi-institusi pembiayaan perindustrian meningkat sebanyak 16.9% (+RM2.4 bilion) pada tahun 2001 berbanding 23.8% (+RM2.8 bilion) bagi tahun 2000. Peminjaman daripada Kerajaan oleh institusi-institusi pembiayaan perindustrian mencatatkan peningkatan yang besar sebanyak 44.5% kepada RM10.7 bilion pada tahun 2001 dan menyumbang sebanyak 63.8% daripada jumlah peminjaman. Peningkatan tersebut sebahagian besarnya disebabkan oleh peminjaman BPIMB yang tinggi (131.3% atau + RM3.4 bilion daripada Kerajaan bagi menyokong projek-projek pembangunan dan infrastrukturnya. Walau bagaimanapun, peminjaman daripada badan-badan bukan Kerajaan menurun sebanyak 12.4% kepada RM6.1 bilion pada tahun 2001.

Modal Teroka

Industri modal teroka terus berkembang pada tahun 2001, sebagai suatu sumber pembiayaan alternatif. Jumlah sumber kewangan meningkat sebanyak 30.4% kepada RM2 bilion pada akhir tahun 2001, disebabkan terutamanya oleh penubuhan dua buah syarikat modal teroka milik Kerajaan. Bilangan syarikat modal teroka juga meningkat kepada 36 buah pada akhir tahun

Jadual 4.28
Dana/Syarikat Modal Teroka

	Pada akhir tahun	
	2000	2001*a*
Bilangan dana/ syarikat modal teroka	31	36
Bilangan syarikat penerima pelaburan	159	180
	RM juta	
Sumber		
Dana pemegang saham	972.6	983.2
Tanggungan	543.4	993.8
Jumlah	**1,516.0**	**1,976.9**
Kegunaan		
Pelaburan ke atas syarikat penerima pelaburan	718.2	652.9
Lain-lain aset	797.8	1,324.0
Jumlah	**1,516.0**	**1,976.9**

a Awalan

2001. Begitu juga, jumlah syarikat penerima pelaburan yang disokong oleh pelaburan modal teroka meningkat kepada 180, daripada 159 buah syarikat pada tahun lalu.

Pada sepanjang tahun ini, pelaburan syarikat modal teroka telah disalurkan ke dalam 42 buah syarikat (35 buah syarikat pada tahun 2000) dengan nilai pelaburan berjumlah RM109.3 juta. Sebahagian besar pelaburan tersebut (70%) terus dilaburkan ke dalam sektor teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), selaras dengan dasar Kerajaan untuk membangunkan industri ICT. Pelaburan dalam sektor sains kehidupan, walaupun kecil, kekal pada 2.9% daripada jumlah pelaburan. Satu lagi perkembangan yang menggalakkan pada tahun 2001 ialah pelaburan yang lebih tinggi, iaitu sebanyak 62% daripada jumlah pelaburan (27% pada tahun 2000), telah disalurkan ke dalam syarikat yang berada dalam peringkat pembiayaan permulaan dan pembiayaan peringkat awal. Pelaburan yang lebih tinggi dalam peringkat ini menunjukkan kesediaan industri modal teroka untuk mengambil risiko yang tinggi bagi menyokong syarikat ketika berada dalam tempoh yang begitu berisiko tinggi sepanjang perniagaan mereka.

Kerajaan meneruskan usahanya dalam menyokong industri modal teroka dengan menyediakan mudah tunai yang mencukupi untuk memenuhi keperluan industri. Berikutan pengumuman untuk menubuhkan dana modal teroka sebanyak RM500 juta, sebuah syarikat milik Kerajaan, *Malaysia Venture Capital Management Berhad* (MAVCAP) telah ditubuhkan untuk mengurus dana modal teroka tersebut. Sehingga kini, MAVCAP telah memberi komitmen untuk melabur sebanyak RM20 juta di dalam sebuah syarikat dan telah melantik tiga syarikat modal teroka untuk mengurus sejumlah RM75 juta daripada jumlah dana tersebut. Tambahan lagi, satu lagi syarikat milik Kerajaan, Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd telah ditubuhkan untuk mengurus Dana Modal Teroka Bagi Perolehan Teknologi berjumlah RM190 juta. Dana ini bertujuan untuk membantu usahawan dalam memperolehi teknologi dengan melabur ke dalam syarikat berasaskan teknologi asing yang akan membantu pemindahan teknologi ke Malaysia. Dana ini juga akan digunakan untuk membangunkan projek *Advanced Microchip Design and Training Centre*. Dalam usaha untuk meningkatkan kualiti usahawan tekno Malaysia, Kerajaan telah melancarkan Aplikasi Perdana Pembangunan Usahawan Tekno yang diterajui oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia. Aplikasi Perdana ini bertujuan untuk menambahkan bilangan perusahaan kecil dan sederhana yang terlibat dalam

Jadual 4.29
Dana /Syarikat Modal Teroka: Pelaburan Sepanjang Tahun

	2000	2001*a*
Bilangan syarikat penerima pelaburan	35	42
	RM juta	
Pelaburan sepanjang tahun	**131.3**	**109.3**
mengikut sektor		
Perkilangan	*25.4*	*16.8*
di antaranya:		
- Produk berasaskan IT	*0.3*	*1.9*
- Produk elektrik dan elektronik	*7.5*	*–*
- Teknologi elektronik tinggi	*8.9*	*11.3*
Perkhidmatan telekomunikasi	*53.1*	*76.0*
Sains kehidupan	*3.5*	*3.2*
Lain-lain	*49.4*	*13.4*

a Awalan

Graf 4.20
Pelaburan mengikut peringkat pada tahun 2001



Pelaburan mengikut peringkat pada tahun 2000



sektor ICT dan seterusnya membimbing mereka untuk menjadi syarikat yang bertaraf dunia. Beberapa langkah juga diperkenalkan untuk meningkatkan penggunaan dan penyediaan ICT, termasuk pengecualian cukai jualan ke atas kad pintar dan alat-alat yang berkaitan, pengurangan cukai ke atas pendapatan yang diperolehi daripada dagangan melalui laman web di Malaysia, dan potongan cukai pendapatan untuk kos yang terlibat dalam membangunkan laman web untuk perniagaan.

Pada tahun 2001, terdapat juga inisiatif baru daripada sektor swasta yang telah menyumbang kepada pembangunan industri modal teroka. Pertandingan pelan perniagaan yang pertama, iaitu Venture 2001, yang telah dilancarkan pada bulan November 2000 dengan objektif untuk menukarkan idea-idea yang berpotensi kepada perniagaan yang sebenar dan mewujudkan suasana keusahawanan di Malaysia telah menerima 447 pelan perniagaan. Jumlah ini adalah jauh lebih tinggi berbanding sasaran awal sebanyak 250. Seterusnya, *Venture 2002* telah dilancarkan pada bulan Januari 2002 untuk memperkukuhkan lagi usaha-usaha sebelum ini dalam memajukan budaya keusahawanan di Malaysia.

PASARAN KEWANGAN

Tinjauan Pasaran Kewangan

Pada tahun 2001, jumlah urus niaga dalam pasaran wang dan pasaran modal, yang terdiri daripada pasaran ekuiti dan bon, dan pasaran hadapan adalah lebih tinggi, sementara pasaran pertukaran asing mencatat jumlah urus niaga yang lebih rendah. Pasaran kewangan terus berkesan dalam memainkan peranannya sebagai pengantara kewangan bagi menggerak dan memperuntukkan dana pada tahun 2001. Pada sepanjang tahun 2001, pihak berkuasa yang berkenaan terus melaksanakan inisiatif baru dalam usaha memperbaiki infrastruktur pasaran bagi memenuhi keperluan pembiayaan dalam ekonomi dengan lebih baik lagi.

Jumlah dana yang didagangkan dalam pasaran wang meningkat dengan sederhana disebabkan terutamanya oleh jumlah urus niaga instrumen pasaran wang yang lebih tinggi sementara jumlah urus niaga deposit antara bank pula adalah lebih rendah. Urus niaga yang lebih tinggi bagi instrumen pasaran wang ini mencerminkan peningkatan yang tinggi dalam urus niaga Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) serta peralihan dalam pelaburan / daripada instrumen yang memberi pulangan yang rendah kepada instrumen yang memberi pulangan yang tinggi. Berikutan keadaan mudah tunai yang lega dan kadar faedah yang rendah. Sementara itu, urus niaga deposit antara bank yang lebih rendah adalah kesan daripada keadaan mudah tunai yang lega dalam pasaran, yang menyebabkan pergantungan yang kurang daripada pasaran antara bank untuk memperolehi pembiayaan.

Dalam pasaran pertukaran asing, purata harian bagi urus niaga pertukaran asing antara bank adalah lebih rendah pada tahun 2001. Aktiviti dagangan bertumpu terutamanya kepada urus niaga yang berkaitan dengan dagangan oleh kerana ringgit tidak boleh diniagakan di luar. Aktiviti terus dikuasai oleh urus niaga di dalam dolar AS dengan ringgit, mencerminkan dolar AS sebagai mata wang pengantaraan yang penting dan penggunaannya yang meluas sebagai mata wang penjelasan perdagangan serta dalam urus niaga akaun modal yang lain.

Pasaran modal, yang terdiri daripada pasaran ekuiti dan bon, kekal penting sebagai satu sumber pembiayaan, walaupun dana bersih yang diperolehi daripada pasaran modal adalah rendah sedikit iaitu sebanyak RM37.7 bilion. Sebahagian besar daripada dana ini diperolehi daripada pasaran bon oleh sektor swasta dan sektor awam (RM31.6 bilion), sementara selebihnya (RM6.1 bilion) diperolehi daripada pasaran ekuiti oleh sektor swasta. Sektor awam memperolehi sebanyak RM15.2 bilion terutamanya melalui terbitan baru dan terbitan semula SKM untuk memenuhi keperluan pembiayaan Kerajaan yang lebih tinggi.

Dalam sektor swasta, jumlah dana yang diperolehi daripada pasaran sekuriti hutang swasta (PDS) dan ekuiti berjumlah RM22.5 bilion, di mana pasaran PDS mencakupi 72.7%. Walaupun dana yang diperolehi daripada pasaran ekuiti secara relatifnya tidak berubah pada RM6.1 bilion, ia kekal sebagai sumber pembiayaan yang penting. Dana yang diperolehi sebahagian besarnya adalah menerusi terbitan hak, tawaran awam permulaan (IPO) dan terbitan persendirian. Sentimen yang bertambah baik ke atas Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) sebagai sumber pembiayaan dapat dilihat daripada jumlah besar IPO yang terlebih langganan. IPO ini juga telah didagangkan melebihi harga tawarannya pada akhir hari pertama dagangan. Dalam suasana yang begitu mencabar pada tahun 2001, prestasi BSKL agak menggalakkan dengan indeks kompositnya naik sedikit iaitu sebanyak 2.4% kepada 696.09 mata pada akhir tahun 2001. Permodalan pasaran pula meningkat sebanyak 4.6% kepada RM465 bilion. Di samping keadaan kadar faedah yang rendah dan

mudah tunai yang lega serta dasar fiskal yang mengembang, faktor-faktor lain seperti penerimaan positif kepada penstrukturan semula sektor korporat dan asas ekonomi makro yang kukuh turut menyumbang kepada prestasi BSKL.

Dalam pasaran PDS, jumlah dana yang diperolehi pada tahun 2001 adalah lebih tinggi, iaitu sebanyak RM37.2 bilion (2000: RM31 bilion) oleh kerana syarikat-syarikat telah memilih untuk menerbitkan PDS bagi mengambil kesempatan daripada keadaan kadar faedah yang rendah, mudah tunai yang lega dan juga disebabkan minat pelabur kepada jenis pelaburan yang lebih stabil. Walau bagaimanapun, penebusan yang tinggi, khususnya oleh sebuah syarikat besar di bawah skim penstrukturan semula hutang korporat menyebabkan jumlah dana bersih yang diperolehi menjadi rendah pada tahun 2001. Berbanding tahun 2000, sebahagian besar dana yang diperolehi pada tahun ini digunakan untuk membiayai aktiviti baru dan untuk tujuan pembiayaan semula pinjaman. Pada tahun 2001, kadar hasil bon merosot secara berterusan disebabkan jangkaan pasaran bahawa kadar faedah akan terus rendah dan keadaan mudah tunai yang lega di pasaran akan berterusan. Sementara itu, aktiviti urus niaga pasaran sekunder meningkat tinggi pada tahun ini berikutan penawaran SKM yang lebih tinggi.

Inisiatif-inisiatif baru untuk memperbaiki lagi infrastruktur pasaran kewangan telah membawa kepada peningkatan kecekapan pasaran sebagai pengantara kewangan, sebagaimana yang ditunjukkan dalam jumlah urus niaga yang secara relatifnya lebih tinggi.

Jadual 4.30
Dana yang Diperoleh daripada Pasaran Modal

	2000	2001*a*
	RM juta	
Oleh Sektor Awam		
Sekuriti Kerajaan, kasar	16,413	23,087
Tolak Penebusan	5,286	7,100
Tolak Milikan Kerajaan	-	-
Bersamaan Penerimaan Bersih Persekutuan	11,127	15,987
Bon Khazanah (bersih)	551	-220
Terbitan Pelaburan Kerajaan (bersih)	2,000	-195
Bon Simpanan Malaysia (bersih)	-19	-359
Dana bersih yang diperoleh oleh Sektor Awam	13,659	15,213
Oleh Sektor Swasta		
Saham	6,013	6,123
Sekuriti Hutang Swasta[1]	30,953	37,220
Tolak Penebusan	10,459	20,890
Bersamaan Terbitan Bersih	20,494	16,330
Dana bersih yang diperoleh oleh Sektor Swasta	26,507	22,453
Dana bersih yang diperoleh daripada Pasaran Modal	**40,166**	**37,666**
Kertas dan nota jangka pendek (bersih)[2]	-1,482	-2,288
Jumlah	**38,684**	**35,378**

[1] Tidak termasuk sekuriti hutang yang diterbitkan oleh institusi perbankan.
[2] Merujuk kepada Nota Cagamas dan Kertas Perdagangan sahaja.
[a] Awalan

Dalam pasaran derivatif, urus niaga Niaga Hadapan KLIBOR dan kontrak Hadapan Minyak Sawit Mentah adalah lebih tinggi pada tahun 2001 sementara aktiviti urus niaga Niaga Hadapan KLSE CI kekal lemah. Kejatuhan dalam urus niaga Niaga Hadapan KLSE CI adalah disebabkan oleh kurangnya kemudahubahan dalam KLSE CI. Sebaliknya, urus niaga Niaga Hadapan KLIBOR adalah aktif disebabkan keadaan mudah tunai yang lega dalam pasaran tunai antara bank dan meningkatnya minat ke atas pasaran bon dan swap kadar faedah. Sementara itu, pengeluaran minyak sawit mentah yang lebih tinggi dan perkembangan yang menggalakkan dalam kedudukan harga menyumbang kepada urus niaga Kontrak Niaga Hadapan Minyak Sawit Mentah yang lebih tinggi.

Pada tahun 2001, beberapa langkah dan inisiatif telah dilaksanakan untuk mengukuhkan amalan pasaran dan mewujudkan infrastruktur kewangan yang lebih teguh. Satu perkembangan utama dalam pasaran modal ialah pelancaran Pelan Induk Pasaran Modal pada bulan Februari dengan objektif untuk menggariskan kedudukan yang strategik dan arah masa depan untuk pasaran modal Malaysia. Pada masa yang sama, dalam pasaran ekuiti, langkah-langkah yang diperkenalkan pada tahun 2001 memberi penekanan kepada usaha memperbaiki lagi urus tadbir korporat dan kecekapan aktiviti pasaran. Pengenalan garis panduan penawaran sekuriti sokongan aset merupakan perkembangan utama dalam pasaran bon. Sementara itu, Malaysia Derivatives Exchange (MDEX) telah ditubuhkan pada bulan Jun 2001 sebagai satu bursa derivatif bersepadu berikutan penggabungan dua bursa iaitu, Kuala Lumpur

Graf 4.21
Dana Bersih yang diperoleh daripada Pasaran Modal oleh Sektor Awam dan Swasta



Options and Financial Futures Exchange dan Commodity and Monetary Exchange of Malaysia, yang bertujuan untuk menyokong ekonomi berskala dan memperluaskan pasaran menerusi peningkatan kecekapan operasi dan urus niaga produk derivatif yang lebih banyak lagi.

Pasaran Wang

Jumlah urus niaga di pasaran wang meningkat secara sederhana pada tahun 2001. Perkembangan yang nyata ditunjukkan oleh urus niaga Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) yang meningkat dengan tinggi serta perubahan dalam urus niaga kepada sekuriti jangka panjang. Perkembangan ini telah dipengaruhi oleh perkembangan kadar faedah, keadaan mudah tunai di dalam sistem serta faktor penawaran.

Jadual 4.31
Pasaran Wang[1]

	2000		2001	
	Jumlah (RM bilion)	Perubahan tahunan (%)	Jumlah (RM bilion)	Perubahan tahunan (%)
Jumlah urus niaga pasaran wang	**1425.4**	**0.7**	**1500.8**	**5.3**
Deposit antara bank	**1091.7**	**-8.2**	**1055.3**	**-3.3**
Instrumen pasaran wang	**333.7**	**47.7**	**445.5**	**33.5**
Penerimaan Jurubank (BAs)	63.6	-6.3	60.5	-4.9
Instrumen Deposit Boleh Niaga (NIDs)	21.0	-22.8	34.3	63.3
Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM)	88.6	38.9	219.9	148.2
Bon Khazanah	15.5	-3.7	17.9	15.5
Bil Perbendaharaan	15	30.4	13.4	-10.7
Bil Bank Negara	50.9		55.2	8.4
Bon Cagamas	29.3	127.1	25.9	-11.6
Nota Cagamas	49.8	87.9	18.4	-63.1

[1] Semua data diperolehi daripada Sistem Penyebaran Maklumat Bon kecuali BAs dan NIDs di mana sumbernya adalah daripada broker pasaran wang

Pada tahun 2001, urus niaga dalam instrumen pasaran wang tertumpu kepada SKM. Jumlah urus niaga SKM yang lebih tinggi (148.2%) mencerminkan terutamanya jangkaan pasaran bahawa kadar faedah dalam negeri akan kekal rendah, berikutan penurunan kadar faedah yang agresif oleh Amerika Syarikat. Peristiwa 11 September telah meningkatkan lagi jangkaan ini, menyebabkan urus niaga SKM melambung pada bulan September dan Oktober, di mana ia merangkumi satu perlima daripada jumlah urus niaga pada keseluruhan tahun. Perkembangan ini, bersama aliran masuk dana yang berterusan di samping keadaan lebihan mudah tunai, serta terbitan SKM yang lebih besar bagi membiayai defisit fiskal Kerajaan, telah menyebabkan peserta pasaran melaburkan dana mereka di dalam SKM yang memberikan hasil yang lebih tinggi. Tambahan lagi, instrumen jangka panjang seperti SKM telah menunjukkan pergerakan harga yang lebih besar, sekaligus memberikan peluang untuk arbitraj kepada pasaran terutamanya dalam keadaan kadar faedah yang menurun. Pada tahun 2001, purata kadar hasil hingga matang (YTM) bagi SKM 5 tahun turun naik pada julat yang lebar iaitu sebanyak 136 mata asas, berbanding sebanyak 72 mata asas pada tahun 2000. Terdapat juga penyertaan yang lebih besar daripada peserta bukan bank di dalam pasaran, terutama di kalangan syarikat insurans dan syarikat-syarikat besar. Minat yang bertambah terhadap SKM telah menghasilkan kadar hasil yang lebih rendah, terutama bagi SKM bertempoh matang panjang. Oleh itu,

Graf 4.22
Instrumen Pasaran Wang



Graf 4.23
Bahagian Jumlah Urus Niaga



Graf 4.24
Jumlah Urus Niaga Antara Bank di Pasaran Pertukaran Mata Wang Asing Kuala Lumpur



keluk hasil menganjak ke bawah daripada kedudukan pada akhir tahun 2000, sebelum meningkat semula sejak bulan November apabila sentimen terhadap prospek pemulihan ekonomi dunia bertambah baik menjelang akhir tahun. Kadar hasil yang lebih tinggi bagi SKM pada bulan Disember juga mencerminkan pelupusan instrumen oleh beberapa peserta pasaran berikutan pengumpulan SKM yang besar di dalam portfolio mereka pada bulan September dan Oktober.

Sebaliknya, urus niaga dalam sekuriti jangka pendek terutamanya Nota Cagamas, Bil Perbendaharaan dan Penerimaan Jurubank (BA) adalah lebih rendah (-28.1%). Deposit antara bank juga telah mencatatkan jumlah urus niaga yang lebih rendah (-3.3%) disebabkan oleh kecenderungan di kalangan bank untuk melabur di dalam instrumen yang mempunyai kadar hasil yang lebih tinggi. Di samping itu, keadaan lebihan mudah tunai di dalam sistem telah mengurangkan pergantungan kepada pembiayaan melalui pinjaman antara bank. Deposit semalaman kekal sebagai instrumen yang paling aktif didagangkan di pasaran antara bank, mencakupi sebanyak 70% daripada jumlah dagangan deposit antara bank.

Pasaran Pertukaran Asing

Dalam pasaran pertukaran asing antara bank KL, jumlah purata harian bagi urus niaga pertukaran asing (urus niaga spot dan swap) yang diniagakan melalui lapan buah syarikat broker pertukaran asing merosot sebanyak 9.5% berbanding dengan jumlah pada tahun 2000. Aktiviti urus niaga mencerminkan terutamanya jual beli yang berkaitan dengan urus niaga dagangan. Aktiviti spekulatif ke atas ringgit telah dibendung melalui penghapusan pasaran ringgit luar pesisir dan juga melalui garis panduan yang mengawal rangka kerja operasi insititusi perbankan. Hasil daripada langkah-langkah ini, jumlah urus niaga menjadi stabil selepas mencatatkan penurunan yang nyata pada akhir tahun 1998.

Kebanyakan daripada urus niaga pada tahun 2001 dilakukan pada separuh pertama tahun sebelum menyusut pada akhir tahun. Peningkatan aktiviti pada separuh pertama tahun mencerminkan terutamanya pembelian hadapan mata wang asing bagi pembayaran import barangan dan perkhidmatan dan juga untuk pembayaran balik pinjaman kerana

Graf 4.25
Urus Niaga Antara Bank di Pasaran Mata Wang Asing Kuala Lumpur mengikut Mata Wang



terdapat diskaun ke atas kadar swap bagi ringgit. Dari segi komposisi, urus niaga di pasaran pertukaran asing KL terus dikuasai oleh urus niaga dolar AS berbanding ringgit. Bahagian urus niaga tersebut meningkat kepada 76% daripada kesemua jumlah urus niaga pada tahun 2001 berbanding 68% pada tahun 2000. Perkembangan ini mencerminkan urus niaga dolar AS yang lebih tinggi di pasaran pertukaran asing KL dan juga penggunaan dolar AS yang meluas untuk tujuan penjelasan perdagangan, perkhidmatan dan urus niaga akaun modal.

Pasaran Ekuiti

Walaupun suasana global lebih mencabar pada tahun 2001, Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (KLSE CI) ditutup lebih tinggi pada akhir tahun ini (2.4%). Permodalan pasaran pula meningkat sebanyak 4.6% kepada RM465 bilion (RM444.4 bilion pada tahun 2000). Berbanding dengan bursa saham serantau, termasuk Hong Kong, Singapura, Indonesia dan Filipina, prestasi BSKL agak menggalakkan. Pada tahun ini, asas ekonomi yang kukuh, penyelesaian kepada penstrukturan semula syarikat-syarikat besar dan perubahan positif dalam isu urus tadbir korporat merupakan faktor utama yang mempengaruhi prestasi KLSE CI. Sementara itu, BSKL dan Suruhanjaya Sekuriti (SC) terus mempertingkatkan lagi pengawalan dan penguatkuasaan mereka untuk menangani isu-isu yang berkaitan dengan pelabur, khususnya pemegang saham minoriti.

Pasaran ekuiti kekal sebagai sumber pembiayaan penting bagi sektor swasta pada tahun 2001. Dana yang diperoleh melalui pasaran ekuiti berjumlah sebanyak RM6.1 bilion atau 27.3% daripada jumlah dana yang diperolehi oleh sektor swasta dalam pasaran modal (RM6 bilion atau 22.7% pada tahun 2000). Dana baru diperolehi terutamanya menerusi terbitan hak (31%), tawaran awam permulaan (IPO) (27.4%) dan tawaran persendirian (27.4%). Pada tahun 2001, sejumlah 20 IPO telah ditawarkan, di mana enam daripadanya disenaraikan di Papan Utama sementara 14 lagi di Papan Kedua. Jumlah yang diperolehi menerusi IPO adalah lebih tinggi sebanyak RM1.7 bilion pada tahun ini. Berbanding tahun 2000, perolehan dana melalui IPO ini dilakukan oleh pelbagai industri dan sektor termasuk telekomunikasi, perkhidmatan dan perdagangan, barangan industri dan pengguna, dan teknologi maklumat. Keyakinan pasaran yang meningkat terbukti dengan keadaan di mana sebanyak 70% daripada jumlah IPO yang ditawarkan pada tahun 2001 telah terlebih langganan. Tambahan lagi, sebahagian besar daripada IPO tersebut telah

Graf 4.26
Dana Bersih yang Diperoleh oleh Sektor Swasta daripada Pasaran Modal



didagangkan melebihi harga tawarannya pada akhir hari pertama dagangan, didorong terutamanya oleh prospek syarikat yang menawarkannya dan minat pelabur ke atas sektor-sektor tertentu.

Pada separuh pertama tahun 2001, kejatuhan KLSE CI sebanyak 11% dipengaruhi oleh kemerosotan

Jadual 4.32
Bursa Saham Kuala Lumpur: Penunjuk Terpilih

	2000	2001*a*
Indeks harga		
Komposit	679.64	696.09
EMAS	159.77	165.23
Papan Kedua	132.98	134.13
Jumlah urus niaga		
Jumlah (bilion unit)	75.4	54.9
Nilai (RM bilion)	244.1	96.0
Purata urus niaga harian		
Jumlah (juta unit)	208.1	204.4
Nilai (RM juta)	911.1	349.8
Nilai pasaran (RM bilion)	444.35	464.98
Nilai pasaran/KDNK (%)	130.4	134.6
Jumlah syarikat yang disenaraikan	795	812
Papan Utama	499	520
Papan Kedua	296	292
Mudah tunai pasaran:		
Nilai urus niaga/Nilai pasaran (%)	42.3	22.2
Jumlah urus niaga/Bilangan sekuriti yang disenaraikan (%)	39.5	27.4
Penumpuan pasaran:		
*10 Saham dengan nilai pasaran tertinggi/nilai pasaran (%)	38.9	36.7
Purata modal berbayar syarikat broker saham (RM juta)	129.6	138.21

a Awalan
* Mengikut urus niaga pasaran sahaja

Sumber: Bursa Saham Kuala Lumpur

Graf 4.27
Prestasi Indeks Pasaran Saham Serantau dan Baru Muncul Terpilih (% perubahan dari tahun 2000 ke 2001)



Sumber: International Federation of Stock Exchanges (FIBV)

perolehan sektor korporat yang lebih besar daripada yang dijangkakan serta kebimbangan mengenai kelembapan ekonomi dunia. Faktor lain termasuk kebimbangan terhadap kesan kejatuhan nilai yen berbanding mata wang serantau, dan penurunan taraf prospek ekonomi Malaysia daripada positif kepada stabil oleh sebuah agensi penarafan antarabangsa. Walau bagaimanapun, beberapa faktor lain berjaya mengurangkan kejatuhan KLSE CI. Ini termasuklah pengekalan tahap penarafan yang menggalakkan bagi prospek ekonomi Malaysia oleh beberapa agensi penarafan antarabangsa utama lain dan penghapusan levi ke atas keuntungan pelaburan portfolio yang dibawa keluar dalam tempoh setahun, berkuatkuasa pada bulan Mei tahun 2001.

KLSE CI mencatat peningkatan tinggi sebanyak 17.4% pada separuh kedua tahun 2001 berikutan prospek ekonomi domestik yang bertambah baik dan sambutan positif terhadap perubahan institusi yang dilaksanakan bagi mempercepatkan penstrukturan semula hutang korporat. Sebelum peristiwa 11 September, prestasi pasaran yang lebih baik sebahagiannya disebabkan oleh tanggapan yang menggalakkan mengenai ekonomi Malaysia berikutan pertumbuhan KDNK yang positif pada suku kedua. Pemulihan pasaran AS dan pasaran lain turut membantu memulihkan sentimen pasaran. Walau bagaimanapun, peristiwa 11 September telah menjejaskan seketika kedudukan pasaran. BSKL telah ditutup pada 12 September bagi memastikan urus niaga pasaran tidak terjejas serta memberi masa yang cukup kepada pelabur untuk menilai sepenuhnya keadaan pasaran. Selepas melalui prestasi yang lemah pada seketika, sentimen pasaran pulih dalam bulan Oktober berikutan prospek yang lebih baik bagi ekonomi Malaysia dan perkembangan positif dalam penstrukturan semula sektor korporat. Sentimen pasaran terus pulih menjelang akhir tahun, didorong oleh pengumuman mengenai penstrukturan semula syarikat-syarikat besar, pertambahan perbelanjaan fiskal untuk menyokong pertumbuhan, serta kejayaan Kerajaan menerbitkan bon global Malaysia bertempoh matang 10 tahun bernilai AS$1 bilion.

Pada tahun 2001, sebahagian besar prestasi BSKL telah dipengaruhi oleh pergerakan dana pelaburan portfolio asing. Prestasi KLSE CI jelas menunjukkan bahawa ia mengikuti arah aliran dana dalam akaun luaran. Akaun ini merupakan akaun dalam ringgit yang dibuka oleh bukan pemastautin yang menunjukkan bahawa aktiviti di BSKL masih dipengaruhi oleh penyertaan pelabur asing.

Di Bursa Dagangan Sekuriti dan Sebut Harga Automasi Malaysia (MESDAQ), Indeks Komposit MESDAQ (MCI) merosot sebanyak 5.4% dan ditutup pada 80.08 mata pada akhir tahun 2001. Jumlah dagangan adalah lebih rendah, bernilai RM1.6 bilion (2000: RM4.7 bilion). Aktiviti dagangan kekal lemah dengan dagangan bertumpu pada bulan Mei dan Julai. Namun demikian, permodalan pasaran meningkat kepada RM177.6 juta pada akhir tahun 2001 (2000: RM141.4 juta), disebabkan oleh satu penyenaraian baru di MESDAQ pada tahun ini. Sehingga akhir tahun 2001, terdapat empat buah syarikat disenaraikan di MESDAQ. Risiko taja jamin yang kian meningkat dalam keadaan

Graf 4.28
Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (KLSE CI), Indeks Papan Kedua dan Urus Niaga BSKL



Sumber: Bursa Saham Kuala Lumpur

Graf 4.29
Prestasi KLSE CI (31 Disember 2000 - 30 Jun 2001)



Graf 4.30
Prestasi KLSE CI (1 Julai - 31 Disember 2001)



Graf 4.31
KLSE CI berbanding Aliran Modal melalui Akaun Luaran (Jan 2000 - Dis 2001)



pasaran yang lemah, telah menyukarkan syarikat untuk mendapatkan komitmen taja jamin. Pada akhir tahun 2001, bilangan keahlian MESDAQ meningkat kepada 20 (2000: 19 keahlian) di mana 16 daripadanya adalah syarikat broker saham, sementara yang lain adalah bank saudagar.

Seiring dengan cadangan yang terkandung di dalam Pelan Induk Pasaran Modal untuk menubuhkan satu bursa di Malaysia, MESDAQ telah menandatangani Perjanjian Penggabungan dengan BSKL pada 31 Disember 2001. Penggabungan bursa ini akan menyelaraskan pengawalan dan fungsi pembangunan pasaran BSKL dan MESDAQ, dan dengan itu membolehkan bursa menawarkan lebih banyak produk dan perkhidmatan kepada peserta pasaran. Berikutan penggabungan yang dicadangkan itu, beberapa projek tertentu telah diberhentikan atau ditangguhkan. Ini termasuk peningkatan taraf Sistem Pengawasan Pelaksanaan dan Laluan Teratur MESDAQ, pendaftaran wakil berdaftar dalam talian dan laporan dalam talian oleh ahli-ahli mengenai Kecukupan Modal.

Graf 4.32
Bursa Dagangan Sekuriti dan Sebut Harga Automasi Malaysia: Urus Niaga dan Indeks Komposit MESDAQ (MCI)



Sumber: Bursa Dagangan Sekuriti dan Sebut

Pada tahun 2001, beberapa langkah lagi telah diperkenalkan untuk menjadikan amalan di pasaran ekuiti setanding dengan taraf antarabangsa. Pada masa yang sama, BSKL memperkukuhkan lagi pemantauan dan penguatkuasaan ke atas pematuhan kepada peraturan yang sedia ada dan yang baru diperkenalkan. Bagi memastikan pelabur terus mempunyai keyakinan untuk melabur di BSKL dan keyakinan terhadap ekonomi Malaysia, tumpuan terus diberi untuk memperbaiki tahap urus tadbir korporat. Syarat-syarat Penyenaraian Baru yang diperkenalkan pada bulan Januari mencapai matlamatnya untuk meningkatkan urus tadbir korporat dan ketelusan, serta kelicinan aktiviti pasaran. Ini dapat mengukuhkan perlindungan serta meningkatkan keyakinan pelabur. Pada masa yang sama, beberapa kelonggaran telah dibuat kepada peraturan berkaitan dengan terbitan, tawaran dan penyenaraian sekuriti dalam usaha menjadikan pasaran modal Malaysia sebagai pusat perolehan dana yang utama bagi syarikat Malaysia. Langkah lain termasuk meningkatkan perlindungan kepada pelabur, terutamanya pemegang saham minoriti. Maklumat lanjut mengenai langkah-langkah yang diperkenalkan pada tahun 2001 terkandung di dalam "Langkah-langkah Utama Pasaran Modal pada tahun 2001".

Pasaran Bon

Pasaran bon ringgit terus berkembang pada tahun 2001 dan menjadi semakin penting sebagai sumber pembiayaan. Pertumbuhan pasaran bon adalah disebabkan oleh keadaan kadar faedah yang rendah dan mudah tunai yang lega, peningkatan minat terhadap pasaran bon untuk pembiayaan jangka panjang dan usaha penstrukturan semula sektor korporat yang pesat. Di samping itu, pelaksanaan dasar fiskal yang mengembang telah menyebabkan peningkatan tinggi dalam penerbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) untuk membiayai defisit fiskal. Perkembangan sebegini terus menyediakan keluk kadar hasil tanda aras bagi pasaran bon ringgit.

Jumlah dana bersih yang diperolehi daripada pasaran bon kekal tinggi sebanyak RM31.5 bilion, mencakupi sebanyak 83.7% daripada jumlah dana yang diperolehi daripada pasaran modal. Pada akhir tahun 2001, jumlah bon ringgit terkumpul meningkat sebanyak 13.3% kepada RM275.8 bilion daripada RM243.6 bilion pada akhir tahun 2000.

Pasaran bon ringgit terus berkembang pada tahun 2001 dan menjadi semakin penting sebagai sumber pembiayaan. Sebilangan besar syarikat menerbitkan PDS untuk "mengunci" pembiayaan mereka pada kadar faedah yang rendah.

Dalam pasaran utama, sektor awam memperolehi dana bersih sebanyak RM15.2 bilion. Pada tahun 2001, Kerajaan menerbit dan membuka semula sejumlah empat terbitan SKM. Terbitan baru ini adalah untuk membiayai program dorongan fiskal Kerajaan. Terbitan baru ini juga merupakan penerbitan semula kepada terbitan yang telah matang dan sebagai alat menggerakkan lagi mudah tunai di pasaran sekunder. Sebagaimana yang diumumkan di dalam kalender SKM, SKM diterbitkan secara tetap pada setiap suku, iaitu dengan terbitan yang agak besar, sebanyak RM5 bilion pada tiga suku pertama tahun ini dan RM6.5 bilion pada suku keempat. Daripada empat terbitan SKM ini, tiga terbitan adalah pembukaan semula terbitan SKM yang sedia ada.

Pada tahun 2001, Terbitan Pelaburan Kerajaan dan bon Khazanah diterbitkan untuk menambahkan lagi jumlah terbitan yang sedia ada. Pada bulan November, Bon Simpanan Malaysia Siri 02 (BSM02) yang diterbitkan pada bulan November 1999 telah matang. Kerajaan telah mengumumkan semasa pembentangan Belanjawan Tahun 2002 bahawa BNM akan menerbitkan siri ketiga bon simpanan, iaitu BSM03 untuk ditawarkan kepada warga tua dan pertubuhan kebajikan. Tujuannya ialah untuk mengurangkan kesan kadar faedah yang rendah ke atas pendapatan warga tua dan pertubuhan kebajikan yang sangat bergantung kepada pendapatan daripada deposit yang disimpan di dalam institusi perbankan. BSM03 ditawarkan untuk jualan pada bulan Januari 2002.

Sektor swasta juga beralih kepada pasaran bon untuk memperolehi dana bagi keperluan pembiayaan jangka panjang. Sebilangan besar syarikat menerbitkan PDS untuk mengurangkan pembiayaan mereka pada kadar faedah yang rendah. Dalam suasana mudah tunai yang lega dan kemudahubahan di dalam pasaran ekuiti, pelabur juga lebih berminat pada jenis pelaburan yang lebih stabil. Pada tahun 2001, nilai terbitan PDS baru meningkat kepada RM37.2 bilion. Walau bagaimanapun, selepas mengambil kira penebusan sebanyak RM20.9 bilion, jumlah dana bersih yang diperolehi adalah lebih rendah, iaitu sebanyak RM16.3 bilion (2000: RM20.5 bilion). Penebusan yang tinggi ini adalah disebabkan sebahagiannya oleh penebusan awal sebuah syarikat besar di bawah skim penstrukturan semula hutang korporat. Secara agregat, jumlah PDS terkumpul meningkat sebanyak 13.1% kepada RM158.4 bilion atau bersamaan 47.6% daripada KDNK (41.1% pada akhir tahun 2000). Berbanding pasaran ekuiti yang

Jadual 4.33
Dana yang Diperoleh Daripada Pasaran Bon

	2000	2001*a*
	RM juta	
Oleh Sektor Awam		
Sekuriti Kerajaan, kasar	16,413	23,087
Tolak Penebusan	5,286	7,100
Bersamaan Penerimaan Bersih Persekutuan	11,128	15,987
Bon Khazanah (bersih)	551	-220
Terbitan Pelaburan Kerajaan (bersih)	2,000	-195
Bon Simpanan Malaysia (bersih)	-19	-359
Dana Bersih yang Diperoleh oleh Sektor Awam	**13,659**	**15,213**
Oleh Sektor Swasta		
Sekuriti Hutang Swasta, kasar	**30,953**	**37,220**
Bon Biasa	12,940	13,813
Bon dengan Waran	0	913
Bon Boleh Tukar	1,944	1,328
Bon berasaskan Prinsip Islam	7,666	13,501
Bon yang disokong Aset	0	1,235
Bon Cagamas	8,403	6,430
Tolak Penebusan	**10,459**	**20,890**
Sekuriti Hutang Swasta	6,205	15,575
Bon Cagamas	4,254	5,315
Dana Bersih yang Diperoleh oleh Sektor Swasta	**20,494**	**16,330**
Dana Bersih yang Diperoleh daripada Pasaran Bon	**34,153**	**31,544**
Terbitan Bersih Sekuriti Jangka-pendek [1]	–1,482	–2,093
Jumlah	**32,671**	**29,451**

a Awalan
[1] Merujuk kepada Nota Cagamas dan Kertas Perdagangan sahaja.

memperolehi sebanyak RM6.1 bilion, pasaran PDS kekal sebagai sumber pembiayaan penting dalam pasaran modal bagi sektor swasta.

Dari segi jenis terbitan, bon biasa dan bon berasaskan prinsip Islam merupakan yang paling popular. Daripada jumlah terbitan PDS yang diberi penarafan oleh *Rating Agency Malaysia* (RAM), 35% merupakan PDS bertempoh matang jangka sederhana (5-7 tahun) sementara 60% merupakan jangka panjang (lebih daripada 7 tahun). Sementara itu, terbitan PDS berasaskan prinsip Islam yang lebih tinggi adalah kerana permintaan yang tinggi terhadap instrumen berasaskan Islam, disebabkan sebahagiannya oleh peningkatan bilangan dana unit amanah berasaskan prinsip Islam yang dilancarkan pada tahun 2001. Di samping itu, projek penswastaan seperti projek bekalan air dan tenaga telah berjaya dibiayai menerusi PDS berasaskan prinsip Islam. Sebaliknya, terbitan bon dengan waran dan bon boleh tukar kekal kecil.

Satu perkembangan yang menarik dalam pasaran PDS pada tahun 2001 ialah pengenalan Garis Panduan Penerbitan Sekuriti Hutang Sokongan Aset (ABS) oleh Suruhanjaya Sekuriti. Terbitan ABS berjumlah RM1.2 bilion pada tahun 2001. Wujudnya minat untuk menerbitkan ABS ini adalah kerana keuntungannya dinikmati oleh penerbit dan juga pelabur. Dari perspektif penerbit, pensekuritian merupakan alat untuk menukar aset yang secara relatifnya tidak mudah cair kepada aset mudah cair. Di samping itu, ia membolehkan penerbit memperolehi kos pembiayaan yang lebih murah dan cekap oleh kerana penarafan bagi ABS secara umumnya lebih tinggi berbanding penarafan kredit jangka panjang penerbit tersebut. Ini adalah kerana pembayaran kepada pelabur bagi sekuriti hutang sedemikian adalah berdasarkan secara langsung atau tidak langsung daripada kedudukan aliran tunai aset tersebut. Dengan ini, penarafan kredit bagi sekuriti hutang sedemikian adalah berdasarkan kepada kualiti aset tersebut dan bukannya penarafan kedudukan kredit penerbit tersebut seperti di dalam kes sekuriti hutang yang diterbitkan oleh syarikat itu sendiri. Bagi pelabur pula, ABS menambahkan lagi jumlah produk berpendapatan tetap dalam pasaran modal Malaysia untuk pilihan mereka.

Pada tahun 2001, Cagamas mengekalkan kedudukannya sebagai penerbit yang aktif dalam pasaran PDS, mencakupi sebanyak 17.3% daripada jumlah terbitan. Cagamas membuka semula tujuh daripada bon berkadar tetap yang sedia ada bagi memperbesarkan saiz terbitannya, dan dengan ini meningkatkan mudah tunai bon Cagamas dalam pasaran sekunder. Untuk pertama kalinya, Cagamas telah menerbitkan bon berkadar tetap 10 tahun pada bulan Disember 2001 untuk membiayai pembelian pinjaman perumahan bertempoh matang 10 tahun. Penerbitan bon tersebut membolehkan Cagamas beranjak kepada keluk kadar hasil jangka panjang bagi sekuriti hutangnya. Ini seterusnya akan membolehkan Cagamas menetapkan harga pembelian pinjamannya, khususnya bagi pinjaman bertempoh matang jangka panjang pada harga pasaran.

Syarikat-syarikat yang terlibat di dalam sektor utiliti dan infrastruktur merupakan di antara penerbit PDS terbesar, masing-masing mencakupi sebanyak 30% dan 16.1% daripada jumlah terbitan baru. Penerbit utama dalam sektor ini ialah pengeluar tenaga bebas dan konsesionari jalan bertol yang memerlukan pembiayaan jangka panjang selama lebih dari 10

Graf 4.33
Nisbah Nilai Terkumpul Bon kepada KDNK



Graf 4.34
Terbitan PDS pada Tahun 2001 Mengikut Jenis Instrumen



Jadual 4.34
Terbitan Baru Sekuriti Hutang Swasta Mengikut Sektor [1]

Sektor	2000		2001*a*	
	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian
Pertanian, ternakan, perhutanan dan perikanan	42.5	0.2	26.6	0.1
Perlombongan dan kuari	0.0	0.0	0.0	0.0
Perkilangan	1,354.6	6.0	2,512.0	7.5
Elektrik, gas dan bekalan air	4,564.1	20.2	10,006.9	30.0
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	1,853.9	8.2	420.0	1.3
Pembinaan	2,006.3	8.9	3,299.9	9.9
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	7,320.3	32.5	5,374.5	16.1
Perkhidmatan kewangan, insurans, harta tanah dan perniagaan	5,108.3	22.7	5,103.2	15.3
Kerajaan dan ain-lain	300.0	1.3	6,598.2	19.8
Jumlah	**22,550.0**	**100.0**	**33,341.3**	**100.0**

[1] Tidak termasuk bon Cagamas
a Awalan

tahun bagi projek mereka. Di samping itu, terdapat peningkatan dalam terbitan PDS oleh syarikat di sektor perkilangan yang mencakupi kira-kira 7.5% daripada jumlah PDS yang diterbitkan pada tahun 2001. Penstrukturan semula beberapa buah syarikat besar dan strategik menyebabkan peningkatan terbitan baru PDS dalam sektor Kerajaan dan perkhidmatan lain. Terbitan dilakukan oleh sebuah badan khas yang ditubuhkan pada tahun 2001 sebagai sebahagian daripada komitmen Kerajaan untuk mempercepatkan proses penstrukturan semula sektor korporat bagi mengukuhkan keyakinan pelabur. Urutan tempoh matang bon yang diterbitkan oleh jentera khas ini telah ditetapkan dengan sewajarnya. Di samping penerbitan bon ini, penstrukturan operasi dan hutang yang lain turut dilaksanakan untuk memperbaiki keupayaan operasi dan kedudukan kewangan syarikat berkenaan bagi menjana aliran tunai dan membolehkan mereka menebus bon tersebut kelak.

Daripada jumlah PDS yang diterbitkan, sebanyak 41.6% adalah untuk pembiayaan aktiviti baru, 37.7% untuk pembiayaan semula dan 20.7% untuk tujuan penstrukturan semula. Ini merupakan satu perkembangan yang positif dalam ekonomi kerana sebahagian besar dana tersebut digunakan untuk menjana aktiviti baru dalam ekonomi. Pada tahun 2000, sebahagian besar daripada PDS yang diterbitkan adalah untuk tujuan penstrukturan semula.

Pada tahun 2001, berlaku kejatuhan berterusan dalam kadar hasil bon untuk semua tempoh matang. Kadar hasil SKM bertempoh matang tiga tahun jatuh daripada 4.02% pada akhir tahun 1999 kepada 3.07% pada akhir tahun 2000. Arah aliran yang sama dapat dilihat bagi kadar hasil SKM bertempoh matang 10 tahun, yang merosot sebanyak 188 mata asas dalam tempoh yang sama. Arah aliran kadar hasil bagi instrumen lain seperti bon Khazanah bertempoh matang tiga tahun dan bon Cagamas juga menurun dengan perbezaan kadar hasil yang semakin mengecil berbanding SKM. Perbezaan kadar hasil di antara bon Cagamas bertempoh matang tiga tahun dengan SKM bertempoh matang tiga tahun dalam pasaran sekunder ini adalah kira-kira enam hingga 18 mata asas. Tebaran yang kecil ini membolehkan Cagamas terus memainkan peranannya dalam menyediakan kos dana yang

Graf 4.35
Penggunaan Dana yang Diperoleh



Graf 4.36
Kadar Hasil Penunjuk bagi Sekuriti Hutang Tiga-tahun Terpilih



Graf 4.37
Keluk Kadar Hasil SKM



Graf 4.38
Perbezaan Kadar Hasil untuk Bon 3-tahun berbanding SKM 3-tahun



rendah kepada institusi kewangan. Arah aliran kadar hasil yang menurun ini adalah disebabkan oleh jangkaan pasaran terhadap pengurangan seterusnya dalam kadar faedah, keadaan mudah tunai lega yang berterusan di pasaran dan peralihan pelaburan daripada ekuiti kepada bon dalam suasana kepesatan kemudahubahan di pasaran saham global. Kadar hasil jatuh lagi pada bulan September berikutan lanjutan pengurangan kadar faedah di AS dan pengurangan Kadar Faedah Campurtangan BNM 3 bulan. Walau bagaimanapun, pada bulan Disember, berlaku peralihan kadar hasil disebabkan oleh jangkaan bahawa kadar faedah telah berada di paras terendah seiring dengan pergerakan keluk kadar hasil dalam pasaran serantau berikutan terdapatnya tanda-tanda pemulihan ekonomi AS.

Keluk kadar hasil SKM mendatar sepanjang tahun 2001 kerana tebaran di antara sekuriti bertempoh matang 10 tahun dengan tiga tahun mengecil daripada 167 mata asas kepada 75 mata asas. Ini mencerminkan jangkaan pasaran bahawa kadar faedah akan kekal rendah dalam jangka masa sederhana. Kadar hasil PDS menurun sejak awal tahun 1999 dan tebarannya mengecil dengan nyata berbanding dengan SKM. Pengecilan tebaran PDS yang diberi penarafan AAA berbanding SKM adalah nyata dan ini menunjukkan kecenderungan ke arah premium yang berisiko lebih rendah yang diperlukan oleh pelabur. Pada tahun 2001, tebaran bagi bon yang diberi penarafan A- dan BBB melebar daripada 275 - 508 mata asas pada bulan Januari kepada 321 - 611 mata asas pada bulan Disember disebabkan kebimbangan mengenai kemerosotan prestasi ekonomi global dan domestik. Ini menyebabkan pelabur mengubah pelaburan mereka kepada sekuriti Kerajaan dan separa Kerajaan yang lebih terjamin serta bon korporat yang diberi penarafan tinggi dan berkualiti tinggi.

Aktiviti urus niaga dalam pasaran sekunder bagi bon ringgit yang nyata lebih tinggi pada tahun 2001 adalah amat bermakna dalam usaha membangunkan pasaran bon. Jumlah urus niaga meningkat sebanyak 49% dan bernilai RM378.2 bilion (2000: RM253.8 bilion). Begitu juga, mudah tunai dalam pasaran bon yang diukur oleh nisbah jumlah urus niaga kepada jumlah bon terkumpul juga meningkat kepada 137.1% (2000: 104.2%). Aktiviti urus niaga yang lebih tinggi ini adalah disebabkan oleh penawaran SKM yang lebih tinggi pada tahun ini. SKM merupakan instrumen yang paling cergas didagangkan, meningkat sebanyak 148.2% dan merupakan 58.2% daripada jumlah aktiviti dagangan (2000: 34.9%). Jumlah urus niaga adalah paling tinggi pada suku ketiga tahun ini. Jangkaan tentang kemungkinan berlakunya pengurangan kadar faedah mendorong pelabur membuat pembelian dalam pasaran bon, terutamanya dalam instrumen yang tiada risiko. Pada tahun 2001, pelabur bon juga beralih kepada sekuriti Kerajaan dan separa Kerajaan disebabkan pulangan terbitan ini adalah lebih stabil.

Sebaliknya, urus niaga sekunder bagi bon Cagamas merosot dengan banyaknya, iaitu sebanyak 11.4% pada tahun 2001 dan merupakan 6.9% daripada jumlah aktiviti dagangan (2000: 11.5%). Dalam suasana kadar faedah yang rendah, minat urus niaga adalah tertumpu pada instrumen bertempoh matang jangka panjang seperti SKM. Kebanyakan bon

Graf 4.39
Urus Niaga Bon Ringgit



Graf 4.40
Pengagihan Penarafan Sekuriti Hutang Swasta*
(Pada akhir Disember 2001)



* Peratusan terhadap bilangan terbitan
Sumber: RAM and MARC

Cagamas diterbitkan untuk tempoh matang dua hingga tiga tahun. Di samping itu, saiz bon Cagamas juga secara relatifnya kecil (RM200 juta hingga RM400 juta bagi setiap terbitan), dan ini telah menjejaskan mudah tunai instrumen Cagamas. Walaupun minat pelabur tertumpu kepada SKM, permintaan untuk PDS yang diberi penarafan tinggi dan berkualiti baik, kekal tinggi. Namun demikian, bahagian dagangan PDS adalah sederhana sebanyak 29.4% daripada jumlah aktiviti dagangan berbanding sebanyak 45.9% pada tahun 2000.

Pada tahun 2001, permintaan untuk penarafan kekal tinggi oleh kerana syarikat-syarikat, terutamanya yang diberi penarafan tinggi, beralih kepada pasaran bon sebagai pilihan pembiayaan yang lebih murah. Pada tahun 2001, RAM telah selesai membuat 88 penarafan baru dengan cadangan nilai kasar sebanyak RM27.1 bilion. Terbitan jangka panjang merupakan 76% dan 87% daripada jumlah bilangan dan nilai kasar terbitan. Sementara itu, *Malaysian Rating Corporation Berhad* (MARC) selesai membuat 29 penarafan baru bagi hutang korporat dengan nilai yang ditaraf adalah sebanyak RM9.5 bilion. Terbitan yang telah diberi penarafan secara umumnya tertumpu kepada kategori AA dan A, memandangkan syarikat-syarikat yang mempunyai kualiti kredit yang tinggi telah mengambil peluang ke atas kemudahan untuk memperolehi dana di pasaran bon.

Pada tahun 2001, daripada 192 penarafan semula bagi sekuriti hutang swasta jangka panjang yang dikendalikan oleh RAM dan MARC, sebanyak 153 merupakan penarafan pengesahan/pengesahan semula, 14 peningkatan taraf, sementara 25 lagi adalah penurunan taraf. Pada akhir tahun 2001, sebahagian besar daripada bon jangka panjang adalah dalam kategori AA dan A.

Pada tahun 2001, beberapa langkah telah diperkenalkan untuk memajukan lagi pasaran bon. Langkah-langkah utama terkandung di dalam rencana "Langkah-langkah Utama Pasaran Modal pada tahun 2001". Langkah-langkah tersebut termasuklah pengenalan garis panduan penawaran sekuriti hutang sokongan aset, pelonggaran sekatan ke atas penggunaan perolehan daripada terbitan PDS dan garis panduan mengenai program pinjaman dan pemberian pinjaman sekuriti di bawah Sistem Pemindahan Elektronik Masa Benar Dana dan Sekuriti.

Industri Unit Amanah

Industri unit amanah terus berkembang pada tahun 2001 dari segi bilangan syarikat pengurusan dan dana unit amanah, unit dalam edaran dan bilangan akaun. Jualan kasar yang dicatat oleh dana unit amanah juga melebihi jumlah pembelian balik pada tahun ini, mengakibatkan jualan bersih yang berjumlah sebanyak RM6.1 bilion. Walaupun jualan bersih pada tahun 2001 kurang sedikit daripada tahun 2000, ia masih tinggi berbanding purata jualan bersih yang berjumlah sebanyak RM0.5 bilion pada tempoh 1995-99.

Pertumbuhan industri ini telah didorong oleh peningkatan permintaan pelabur terhadap dana unit amanah yang bersesuaian dengan profil risiko-pulangan mereka serta Skim Pelaburan Simpanan Ahli KWSP yang sedia ada. Berikutan usaha pemasaran oleh industri unit amanah, kesedaran pelabur runcit

Jadual 4.35
Industri Unit Amanah (Termasuk Unit Amanah Islam) - Penunjuk Terpilih

	2000	2001	2000	2001
	Tumbuhan (%)			
Bilangan Syarikat Pengurusan Unit Amanah	34	37	3.0	8.8
Bilangan Dana Unit Amanah*	119	149	17.8	25.2
Unit Dalam Edaran (bilion)	63.8	71.4	21.3	11.9
Bilangan Akaun (juta)	9.6	10	7.9	4.2
Nilai Aset Bersih (NAV) (RM bilion)	43.3	47.3	0.5	9.2
Jualan Bersih (RM bilion)	7.0	6.1		
Nisbah NAV kepada Nilai Pasaran BSKL (%)	9.8	10.2		

* Merujuk kepada dana yang telah dilancarkan

Sumber: Suruhanjaya Sekuriti

Graf 4.41
Industri Unit Amanah - Jualan Kasar, Pembelian-balik dan Jualan Bersih



kecil terhadap faedah skim unit amanah telah meningkat. Bilangan ejen institusi unit amanah juga telah meningkat kepada 27 daripada 17 pada tahun sebelumnya. Kesemua faktor ini telah menyumbang kepada pertumbuhan sebanyak 9.2% (2000: +0.5%) dalam nilai aset bersih (NAV) bagi industri tersebut. Akibatnya, nisbah NAV kepada permodalan pasaran BSKL meningkat kepada 10.2% pada akhir tahun 2001, daripada 9.8% pada akhir tahun sebelumnya.

Pasaran Derivatif yang Diniagakan dalam Bursa

Selaras dengan cadangan yang terkandung di dalam Pelan Induk Pasaran Modal, *Malaysia Derivatives Exchange* (MDEX) telah ditubuhkan pada 11 Jun 2001 sebagai sebuah bursa derivatif bersepadu, berikutan penggabungan dua buah bursa iaitu *Kuala Lumpur Options and Financial Futures Exchange* dengan *Commodity and Monetary Exchange of Malaysia*. Penubuhan MDEX ini bertujuan untuk menggalakkan ekonomi berskala dan memperluaskan pasaran menerusi peningkatan kecekapan operasi dan urus niaga produk derivatif yang lebih banyak lagi. Pada tahun 2001, MDEX menawarkan empat jenis produk, iaitu Niaga Hadapan KLSE CI, Kontrak Opsyen KLSE CI, Niaga Hadapan KLIBOR dan Niaga Hadapan Minyak Sawit Mentah.

Prestasi produk yang diniagakan di MDEX adalah bercampur-campur pada tahun 2001. Aktiviti urus niaga di dalam Niaga Hadapan KLSE CI adalah lemah dengan jumlah urus niaga merosot sebanyak 21.6%. Bilangan bukaan pada akhir bulan, yang merupakan bilangan kedudukan yang belum dijelaskan, juga rendah. Jumlah urus niaga yang rendah ini disebabkan terutamanya oleh kurangnya mudah ubah dalam KLSE CI, yang seterusnya menyebabkan kurangnya penyertaan daripada pelabur tempatan dan asing. Urus niaga yang rendah ini juga dicerminkan oleh Nisbah Mudah Tunai Derivatif (DLR) yang rendah. DLR ini merupakan nisbah nilai urus niaga hadapan berbanding nilai urus niaga stok komponen. DLR kekal di bawah paras 100 sepanjang tahun ini, menandakan bahawa pendedahan pelabur dalam pasaran sebenar tidak dilindungi sepenuhnya oleh kontrak niaga hadapan mereka. Dari segi harga pula, harga Niaga Hadapan KLSE CI yang mengikuti rapat pergerakan KLSE CI, meningkat sedikit iaitu sebanyak 1.4% pada tahun 2001. Begitu juga, jumlah urus niaga kontrak Opsyen KLSE CI, yang diperkenalkan pada tahun 2000, kekal rendah pada 565 kontrak dan tiada bilangan bukaan. Aktiviti urus niaga yang rendah ini juga disebabkan oleh kurangnya kefahaman mengenai produk tersebut dan keperluan margin yang tinggi.

Sementara itu, jumlah urus niaga tahunan bagi *Niaga Hadapan KLIBOR 3 Bulan* meningkat sebanyak

Jadual 4.36
MDEX
Urus Niaga: Bilangan Kontrak

	2000	2001	% perubahan
Niaga hadapan KLSE CI	366,942	287,528	-21.6
Opsyen KLSE CI	349	565	61.9
Niaga hadapan KLIBOR	44,812	54,914	22.5
Niaga hadapan CPO	308,622	479,799	55.5

Source: Malaysia Derivatives Exchange

Langkah-langkah Utama Pasaran Modal Pada Tahun 2001

Langkah-langkah pasaran modal yang diperkenalkan pada tahun 2001 adalah bertujuan untuk menjadikan pasaran modal lebih efisyen, telus, berinovasi dan berdaya saing yang akan meningkatkan penyertaan di kalangan peserta-peserta pasaran. Secara keseluruhannya, langkah-langkah yang diperkenalkan adalah bertujuan untuk meningkatkan keyakinan pelabur dengan menangani isu-isu tertentu, termasuk isu urus tadbir korporat. Langkah-langkah utama pasaran modal yang diperkenalkan pada tahun 2001 adalah seperti berikut:

Menetapkan Halatuju Yang Jelas Untuk Pembangunan Pasaran Modal

- Satu perkembangan utama pada tahun 2001 adalah pelancaran Pelan Induk Pasaran Modal pada bulan Februari dengan objektif untuk menetapkan kedudukan yang strategik dan halatuju masa hadapan pasaran modal Malaysia. Matlamat ini dirangkumkan di dalam enam objektif utama:
  i) Untuk menjadi pusat perolehan dana utama bagi syarikat-syarikat di Malaysia;
  ii) Untuk menggalakkan industri pengurusan pelaburan yang berkesan dan suasana yang lebih selesa kepada pelabur;
  iii) Untuk meningkatkan daya saing dan keberkesanan institusi pasaran;
  iv) Untuk membangunkan suasana yang teguh dan berdaya saing bagi perkhidmatan perantaraan;
  v) Untuk memastikan rejim peraturan yang lebih teguh dan mudah; dan
  vi) Untuk memperkenalkan Malaysia sebagai pusat pasaran modal Islam antarabangsa.

Daripada 152 cadangan di dalam Pelan Induk tersebut, 14 cadangan telah dilaksanakan sepenuhnya, 24 cadangan belum disiapkan sepenuhnya, sementara 48 lagi sedang diusahakan. Kemajuan telah dicapai dalam bidang penggabungan bursa saham, penggabungan syarikat broker saham, peraturan berasaskan penzahiran dan pasaran bon korporat.

Mengukuhkan Industri Broker Saham dengan Meningkatkan Ketelusan dan Pentadbiran.

- Pada 22 Januari, Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) telah mengeluarkan **Syarat-syarat Penyenaraian Baru** untuk mengukuhkan lagi pasaran modal dan industri sekuriti. Syarat-syarat Penyenaraian Baru ini mengukuhkan peruntukan dalam bidang berkenaan penzahiran, urus tadbir korporat, obligasi penyenaraian yang berterusan, pelaporan kewangan dan penguatkuasaan. Ia menyusun peraturan dan prosedur yang tidak bertulis berhubung dengan syarikat-syarikat yang disenaraikan, memudahkan syarat-syarat prosedur dan proses penyenaraian, memperjelaskan syarat-syarat dengan menghapuskan keraguan, dan menerima pakai amalan dan piawai terbaik antarabangsa dalam peraturan-peraturan penyenaraian.

- Pada 10 Mei, Suruhanjaya Sekuriti (SC) telah **memperkenalkan beberapa fleksibiliti untuk memudahkan terbitan, tawaran dan penyenaraian sekuriti** oleh syarikat-syarikat Malaysia. Fleksibiliti ini adalah sejajar dengan objektif Pelan Induk Pasaran Modal untuk menjadikan pasaran modal Malaysia sebagai pusat perolehan dana yang utama bagi syarikat-syarikat Malaysia dengan meningkatkan kecekapan dalam keseluruhan proses perolehan dana. Fleksibiliti yang diperkenalkan adalah seperti berikut:

  i) Semakan kepada keperluan prestasi keuntungan silam untuk penerbitan tawaran awam permulaan dan pengambilalihan songsang/penyenaraian melalui syarikat lain di BSKL;
  ii) Membenarkan terbitan dan penyenaraian saham pinjaman tak bercagar boleh tukar tak boleh tebus (ICULS) sebagai sebahagian daripada skim pengapungan di BSKL;
  iii) Memansuhkan had peruntukan keutamaan sebanyak 10 lot untuk setiap pengarah, pekerja dan individu lain dalam skim pengapungan di BSKL. Walau bagaimanapun, had keseluruhan sebanyak 5% dalam skim peruntukan keutamaan dikekalkan;
  iv) Menghapuskan kriteria berasaskan merit untuk terbitan bonus yang diperolehi melalui permodalan

192

premium syer dan rizab lain. Syarikat awam yang tersenarai, kini dibenarkan untuk menerbitkan terbitan bonus sekuriti melalui permodalan premium syer selagi premium syer yang ada disahkan oleh juruaudit luar syarikat tersebut; dan

v) Semakan kepada garis panduan skim opsyen syer pekerja.

- Pada 3 September, fleksibiliti seterusnya diperkenalkan oleh SC sebagai pelengkap kepada fleksibiliti terdahulu yang diperuntukkan kepada terbitan **Tawaran Awam Permulaan (IPO), perolehan dana dan pengstrukturan semula.** Untuk terbitan IPO, SC telah meminda syarat-syarat untuk tawaran awam, penempatan, penajajaminan, tebaran pegangan saham, rizab dan had-had ke atas struktur modal. Pindaan ke atas Garis Panduan Terbitan berkenaan dengan penggunaan akaun proforma juga telah diperkenalkan. Dari segi fleksibiliti untuk perolehan dana dan pelaksanaan penstrukturan semula, yang diberi sebelum ini kepada kes-kes penyelamatan, juga telah dilanjutkan. Sementara itu, syarat-syarat kedudukan aset ketara bersih selepas penstrukturan semula syarikat tersenarai yang bermasalah telah diturunkan kepada 35% daripada 50% daripada nilai tara syer biasa syarikat tersebut. Di samping itu, semua syarikat tersenarai yang bermasalah dibenar menerbitkan sekuriti boleh tukar dengan nilai nominal di bawah RM1.00.

- Pada 25 April, SC telah menerbitkan **Garis Panduan untuk Dokumen Tawaran** bagi pengambilalihan dengan objektif untuk meningkatkan penzahiran dalam dokumentasi tawaran, sejajar dengan usaha ke arah satu peraturan yang berasaskan penzahiran sepenuhnya. Garis panduan ini akan memudahkan usaha pengambilalihan syarikat dengan memastikan proses yang jelas, melindungi kepentingan pemegang saham minoriti syarikat dan menyediakan maklumat dengan cepat dan mencukupi kepada pemegang-pemegang saham.

Mempromosi Pasaran Bon

- SC telah mengeluarkan **Garis Panduan Mengenai Tawaran Sekuriti Sokongan Aset** (ABS) pada 10 April, yang menandakan satu perkembangan penting di dalam pembangunan pasaran bon korporat. Garis panduan inimenggariskan kriteria yang jelas dan telus untuk memudahkan peserta pasaran menawarkan sekuriti hutang sokongan aset. Sebagaimana yang diumumkan di dalam Belanjawan Tahun 2001, urus niaga sekuriti aset yang mematuhi keseluruhan garis panduan ABS yang dikeluarkan oleh SC, adalah layak untuk mendapat pengecualian cukai laba hartanah dan duti setem, yang mana berkenaan.

- Pada 3 Disember, **larangan penggunaan hasil daripada terbitan PDS dilonggarkan lagi.** Hasil daripada terbitan PDS kini boleh digunakan untuk membiayai pembangunan harta kediaman dan rumah kedai berharga lebih daripada RM250,000 seunit dengan syarat hasil daripada terbitan bon tersebut hanya boleh dikeluarkan setelah mencapai jualan pulang modal (dari segi nilai). Tambahan lagi, pembangunan rumah kedai tersebut perlu dilaksanakan dalam kawasan kediaman. Kelonggaran ini adalah sejajar dengan kelonggaran larangan pemberian pinjaman oleh BNM.

- BNM telah mengeluarkan Garis Panduan mengenai Program Pinjaman dan Pemberian Pinjaman Sekuriti (SBL) di bawah Sistem Pemindahan Elektronik Masa Benar Dana dan Sekuriti. Garis panduan ini, yang berkuatkuasa pada 10 Disember, merupakan sebahagian daripada langkah-langkah yang dilaksanakan pada tahun ini untuk meningkatkan pembangunan pasaran bon. Satu urus niaga SBL melibatkan pertukaran sekuriti di antara dua pihak dalam satu jangka masa bagi memenuhi kehendak sementara satu pihak atau kedua-duanya. Objektif pelaksanaan program SBL adalah untuk meningkatkan mudah tunai dalam pasaran bon sekunder dengan menyediakan satu mekanisme baru untuk menyokong strategi dagangan bagi peniaga. Ia juga bertujuan untuk meningkatkan pulangan portfolio pelaburan bon kepada pelabur.

193

Meningkatkan Mekanisme dan Daya Saing Pasaran

- Pada 1 Julai, SC telah mengurangkan yuran penjelasan SCANS, yuran SCORE dan levi SC dalam usahanya yang berterusan untuk meningkatkan daya saing industri. Yuran penjelasan SCANS telah dikurangkan kepada 0.04% daripada 0.05%, tertakluk kepada had maksimum sebanyak RM200 bagi setiap kontrak. Yuran SCORE pula dikurangkan kepada 0.0025% daripada 0.005%. Levi SC, yang dikira berdasarkan komisen broker dan yuran penjelasan SCANS, telah dikurangkan juga kepada 0.015% daripada 0.02%.

- Berkuat kuasa mulai 18 Julai, BSKL menerusi rumah penjelasannya, SCANS telah memulakan **Perkhidmatan Penyelesaian Institusi (ISS) untuk urus niaga perniagaan langsung.** Pelaksanaan ISS untuk urusniaga perniagaan langsung akan mengurangkan pendedahan risiko penyelesaian bagi pelabur antarabangsa dan meningkatkan urusan serahan dan pembayaran, sejajar dengan amalan dan syarat-syarat terbaik penyelesaian antarabangsa.

- Pada 29 Ogos, SC mengeluarkan **Garis Panduan Mengenai Penubuhan Kemudahan Laluan Elektronik oleh Broker Universal** sejajar dengan usaha untuk membina satu rangka kerja yang teratur dan cekap untuk pelaksanaan dagangan elektronik dalam pasaran modal. Kemudahan laluan elektronik merujuk kepada suatu kawasan, lokasi atau premis yang mempunyai kemudahan yang membolehkan pelanggan membuat pesanan atau mendapatkan maklumat nasihat pelaburan secara elektronik. Broker Universal adalah bebas untuk menetapkan jenis, saiz, bilangan dan lokasi bagi kemudahan-kemudahan ini. Walau bagaimanapun, mereka hendaklah memastikan kemudahan yang disediakan itu selamat daripada dirosakkan dan dicerobohi oleh pihak yang tidak berkenaan. Di samping itu, sebagai satu langkah ke arah membangunkan lagi rangka kerja dagangan elektronik yang lebih mudah, khususnya yang berkaitan dengan urusniaga talian terus, Broker Universal diberi fleksibiliti untuk memberi diskaun sehingga 25% daripada kadar komisen semasa yang diberikan kepada dagangan dengan nilai kontrak sebanyak RM100,000 dan ke bawah, untuk semua dagangan laluan elektronik yang dilakukan oleh mereka.

- Dalam pembentangan Belanjawan Tahun 2002 pada bulan Oktober 2001, Kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan mekanisme "circuit breaker" dalam bursa saham. Mekanisme ini berupaya menghentikan sementara aktiviti urus niaga apabila terdapat penurunan besar pada hari dagangan. Mekanisme ini dijangka akan mula beroperasi pada suku pertama tahun 2002. Ia bertujuan untuk memberi para pelabur masa dan peluang untuk mendapatkan maklumat dengan lebih lengkap semasa keadaan pasaran menjadi terlalu tidak menentu dengan membenarkan penutupan atau pemberhentian urus niaga untuk satu jangka waktu tertentu, sebelum urus niaga bermula semula. Ini dapat memastikan keyakinan pelabur dan pasaran dikekalkan, terutamanya apabila suasana urusniaga menjadi terlalu tidak menentu.

Meningkatkan Perlindungan terhadap Pelabur

- Pada 17 September, SC mengeluarkan **Garis Panduan Mengenai Pemegang Amanah untuk Pemegang Debentur** sebagai pemantau dalam memastikan kepentingan pemegang debentur dilindungi. Di bawah Garis Panduan ini, SC memberikan persetujuan menyeluruh kepada pemegang amanah yang memohon untuk dilantik atau bertindak sebagai pemegang amanah di bawah subseksyen 69(2) Akta Suruhanjaya Sekuriti, jika mereka memenuhi segala syarat dalam garis panduan tersebut. Satu syarat yang diperlukan bagi mendapat kelulusan SC ialah pemegang amanah hendaklah terus mematuhi syarat-syarat ini ketika menjadi pemegang amanah bagi sesuatu terbitan debentur.

- Pada 26 November, SC mengumumkan bahawa syarikat-syarikat awam yang tersenarai di papan utama dan kedua BSKL yang masih belum meningkatkan modal berbayar masing-masing kepada paras sekurang-kurangnya RM60 juta dan RM40 juta, dikehendaki memaklumkan kepada pelabur tentang kegagalan mereka mematuhi syarat tersebut dan rancangan untuk mematuhinya menerusi laporan kewangan suku tahunan. Tarikh akhir untuk pematuhan tersebut telah dilanjutkan daripada 30 April 2002 kepada 31 Disember 2002. Syarikat-syarikat yang gagal mematuhi syarat-syarat modal berbayar minimum tersebut pada tarikh akhir lanjutan itu akan dikenakan sekatan dagangan.

Memperbaiki Urus Tadbir Korporat dan Pemeliharaan Pemegang Saham Minoriti

- Berkuatkuasa 15 Februari, pengarah syarikat awam yang disenaraikan dikehendaki untuk menghadiri Program Akreditasi Mandatori (MAP) dan Program Pendidikan Berterusan (CEP) sempena dengan perubahan besar yang telah dilakukan ke atas Keperluan Penyenaraian, yang dikeluarkan pada 22 Januari. Program latihan tersebut bertujuan untuk melengkapkan pengarah-pengarah supaya mereka dapat melaksanakan tugas mereka dengan lebih baik dan dapat meningkatkan kaliber mereka secara keseluruhannya.

- **Berkuatkuasa 1 Jun**, syarikat-syarikat awam yang disenaraikan dikehendaki mematuhi Keperluan Penyenaraian yang telah banyak diubah ini kecuali beberapa peruntukan, berkuatkuasa 15 Februari. Di antaranya, Keperluan Penyenaraian yang terbaru ini telah menerima pakai cadangan-cadangan Jawatankuasa Kewangan yang berkaitan dengan Kod Urus Tadbir Korporat Malaysia, untuk mewujudkan suasana korporat yang mempunyai piawai tatalaku yang tinggi dan penzahiran yang berkualiti tinggi daripada syarikat-syarikat, lembaga pengarah dan pihak pengurusan syarikat tersebut. Keperluan penyenaraian yang terbaru ini telah menggalakkan pematuhan kepada Kod Urus Tadbir Korporat Malaysia. Pindaan-pindaannya termasuk:

  i) Keperluan melaporkan setakat mana pengarah syarikat awam yang disenaraikan telah mematuhi Kod Urus Tadbir Korporat Malaysia;
  ii) Peraturan mengenai keperluan penzahiran oleh pengarah-pengarah semasa melaporkan keadaan pengawalan dalaman;
  iii) Peraturan mengenai pengarah bukan eksekutif dan keperluan supaya satu pertiga daripada ahli Lembaga Pengarah adalah ahli bebas; dan
  iv) Peraturan yang memerlukan akreditasi mandatori terhadap pengarah syarikat yang disenaraikan.

- Berkuatkuasa 1 Jun, syarikat-syarikat awam yang disenaraikan perlu untuk mematuhi "Pernyataan Pengawalan Dalaman: Garis Panduan untuk Pengarah Syarikat Awam yang Disenaraikan" yang diterbitkan oleh Pasukan Petugas mengenai Pengawalan Dalaman BSKL. Objektif garis panduan tersebut adalah untuk memberi tunjuk ajar kepada pengarah syarikat awam yang disenaraikan dalam membuat penzahiran mengenai keadaan pengawalan dalaman syarikat dan menyediakan laporan tahunan mereka. Khususnya, garis panduan tersebut menerangkan perkara penting yang perlu diberi perhatian oleh pengarah-pengarah sebelum membuat sebarang pernyataan mengenai keadaan pengawalan dalaman syarikat. Perkara-perkara penting ini ialah sistem pengawalan dalaman, tanggungjawab pelbagai pihak dalam penyenggaraan sistem pengawalan dalaman, proses kajian semula kecukupan dan keutuhan sistem pengawalan dalaman dan penzahiran minimum mengenai pengawalan dalaman yang dibuat oleh Lembaga Pengarah.

- Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad (BPPSM), yang ditubuhkan pada Ogos 2000, telah bermula operasinya sejak bulan Julai 2001. Ahli-ahli pengasasnya adalah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Permodalan Nasional Berhad, Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Lembaga Tabung Haji dan Pertubuhan Keselamatan Sosial. Peranan BPPSM adalah untuk menggalakkan kesedaran di antara pemegang saham minoriti, terutamanya pelabur institusi, mengenai hak dan tanggungjawab mereka. Ini adalah bertujuan untuk melindungi pemegang saham minoriti daripada dieksploitasikan oleh syarikat-syarikat awam yang disenaraikan dan mencegahkannya, jika perlu, supaya dapat membanteras penyelewengan syarikat-syarikat awam yang disenaraikan terhadap pemegang saham minoriti.

Graf 4.42
Niaga Hadapan dan Opsyen Indeks Komposit BSKL



Graf 4.43
Niaga Hadapan KLIBOR



22.5%. Di samping itu, bilangan bukaan pada akhir bulan menunjukkan arah aliran yang meningkat di sepanjang tahun, dengan paras yang paling tinggi dicatat pada bulan Ogos iaitu sebanyak 13,023 kontrak, sebelum ditutup pada 10,751 kontrak pada akhir tahun (akhir tahun 2000: 6,642 kontrak). Urus niaga yang lebih tinggi ini disebabkan oleh keadaan mudah tunai yang lega dalam pasaran tunai antara bank dan minat yang semakin meningkat dalam pasaran bon tempatan dan pasaran kadar faedah swap. Institusi perbankan merupakan pelabur utama dan mencakup sebahagian besar aktiviti urus niaga. Harga Niaga Hadapan KLIBOR 3 Bulan adalah bercampur-campur sepanjang tahun ini. Kadar hasil

Graf 4.44
Kadar Hasil Tersirat Niaga Hadapan KLIBOR dan Kadar Hasil Spot



Graf 4.45
Dagangan Hadapan Minyak Sawit Mentah



tersirat (kontrak 4 suku bulan) meningkat daripada 3.84% pada bulan Januari dan mencapai tahap tertinggi pada 4.10% pada bulan April, sebelum menurun ke tahap paling rendah pada 3.22% pada bulan Oktober. Kadar hasil tersirat kemudiannya meningkat untuk ditutup pada 3.50% pada akhir tahun 2001.

Pada tahun 2001, jumlah dagangan bagi *Kontrak Niaga Hadapan Minyak Sawit Mentah* di MDEX adalah lebih tinggi, mencerminkan terutamanya peningkatan dalam pengeluaran minyak sawit mentah sebanyak 8.9% serta perkembangan di pasaran fizikal minyak sawit yang mula menunjukkan harga yang lebih kukuh semenjak bulan Julai. Mencerminkan perkembangan yang menggalakkan dari segi harga, jumlah lot yang diurusniagakan di MDEX meningkat dengan nyata pada separuh kedua tahun 2001 berbanding pada separuh pertama tahun ini. Julat harga kontrak hadapan bulan yang ketiga melebar kepada RM622 (2000: RM492), dengan harga harian tertinggi dicatat sebanyak RM1,315 setan metrik pada 8 Ogos 2001. Analisa berdasarkan tempoh separuh tahunan menunjukkan purata bulanan harga hadapan minyak sawit mentah adalah lebih rendah pada separuh pertama tahun 2001, iaitu berada di antara RM741 hingga RM860 setan metrik sebelum melonjak kepada julat yang lebih tinggi iaitu di antara RM913 hingga RM1,264 setan metrik pada separuh kedua tahun ini. Kenaikan harga pada tempoh ini adalah disebabkan terutamanya oleh penawaran minyak sayuran dunia yang semakin berkurangan berikutan kemerosotan dalam pengeluaran beberapa minyak sayuran utama, termasuk minyak sawit, minyak rap dan minyak bunga matahari, sementara permintaan pula terus meningkat.

PERKEMBANGAN DALAM SISTEM PEMBAYARAN DAN PENYELESAIAN

Dalam tahun 2001, BNM telah melaksanakan beberapa langkah dan pembaharuan bagi meningkatkan kecekapan sistem pembayaran yang dikendalikannya serta sistem pembayaran domestik lain dengan kerjasama institusi-institusi perbankan dan konsortium pembayaran. Usaha-usaha ini adalah penting bagi memastikan supaya sistem pembayaran negara terus cekap, stabil serta boleh dipercayai dan pada masa yang sama mengikuti perkembangan teknologi.

RENTAS

Beberapa langkah bagi mempertingkatkan lagi kecekapan dan kelenturan sistem RENTAS telah diperkenalkan dalam tahun 2001. Ini meliputi pengenalan sistem pengawasan masa nyata bagi mempertingkatkan pemantauan transaksi dan pengurusan kecairan, Modul Tambahan Perjanjian Belian Balik (REM) dan sistem pinjaman dan pemberian pinjaman sekuriti (SBL). Objektif REM dan SBL adalah untuk mempertingkatkan kecairan dalam pasaran bon sekunder dengan menyediakan satu rangka kerja atau mekanisma baru bagi menyokong strategi perdagangan oleh wakil penjual dan mempertingkatkan pulangan ke atas pelaburan dalam portfolio bon bagi pelabur. Perlaksanaan REM dan SBL juga bertujuan untuk mempertingkatkan kelenturan dalam penyelesaian transaksi REM dan SBL di kalangan ahli-ahli RENTAS. Pada masa yang sama, perbincangan sedang dijalankan untuk menghubungkan sistem ini dengan sistem pembayaran domestik yang lain seperti sistem penjelasan dan penyelesaian ekuiti bagi memperbaiki model pembayaran berbanding serahan yang sedia ada bagi pasaran ekuiti.

SPICK

BNM telah memperkenalkan tempoh pegangan yang baru bagi cek-cek luar kawasan yang dideposit dan dikeluarkan di kawasan SPICK dan bukan-SPICK yang dijelaskan di SPICK-KL. Berkuatkuasa 1 Disember 2001, tempoh pegangan cek yang dikeluarkan dari akaun di semua bandar di Malaysia dan didepositkan di SPICK-KL adalah selama tiga hari, manakala tempoh pegangan bagi cek yang didepositkan di Pulau Pinang, Johor Bahru, Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak adalah di antara tiga hingga lapan hari. Di samping itu, BNM telah memansuhkan takat masa pukul 2.00 petang bagi penjelasan pada hari yang

Jadual 4.37 :
Sistem Pembayaran dan Penjelasan

	2001			
	Nilai		Jumlah	
	(RM bilion)	Perubahan tahunan (%)	('000)	Perubahan tahunan (%)
RENTAS				
Transaksi IFTS	10,436	-4.8	1,511	–0.6
Transaksi SSTS	559.8	33	68	30.8
SPICK				
Cek yang dijelaskan	996	7.4	165,473	0.4
GIRO (IBG)				
IBG	1.08	1,250[1]	125	1,150[1]

[1] Sistem Giro mula diperkenalkan pada bulan Oktober 2000

sama yang diperkenalkan sebelum ini sebagai satu langkah sementara. Oleh yang demikian, semua cek tempatan yang didepositkan akan dijelaskan pada hari yang sama.

Pada masa ini, penjelasan cek bagi kawasan-kawasan yang tidak diliputi oleh sistem SPICK di negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia iaitu di Kelantan dan Terengganu, dan di Sabah dan Sarawak masih dilakukan secara manual. BNM kini sedang menjalankan kajian untuk mengenalpasti kaedah yang efektif bagi mempertingkatkan perkhidmatan penjelasan cek di kawasan berkenaan, terutamanya bagi mengurangkan lagi tempoh pegangan cek.

Mesin Juruwang Automatik (ATM)

Sepanjang tahun 2001, institusi perbankan terus mempertingkatkan perkhidmatan ATM mereka bagi menyediakan kemudahan tambahan kepada para pelanggan untuk menjalankan pelbagai transaksi perbankan. Perkhidmatan ini termasuklah permintaan buku cek baru, meletakkan deposit tetap, pembelian saham amanah, pembayaran bil, pembelian tiket secara elektronik, permohonan saham baru, pembayaran balik pinjaman dan menambah nilai kad prabayar. Rancangan sedang dilaksanakan untuk menukar kad ATM jalur magnetik kepada cip menjelang bulan Januari 2003. Ini adalah sebagai sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk menggalakkan penggunaan Kad Pintar Pelbagaiguna (KPP) dan usaha institusi perbankan untuk mengatasi kes penipuan kad. Sejajar dengan itu, mesin-mesin ATM akan dinaikkan taraf untuk membolehkannya menerima kad berasaskan cip.

Graf 4.46
Urus niaga IFTS RENTAS



Graf 4.47
Urus niaga SSTS RENTAS



Graf 4.48
Jumlah dan Nilai Cek yang dijelaskan oleh SPICK



Sistem Pembayaran di Malaysia

RENTAS

- Sistem RENTAS merupakan Sistem Penjelasan Kasar Masa Nyata (RTGS) yang telah diperkenalkan dengan matlamat untuk mengurangkan risiko berkaitan dengan pembayaran bernilai tinggi. Sistem RENTAS telah dilaksanakan mulai bulan Julai 1999 dan terdiri daripada sistem pemindahan dana antara bank (IFTS) dan sistem urusniaga, pemprosesan dan penjelasan sekuriti tanpa skrip (SSTS). Pengenalan sistem RENTAS membolehkan pencapaian Model 1 sistem pembayaran semasa serahan pada masa nyata bagi penjualan dan pembelian sekuriti tanpa skrip yang bertanda.

SPICK

- SPICK atau Sistem Penjelasan Imej Cek Kebangsaan merupakan satu sistem penjelasan cek berasaskan imej yang menyediakan imej bagi cek-cek masuk (inward cheques) untuk tujuan pemeriksaan dan pengesahan tandatangan oleh bank pembayar. Menerusi sistem SPICK, bank dapat memproses dan membuat pengesahan cek berdasarkan data dan cakera padat yang diperolehi dari pusat SPICK tanpa perlu merujuk kepada cek-cek secara fizikal. Melalui kaedah ini, ia membolehkan lebih banyak kawasan di negara ini menikmati faedah sistem penjelasan cek pada hari yang sama di samping dapat mengurangkan tempoh pegangan bagi cek luar kawasan dan seterusnya mengurangkan pengendalian dan pergerakan cek secara fizikal. Sistem ini yang mempunyai pusat operasi di Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Johor Bahru memproses lebih kurang 90% daripada jumlah cek di Malaysia. Pada November 2001, SPICK mengekalkan pengiktirafan ISO9002.

Mesin ATM

- Berikutan penggabungan tiga rangkaian ATM tempatan pada tahun 1996, bank-bank tempatan kini mempunyai satu rangkaian ATM yang bersepadu dengan bilangan mesin ATM melebihi 3,800 buah. Konsortium pembayaran, Malaysian Electronic Payment System (1997) Sdn. Bhd. (MEPS) menyediakan perkhidmatan operasi pensuisan, penjelasan dan penyelesaian bagi rangkaian perkongsian ATM tersebut. Kerjasama di antara institusi perbankan domestik ini membolehkan pengguna menggunakan semua mesin ATM dalam rangkaian MEPS dan mengurangkan keperluan bagi setiap bank untuk mengembangkan lagi rangkaian ATM masing-masing.

GIRO Antara Bank (IBG)

- Perkhidmatan GIRO antara bank yang dikendalikan oleh MEPS sejak bulan Oktober 2000 melibatkan pertukaran transaksi digital untuk menghantar arahan pembayaran. Sistem IBG yang mampu memproses pembayaran individu dalam jumlah yang banyak secara elektronik dapat memendekkan kitaran penjelasan bagi arahan pindahan bayaran terutamanya bagi transaksi pembayaran luar kawasan. Pembayaran menerusi IBG termasuklah arahan bagi bayaran pinjaman, premium insurans, gaji, cukai pendapatan dan caruman kepada KWSP. Kemudahan IBG kini disediakan oleh 11 buah institusi perbankan (termasuk sebuah bank Islam). Rancangan sedang dilaksanakan untuk mempertingkatkan sistem IBG yang sedia ada kepada sistem berasaskan pelayar internet bagi memudahkan transaksi pembayaran e-dagang. Graf 4.49 menunjukkan prestasi sistem IBG.

Gerbang Pembayaran SET

- Dalam menyokong pembangunan e-dagang, MEPS telah melancarkan sebuah gerbang pembayaran internet pada bulan Mac 1999 bagi memproses pembayaran berasaskan kad untuk institusi perbankan yang terlibat. Sistem tersebut boleh menerima transaksi-transaksi dengan menggunakan protokol "Secure Sockets Layer (SSL)" dan "Secured Electronic Transaction (SET)". Pada masa ini, terdapat lapan buah institusi perbankan yang mengambil bahagian dalam sistem ini. Graf 4.50 menunjukkan prestasi gerbang pembayaran SET.

Sistem Kad Debit

- MEPS telah melancarkan perkhidmatan debit ePos (electronic point of sale) dengan kerjasama tiga buah bank domestik pada awal bulan Februari 2002. Dalam sistem ini, MEPS mengendalikan operasi pensuisan bagi kad debit domestik yang membolehkan pemegang kad ATM bank yang mengambil bahagian untuk membuat pembayaran dengan menggunakan kad ATM mereka di institusi-institusi perniagaan yang terlibat tanpa mengira bank yang menjadi "acquirer" kepada institusi perniagaan tersebut. Sistem kad debit membenarkan pemegang kad untuk mencaj transaksi belian mereka terus kepada dana dalam akaun di bank yang mengeluarkan kad berkenaan.

Graf 4.49
Transaksi IBG Antara Bank



Graf 4.50
Transaksi Gerbang Pembayaran SET



Internet dan Lain-lain Perkhidmatan Pembayaran

Pada penghujung tahun 2001, sebanyak lapan buah bank domestik telah memperkenalkan perkhidmatan transaksi perbankan internet. Perkhidmatan yang ditawarkan ini membolehkan pengguna, antara lain membuat bayaran dan pemindahan dana antara akaun dan bank, pertanyaan baki dan permohonan penyata, buku cek baru dan menghentikan bayaran cek, dan mendapatkan maklumat terkini mengenai akaun. Dalam beberapa kes, pengguna juga boleh membuat permohonan pinjaman dan menjalankan urusan jualbeli saham secara terus. Beberapa buah bank juga turut menyediakan perkhidmatan bayaran bil secara terus dengan menggunakan kad kredit.

Pada tahun 2001, sebuah syarikat persendirian telah memperkenalkan perkhidmatan bayaran bil melalui kios. Perkhidmatan yang disediakan di kios termasuklah pembayaran bil-bil utiliti, menambah nilai kad prabayar dan pembayaran dengan kad kredit, wang tunai elektronik MEPS Cash dan kad-kad ATM bank yang mengambil bahagian.

Pembangunan dalam Media Pembayaran

Walaupun wang tunai masih merupakan alat pembayaran runcit yang popular di kalangan rakyat Malaysia, penggunaan kad kredit, kad debit dan wang tunai elektronik adalah semakin meningkat. Ini mencerminkan bahawa masyarakat Malaysia semakin canggih dan juga promosi yang agresif oleh pengeluar-pengeluar kad.

BNM dengan usahasama institusi perbankan dan pertubuhan kad kredit telah melaksanakan pelbagai langkah untuk menangani masalah penipuan kad kredit. Langkah-langkah ini meliputi pemantauan yang rapi ke atas aktiviti kad kredit melalui pengeluaran garis panduan dan penyeliaan, penubuhan Unit Penyelaras Pengurusan Risiko oleh industri kad kredit bagi menyelaras pengumpulan data penipuan kad kredit, meningkatkan kesedaran di kalangan para pengguna dan peniaga supaya lebih prihatin mengenai kejadian penipuan kad kredit, menggalakkan kerjasama dan meningkatkan kemampuan penyiasatan di kalangan institusi perbankan dalam menangani kes penipuan kad

Jadual 4.38
Media Pembayaran : Kad Kredit dan Kad Caj

	2000		2001	
	Jumlah kad ('000)	Nilai transaksi (RM bilion)	Jumlah kad ('000)	Nilai transaksi (RM bilion)
Kad Kredit	2,818	16.4	3,485	20.3
Kad Caj	235.7	1.9	286.9	1.8
Kad Debit	n/a	0.04	n/a	0.04

Graf 4.51
Operasi Kad Kredit dan Kad Caj di Malaysia



kredit dan mempertingkatkan lagi sistem pengawasan bank terhadap aktiviti kad kredit.

Terdapat juga kemajuan dalam perlaksanaan wang tunai elektronik MEPS Cash yang diperkenalkan buat pertama kalinya semasa Sukan Komanwel pada tahun 1998. Untuk meningkatkan lagi penggunaan MEPS Cash, satu projek percubaan telah dilaksanakan pada September 1999 di kawasan-kawasan yang terpilih di sekitar Kuala Lumpur dengan kerjasama enam buah institusi perbankan dan sejumlah 187 peniaga yang bersetuju menerima kad MEPS Cash. Institusi perbankan kini berada di peringkat akhir perlaksanaan MEPS Cash di peringkat kebangsaan. Selain daripada dikeluarkan sebagai kad pakaibuang, aplikasi MEPS Cash juga terdapat dalam MyKad dan Kad Pintar Pelbagaiguna Pembayaran (KPPP). KPPP juga mengandungi aplikasi ATM dan debit.

Inisiatif Kerjasama

Pada tahun 2001, BNM telah menubuhkan Majlis Penasihat Pembayaran Kebangsaan yang ditubuhkan pada tahun 1993. Peranan yang dimainkan oleh Majlis tersebut adalah untuk:-

- Memberi input bagi menangani keperluan infrastruktur jangkamasa pendek dan panjang sistem pembayaran;
- Memantau perkembangan sistem pembayaran di dalam dan di luar negara;
- Membantu menyelaraskan pelbagai inisiatif dalam bidang sistem pembayaran untuk memaksimumkan penggunaan sumber serta mengelakkan pembaziran akibat pertindihan aktiviti;
- Memberi input dalam menyediakan piawai jika perlu, untuk aplikasi bagi teknologi baru dalam sistem pembayaran; dan
- Memberikan pendapat agensi masing-masing mengenai perkara yang melibatkan sistem pembayaran.

Pada masa ini, ahli-ahli Majlis tersebut terdiri daripada wakil dari Bank of Japan, Hong Kong Monetary Authority, Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Suruhanjaya Sekuriti, MEPS, Persatuan Bank-Bank Malaysia, Persatuan Syarikat-Syarikat Kewangan Malaysia, Persatuan Bank-Bank Saudagar Malaysia dan Persatuan Insurans Am Malaysia.